

SENTIASA

MENUJU MASA HADAPAN YANG LEBIH BAIK



LAPORAN TAHUNAN 2022



Sentiasa Menuju Masa Hadapan yang Lebih Baik

Dalam memperluaskan spektrum penyampaian nilai kami, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] kini membuka jalan ke arah pulangan pelaburan yang lebih tinggi untuk semua pihak berkepentingan melalui program tiga tahun TERAS 5 kami.

Tema laporan tahunan kali ini mencerminkan komitmen berterusan KWAP melalui gambaran warna-warna para pesara menjalani kehidupan yang diidamkan. Ini melambangkan komitmen KWAP dalam merealisasikan aspirasi dan matlamat pihak berkepentingan utama kami ke arah hari esok yang lebih baik seperti yang disampaikan melalui tema ini.

Kanvas seni pelukis mengetengahkan peranan yang dimainkan oleh TERAS 5 dalam meningkatkan keupayaan dan penyampaian nilai KWAP, TERAS 5 melalui lima penggerak: struktur, tadbir urus, modal insan, proses dan digital. Ini berupaya meningkatkan lagi kebolehan kami untuk menyelaras lebih banyak pelaburan pemangkin yang memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia secara terus dan mengembangkan saiz dana di samping mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada pesara.



DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat, renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan, menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan agar usia tua akan waras terpelihara: damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah - Mac - kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah; dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu, peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.

Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja, ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara, alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari, yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

2022

TAHUN SEKILAS



RM2.6 bilion

Jumlah Caruman (7% melebihi sasaran)



Pertumbuhan >100%
tahun ke tahun

muat turun Aplikasi MyPesara
(jumlah muat turun sebanyak 291,863)



28,243

Jumlah capaian kepada penerima pencen termasuk pesara melalui pelbagai program



>100 sesi libat urus

untuk pihak berkepentingan termasuk warga kerja KWAP



RM8.6 juta

jumlah pendedahan aktiviti umum (nilai perhubungan awam)



Pengiktirafan **Anugerah Perak untuk 'Employer of Choice Public Sector Award'** dan **Anugerah Emas untuk 'Young HR Talent Award'** daripada *Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM)* semasa *MIHRM 22nd Malaysia-International HR Awards 2022*



Pencapaian tahap SLA

98.42%

pada 2022
(melebihi 95% peratusan minimum SLA mengikut perjanjian Agensi yang diperbaharui)



Strategi Perniagaan Diluluskan:

- **Pelan Alokasi Aset Strategik (SAA) baharu 2025**
- **Kerangka kerja tadbir korporat**
- **Pelan hala tuju Penjenamaan Strategik**
- **Kerangka kerja pengalaman pelanggan**





Saiz Dana: **RM158.10 billion**

Pulangan Pelaburan: **5.3%** (Kadar Pulangan Berwajaran Masa tahunan untuk purata 10 tahun)

Pelaburan Domestik berbanding Antarabangsa: **81% berbanding 19%** daripada jumlah aset pelaburan

Pelaburan Awam berbanding Persendirian: **90% berbanding 10%** daripada jumlah aset pelaburan



44%

status kemajuan
program TERAS 5



Struktur Organisasi Baharu

- **Pelantikan Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Digital KWAP yang pertama**
- **Pengaktifan 3 bahagian baharu: Kewangan, Digital dan Strategi & Perkhidmatan**
- **Pengaktifan 26 daripada 35 jabatan dan fungsi**



Kelulusan Pelaburan Baharu:

- **RM11 billion**
Bon Korporat & Bon Berdaulat Malaysia
- **> RM4.5 billion**
Pelaburan dalam Ekuiti Persendirian termasuk Dana Perintis
- **> RM1 billion**
Pelaburan dalam Hartanah



Anugerah Gangsa untuk '**Most People-Focused CEO**', '**Best HR Leader of the Year**' dan '**Excellence in Workshop Mobility**' semasa **HR Excellence Awards 2022 by Human Resources Online**



Diiktiraf sebagai salah satu daripada **Rakan Majikan Persatuan CFA Malaysia** bagi **Program Pengiktirafan Majikan** oleh Institut CFA



DALAM APORAN INI

1

Merealisasikan Keterjaminan Masa Hadapan

- 7 Perutusan Pengerusi
- 11 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 16 TERAS 5 KWAP



2

Membentuk Modal Insan yang Lebih Baik

- 19 Mengenai KWAP
 - Peranan dan Objektif
 - KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia
 - Carta Organisasi
 - Struktur Korporat
- 22 Tinjauan Prestasi



3

Menyempurnakan Penyampaian Nilai

- 26 Perkara-Perkara Material
- 30 Menuju Hari Esok yang Lebih Mampan



4

Memacu ke arah Prestasi yang Lebih Baik

- 55 Ulasan Pelaburan
 - Ekonomi, Pasaran & Strategi
 - Ulasan Kelas Aset
 - Pendedahan Pelaburan secara Geografi
 - Anak Syarikat
- 74 Ulasan Perniagaan
 - Perkhidmatan Persaraan
 - Pengurusan Caruman
 - Digital



5

Memperkuatkan Tadbir Urus Korporat

- 86 Kepimpinan Kami
• Profil Ahli Lembaga
• Profil Ahli Panel Pelaburan
• Profil Pengurusan Kanan
104 Penyata Tadbir Urus Korporat
113 Pengurusan Risiko dan Pematuhan
126 Penyata Audit Dalam
127 Integriti dan Tadbir Urus

6

Demi Pulangan yang Lebih Baik

- 130 Pensijilan Ketua Audit Negara
134 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
135 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2022 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
136 Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif
138 Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan
140 Penyata-Penyata Perubahan dalam Ekuiti
142 Penyata-Penyata Aliran Tunai
145 Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

7

Maklumat Lain

- 256 Glosari Istilah
Maklumat untuk Dihubungi

VISI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai yang menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang mampan secara inovatif.

MISI

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama.

NILAI KAMI

Kepimpinan

Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan orang lain untuk penambahbaikan berterusan

Akauntabiliti

Bertanggungjawab atas segala tindakan kami

Kerja Berpasukan

Bekerjasama untuk memberikan hasil yang cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan

Integriti

Ciri dalaman moral dan prinsip yang kukuh

Kecemerlangan dan Pencapaian

Pencapaian yang diperoleh melalui kecemerlangan

Pembelajaran dan Inovasi Berterusan

Sentiasa inovatif dan belajar dengan konsisten daripada cabaran dan pencapaian

Orientasi Pihak Berkepentingan

Memfokus kepada semua pihak berkepentingan seperti Kerajaan dan pesara-pesara



MEREALISASIKAN KETERJAMINAN MASA HADAPAN

Bagi menambah baik penyampaian nilai ketika dunia beralih ke era pasca pandemik, kami perlu terus teguh dalam menghadapi ketidaktentuan pasaran.

Berpegang teguh pada prinsip tersebut, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] terus maju ke hadapan demi pulangan pelaburan yang lebih tinggi, melalui program TERAS 5.

Dalam memberi fokus untuk menambah baik keupayaan dan kemahiran melalui program TERAS 5, lima penggerak telah dikenalpasti iaitu struktur, tadbir urus, modal insan, proses dan digital. Ini dapat meningkatkan keupayaaan kami bagi menjadi pemangkin pelaburan yang dapat memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia secara langsung sekaligus dapat meningkatkan saiz dana dan mutu perkhidmatan kami kepada pesara.

PERUTUSAN PENGERUSI



JUMLAH SAIZ DANA
RM158.10
bilion



PENDAPATAN PELABURAN
KASAR
RM7.01
bilion



KADAR PULANGAN
BERWAJARAN MASA
TAHUNAN UNTUK
PURATA 10 TAHUN
5.3%



TRANSFORMASI UNTUK KEBAIKAN BERSAMA

Pihak berkepentingan yang dihormati,

Menjadi aspirasi kami untuk terus berkembang saban tahun, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] telah mengorak langkah dalam perkhidmatan dan penyampaian nilai pada 2022, berpaksikan model transformasi Program TERAS 5. Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan untuk KWAP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

MENCARI KESEIMBANGAN DALAM PELBAGAI KETIDAKTENTUAN

Secara umumnya, ramai menjangkakan akan terdapat pemulihan positif terhadap semua sektor pasca pandemik pada 2022. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan ekonomi ini telah berterusan daripada cabaran-cabaran antarabangsa seperti ketegangan geopolitik antara Rusia-Ukraine, peningkatan inflasi, gangguan kepada rantaian bekalan dan komplikasi akibat pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Risiko pasaran antarabangsa yang tidak menentu dan cabaran terhadap kelas aset telah mengakibatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih perlana kepada 3.4% daripada 6.3% yang direkodkan pada 2021.

Namun begitu, pertumbuhan domestik masih kekal teguh di mana Malaysia merekodkan pertumbuhan tahunan KDNK sebanyak 8.7% pada 2022. Aktiviti perdagangan eksport meningkat sebanyak 25% tahun ke tahun dengan rekod tertinggi dicatatkan pada RM1.6 trilion pada 2022. Tambahan lagi, peningkatan keyakinan pelabur dan aktiviti pelaburan asing menyaksikan aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) melonjak kepada RM73.3 bilion pada 2022 berbanding RM48.1 bilion yang direkodkan pada 2021. Disokong oleh faktor ini, pasaran modal Malaysia pada 2022 kekal berdaya tahan pada jumlah RM3.6 trilion pada 2022. Jumlah dana yang diperoleh dalam pasaran modal sebanyak RM179.4 bilion juga merupakan yang tertinggi pernah dicatatkan, di mana sebahagian besar dicatatkan melalui terbitan bon korporat dan sukuk. Walaupun pertukaran dagangan derivatif mencatat rekod dagangan tertinggi sebanyak 18.8 juta lot, keseluruhan penilaian yang semakin lemah telah mengakibatkan penurunan aset di bawah pengurusan (AUM) kepada RM906.5 bilion.

PERUTUSAN PENGERUSI

Berjaya menyelesaikan fasa pertama inisiatif TERAS 5

SAA baru untuk mencapai sasaran pulangan pelaburan lebih tinggi sebanyak 7% setahun menjelang 2025

Berjaya menjalankan audit pemantauan ABMS yang pertama tanpa penemuan ketidakpatuhan

Walau bagaimanapun, di sebalik pemulihan positif ini, kos sara hidup masih kekal tinggi disebabkan oleh inflasi yang terus meningkat daripada 2.5% pada 2021 kepada 3.3%, yang mendorong Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menaikkan Kadar Polisi Semalam (OPR) sebanyak empat kali pada 25 mata asas setiap satu. Hal ini menyumbang kepada peningkatan OPR daripada 1.75% pada 2021 kepada 2.75% pada 2022.

KWAP kekal teguh dalam menyeimbangi antara pertumbuhan dan amalan berhemat dalam menghadapi ketidaktentuan ini. Fokus tahun ini dijuruskan ke arah mengekalkan pendapatan bersih selain selain mencapai 44% bagi status kemajuan program TERAS 5, bagi terus memangkin kecekapan operasi dan kesediaan masa depan.

MENGUKUHKAN PENYAMPAIAN NILAI

Dalam memberi fokus terhadap pengukuhan teras asasnya, KWAP berjaya mengekalkan saiz dana sebanyak RM158.10 bilion. Di samping itu, Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) tahunan untuk purata 10 tahun adalah 5.3%, mele过i penanda aras sebanyak 55 mata asas. Sementara itu, KWAP merekodkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM7.01 bilion, menyaksikan peningkatan sebanyak 10.7% berbanding RM6.33 bilion pada tahun 2021.

Program jangkauan tetap diberi keutamaan di mana pelbagai program pendidikan dan informasi berkaitan pengurusan kewangan pasca persaraan telah dijalankan oleh KWAP melalui sesi libat urus secara bersemuka serta dalam talian bersama pihak berkepentingan. Saya berbesar hati untuk melaporkan bahawa program ini berjaya mendapat sambutan seramai 28,243 individu yang bersamaan 114% daripada kumpulan yang disasarkan.

Kejayaan program jangkauan ini adalah nadi utama kepada Pelan Hala Tuju Penjenamaan Strategik KWAP yang telah diluluskan pada Oktober 2022 untuk meningkatkan sasaran publisiti dan usaha libat urus bersama pihak berkepentingan utama KWAP dengan slogan baharu iaitu Teman Persaraan Anda. Slogan ini mencerminkan hasrat kami untuk mengeratkan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam usaha menjadikan masa depan mereka lebih baik.

Daripada sudut perkhidmatan, KWAP telah menerima pengiktirafan antarabangsa daripada ASEAN Social Security Association (ASSA) atas pelaksanaan Business Intelligence Dashboard bagi membolehkan pemantauan proses persaraan secara masa nyata (*real-time*). Ini meningkatkan reputasi KWAP dalam industri keselamatan sosial bagi peringkat domestik dan antarabangsa. Ianya juga menjadi titik permulaan kepada pelbagai inisiatif digital di bawah program TERAS 5 yang telah dirancang untuk menambah baik pengalaman pelanggan.

STRATEGI PELABURAN KAMI

Secara asasnya, peranan KWAP adalah untuk memberi pulangan pelaburan yang terbaik. Dalam mendukung peranan ini, Alokasi Aset Strategik (SAA) sentiasa disemak sejajar dengan perubahan pasaran sekeliling dalam menghasilkan pulangan pelaburan yang optimum.

Bagi mencapai saiz dana kasar sebanyak RM200 bilion menjelang 2025, daripada saiz dana kasar semasa sebanyak RM175.60 bilion, semakan SAA ini telah dijalankan bagi mendorong KWAP mencapai sasaran pulangan pelaburan pada 7% setahun berbanding pulangan semasa sebanyak 5% ke 6% setahun di bawah SAA terdahulu. Di bawah seliaan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan, pelaksanaan SAA baharu memberi fokus terhadap strategi pelaburan secara menyeluruh dengan mengambil kira selera risiko dan perspektif pelaburan jangka masa panjang.

Bagi mencapai sasaran pulangan yang tinggi, SAA baharu ini memberi alokasi dana yang lebih tinggi untuk pelaburan pasaran antarabangsa pada had 30% dan pelaburan pasaran persendirian pada had 24%, serta mempelbagaikan portfolio dalam kelas aset baharu bagi memberi hasil pulangan lebih tinggi untuk menyesuaikannya dengan makroekonomi dan landskap pasaran modal yang tidak menentu.

Pertambahan peruntukan untuk pasaran persendirian telah dimulakan dengan pengenalan kredit persendirian ke dalam portfolio KWAP yang terdiri daripada domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti pendapatan tetap, ekuiti persendirian, infrastruktur dan harta tanah.

Pelaburan secara berhemat difokuskan pada syarikat yang mempunyai asas yang teguh seperti kedudukan kewangan serta aliran tunai yang kukuh, di samping membuat keputusan taktikal dengan memanfaatkan trend pasaran semasa dan mengambil kesempatan terhadap perubahan persekitaran pasaran serta peluang yang berkemungkinan timbul dalam jangka masa pendek.

Secara keseluruhannya, pelaburan domestik KWAP sebanyak 81% daripada jumlah aset pelaburan telah menyaksikan pulangan pelaburan yang lebih baik berbanding indeks pasaran global.

MEMPERKUKUHKAN INTEGRITI

Integriti merupakan antara elemen penting dalam operasi KWAP sebagai pemegang amanah dana pesara awam. Sebagai organisasi yang memperoleh sijil *ISO 37001 Anti-Bribery Management System* atau ABMS sejak 2021, Ahli Lembaga terus memastikan tahap tadbir urus yang teguh dan prinsip integriti tertinggi, ketelusan dan akauntabiliti menjadi tunjang dalam operasi. Kami berjaya menjalankan audit pemantauan ABMS yang pertama pada tahun lalu tanpa penemuan ketidakpatuhan.

KWAP telah mencapai kadar kemajuan sebanyak 56% di mana 32 daripada 57 inisiatif Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) telah dilaksanakan sepenuhnya dan program ini dijangka akan selesai pada tahun 2025.

KWAP juga berjaya menjalankan penilaian integriti keseluruhan organisasi dengan menggunakan instrumen penilaian integriti (IAT) yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Menurut hasil skor IIM, KWAP telah merekodkan jumlah skor sebanyak 84.17% daripada penilaian yang dijalankan. Ini telah meletakkan KWAP pada tahap tinggi sebagai sebuah organisasi yang mempunyai amalan terbaik dalam etika dan integriti.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap kepentingan mematuhi polisi dan tindakan berkaitan rasuah, KWAP telah menjalankan sesi libat urus

secara fizikal buat pertama kalinya yang menasarkan pengurus dana dan vendor sebagai sebahagian daripada program jangkauan perniagaan bersekutu KWAP. KWAP juga telah bekerjasama dengan Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Permodalan Nasional Berhad dalam penganjuran Program Integriti 2022 bersama Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang julung kali ini diadakan dengan matlamat untuk memartabatkan agenda integriti nasional dalam kalangan GLIC.

MENAMBAH BAIK TADBIR URUS DAN PENGURUSAN RISIKO

Kemajuan kerangka risiko dan tadbir urus KWAP terbukti berkesan pada tahun ini. Antaranya, Kerangka Pengurusan Risiko Perniagaan telah dinaik taraf daripada *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commision (COSO)* 2004 berdasarkan ISO31000:2018. Kerangka tadbir urus yang menyeluruh juga telah disatukan dan diluluskan pada akhir tahun. Ini diikuti dengan semakan daripada pelbagai jawatankuasa di KWAP dan kerangka komprehensif juga telah diperkemasukan dengan hanya satu pihak diberi kuasa untuk mentadbir penubuhan atau pembubaran sesebuah jawatankuasa. Polisi dan garis panduan risiko pelaburan juga telah diselaras dan disatukan di dalam satu dokumen untuk kefahaman dan keberkesanannya yang lebih baik.

KWAP telah menyemak dan menambah baik tanggungjawab penyeliaan melalui beberapa sesi ceramah berkenaan '*Fiduciary Duties of the Board and Investment Panel*' dan '*Environmental, Social & Governance: Improving the Quality of ESG Data and Its Impact*' yang dihadiri oleh Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan.

Tahun ini merupakan tahun yang produktif daripada segi tadbir urus di mana sebanyak 130 mesyuarat Ahli Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Pelaburan telah dijalankan.

PERUTUSAN PENGERUSI

MENINGKATKAN IMPAK YANG MAMPAH

Seterusnya, kami menasarkan untuk memberi ruang dan membuka peluang bagi memajukan ekosistem dana persaraan Malaysia di samping mencipta kemampaman jangka masa panjang. Sehubungan itu, KWAP telah memperluaskan peranan ESG dalam strategi pelaburannya termasuk kelas aset pendapatan tetap pada 2022. Ini merujuk kepada penambahbaikan dalam Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) dengan mengambil kira *ESG Credit Rating Impact Score* dalam analisis pelaburan kami.

Sesi libat urus berkaitan ESG dan penilaian ESG dijalankan bersama firma pelabur mengikut pengesahan metodologi ESG, di mana syarikat yang mempunyai isu diletakkan di dalam senarai pemantauan ESG untuk pemerhatian lanjut agar selari dengan objektif kemampaman dan ESG KWAP.

Pada 2022, KWAP telah menjalankan empat sesi libat urus ESG dan satu sesi susulan bersama syarikat-syarikat pelaburannya. Selain itu, penganalisa penyelidikan KWAP turut mengadakan 811 sesi libat urus yang melibatkan 450 syarikat domestik dan 352 syarikat antarabangsa sepanjang tahun ini. KWAP juga merupakan penandatangan Prinsip-Prinsip Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI), yang menggalakkan pelabur untuk membuat pelaburan bertanggungjawab bagi meningkatkan pulangan dan mengurus risiko dengan lebih baik. Selain itu, kami sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dan menyumbang buah fikiran berkenaan perubahan iklim dalam sektor kewangan melalui penglibatan dalam kumpulan kerja berkaitan kelestarian serta dijemput sebagai penceramah dalam beberapa program berkaitan kelestarian ESG.

PENGHARGAAN

Setiap tahun, sekitar 25,000 penjawat awam bersara. Peranan kami dalam menjamin masa hadapan mereka adalah penting dan Lembaga KWAP berbesar hati dapat memegang tanggungjawab ini sepanjang tempoh yang penuh dinamik ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga KWAP, barisan pengurusan yang mantap serta tenaga kerja yang serba boleh atas perkhidmatan cemerlang mereka dalam membangunkan KWAP sebagai pengurus dana persaraan, serta kerjasama mereka dalam memacu ke arah transformasi yang lebih baik.

Bagi pihak Lembaga KWAP, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin atas kepimpinannya sepanjang menjawat jawatan sebagai Penggerusi. Komitmen beliau terhadap kecemerlangan organisasi ini akan sentiasa dikenang dan dihargai. Lembaga KWAP juga merakamkan penghargaan kepada sumbangan Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman yang bersara dan Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah yang meletak jawatan sebagai Ahli Lembaga pada tahun ini. Kami mengucapkan terima kasih atas dedikasi yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka di KWAP.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan dan pengawal selia, rakan-rakan industri atas sokongan berterusan mereka yang begitu penting buat kami, serta pihak berkepentingan atas kepercayaan mereka yang membantu kami dalam meningkatkan prestasi KWAP.

Melangkah ke hadapan, Lembaga KWAP komited untuk menyemak model perniagaan organisasi dan mengukuhkan asas bagi membolehkan kami untuk terus melaksanakan mandat KWAP. Dengan usaha-usaha itu, kami berharap dapat membina masa hadapan yang lebih baik demi masyarakat dan negara.

DATUK JOHAN BIN MAHMOOD MERICAN

Pengerusi

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PERKHIDMATAN
PERSARAAN KWAP
MELANGKAUI PERATUSAN
MINIMUM PADA
95%,
DENGAN PURATA
SEBANYAK
98.42%



PENAWARAN PEKERJAAN
UNTUK **1,019 PESERTA**
MYSTEP DI DALAM KWAP
DAN RAKAN STRATEGIK



Pihak berkepentingan yang dihormati,

Dalam menghadapi tahun yang penuh cabaran, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] terus berusaha dalam menjamin hari esok yang lebih baik. Saya bangga untuk melaporkan bahawa KWAP berjaya mengekalkan pulangan persaraan dan prestasi yang lebih baik dalam pelbagai aspek, di samping meletakkan asas yang lebih kukuh untuk prestasi masa hadapan melalui program tiga tahun, TERAS 5 dengan status kemajuan sebanyak 44%.

MEMPERKUKUHKAN PRESTASI PELABURAN KAMI

Di sebalik ketidaktentuan global, fokus strategi KWAP yang jelas telah membawa hasil dalam memastikan ketahanannya, serta prospek masa hadapan diperkuat dengan pelancaran TERAS 5 pada bulan Ogos.

Dalam memastikan komponen yang tepat untuk menyokong perkembangan yang mampan bagi manfaat pesara hari ini dan masa hadapan yang merupakan usaha jangka panjang KWAP, TERAS 5 dijangka akan mendorong pelaburan KWAP yang meliputi pelbagai kelas aset, melalui penambahbaikan dari segi struktur, tadbir urus, modal insan, proses dan digital. Ini telah menyumbang kepada Alokasi Aset Strategik yang lebih teguh dan mengukuhkan lagi fokus KWAP dalam menambah baik strategi pelaburan untuk memperoleh pulangan optimum pada 2022.

Melalui pelaburan kami dalam ekuiti, prestasi kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) untuk ekuiti domestik mengatasi penanda aras pada 643 mata asas manakala ekuiti antarabangsa pula mengatasi penanda aras sebanyak 40 mata asas, sekaligus mengatasi prestasi penanda aras campuran sebanyak 500 mata asas.

Dalam ketidakstabilan persekitaran global pada tahun ini, portfolio pendapatan tetap KWAP turut mengukuh dengan menjana pulangan TWRR sebanyak 2.7%, mengatasi penanda aras sebanyak 18 mata asas. Sukacita saya melaporkan antara usaha-usaha berterusan KWAP dalam menuju ke arah masa hadapan yang lebih mampan, portfolio pendapatan tetap kami juga telah menerapkan aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam proses pelaburan.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Hasil daripada komitmen kami sepanjang tahun ini menjana hasil memberangsangkan apabila pendapatan ekuiti persendirian secara keseluruhannya telah melepas sasaran. Penekanan terhadap penggunaan modal dalam peluang-peluang baharu dan belian balik dana sedia ada menyumbang kepada 13 komitmen pelaburan dana di mana lapan merupakan pelaburan baharu dan lima daripadanya adalah belian balik. Beberapa pilihan dan peluang untuk pelaburan-bersama telah dinilai, susulan itu pelaburan dimulakan dengan Petronas Ventures, dan diikuti oleh syarikat teknologi dron dan perkhidmatan iaitu Aerodyne telah dijalankan.

KWAP juga telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk Dana Perintis. Dana ini bertujuan untuk memanfaatkan momentum pelaburan yang terhasil daripada pembangunan ekosistem teknologi tempatan. Salah satu petunjuk kejayaan dalam sektor ini adalah melalui kewujudan dua syarikat bernilai lebih USD1 bilion di Malaysia.

Trajektori positif juga direkodkan dalam segmen harta tanah. Portfolio pelaburan harta tanah kami yang terdiri daripada 18 harta tanah telah memberi hasil tahunan sebanyak 4.1%, dengan 3.68% purata pulangan lima tahun.

Antara pencapaian yang membanggakan pada tahun ini adalah hasil daripada sinergi antara jabatan dan anak syarikat dilancarkan bagi mempelbagaikan segmen harta tanah kami. Merentasi benua, Prima Ekuiti (UK) Limited menyokong kuat dalam mengurus portfolio harta tanah KWAP yang sedia. Pasukan kami berjaya menyelesaikan lebih daripada 10 transaksi pengurusan aset untuk harta tanah di Eropah, termasuk pusat membeli-belah The Chimes, bangunan pejabat 100 Cheapside dan 10 Gresham Street di United Kingdom, yang menjadikan tahun ini lebih produktif.

KWAP turut membuat pelaburan sulung untuk dana harta tanah domestik dalam logistik, dana pembangunan serta pelaburan pertama yang meluaskan lagi pendedahan geografi kami di Asia.

MENINGKATKAN STRUKTUR DAN PERKHIDMATAN

Dalam proses menambah baik struktur KWAP, Kerangka Pengalaman Pelanggan telah diperkenalkan sebagai asas dalam penubuhan Jabatan Pengalaman Pelanggan.

Ini diikuti dengan penyelesaian Fasa 1 Migrasi RENTAS ISO 20022, yang menjadikan KWAP sebagai institusi bukan bank pertama yang berjaya menyelesaikan Fasa 1 projek migrasi dan berada dalam kedudukan keempat dalam industri sebagai peserta RENTAS.

Objektif migrasi RENTAS ISO 20022 adalah untuk mewujudkan kerangka yang standard bagi membolehkan penggunaan bahasa yang sama untuk mesej berkaitan pembayaran, laporan pengurusan tunai, sekuriti, pertukaran asing dan perkhidmatan dagangan bagi menyokong proses dalam institusi kewangan.

Satu lagi inisiatif yang berjaya diselesaikan adalah penilaian kepada kustodian luar (EC) KWAP bagi kos dan perkhidmatan berbanding EC dalam dan luar di pasaran. Penilaian ini dilakukan setiap lima tahun sekali sebagai penanda aras ke atas bank-bank yang mempunyai potensi, dari segi perkhidmatan mereka serta melaksanakan aktiviti semakan harga.

Kami juga melaksanakan teknologi Proses Automasi Robotik (RPA) untuk menambah baik kecekapan dalam pengedaran dan kelulusan pembayaran surat pengesahan dan baucar, tunai dan pelarasan sekuriti serta pelaporan pegangan saham utama secara elektronik. Pada tahun ini juga, Robot RPA kami, TESSA, telah dikonfigurasi untuk menjalankan tiga aktiviti tambahan iaitu mengurus proses lewat masa bagi pembayaran penceh Pindahan Dana Elektronik (EFT), menyediakan khidmat pengaktifan kata laluan untuk pengurusan penceh sistem PG2 dan memantau prestasi sistem PG2 secara menyeluruh.

Hasil daripada tumpuan berterusan terhadap peningkatan mutu perkhidmatan, perkhidmatan persaraan KWAP telah mencapai sasaran yang membanggakan dengan mencapai 98.42% melebihi jangkaan peratusan minimum Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA) yang ditetapkan pada 95%, walaupun terdapat penambahan tiga komponen SLA baharu dan tahap penilaian yang lebih ketat.

MENINGKATKAN PENJENAMAAN MELALUI SESI LIBAT URUS

Tahun ini merupakan tahun yang dinamik untuk sesi libat urus bersama pihak berkepentingan selepas tamatnya kekangan pandemik. KWAP berjaya melaksanakan lebih 100 program dan sesi libat urus yang membabitkan pihak berkepentingan dalam dan luaran, termasuk menganjurkan majlis-majlis korporat, inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), serta aktiviti kelab sukan.

Penyelarasan yang lebih baik dalam komunikasi strategik telah dilakukan melalui sesi bengkel penjenamaan yang dianjurkan bersama Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan. Berdasarkan hala tuju yang telah dipersejua bersama, kempen media sosial dilancarkan untuk memberi informasi terkini dan kandungan berkaitan pendidikan dalam memberi kesedaran awam terhadap topik berkaitan persaraan.

Di samping kempen ini, lapan inisiatif media juga telah berjaya dilaksanakan melalui pengumuman penting, sidang media, temubual media dan sesi perbualan jemputan.

Kami juga mengambil peluang untuk membuka rruai informasi apabila KWAP menyertai majlis-majlis yang dianjurkan oleh kementerian-kementerian serta badan agensi. Hasilnya, lebih daripada 2,500 pengunjung, termasuk pesara, bakal pesara, penerima pencen terbitan dan orang awam telah mengunjungi rruai pameran KWAP.

Antara usaha lain yang dijalankan termasuk tujuh program libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Semenanjung Malaysia. Program ini telah menerima penyertaan lebih 2,200 pesara dan bakal pesara. Tujuan program ini adalah untuk memberi impak positif dalam kehidupan pesara di mana kami telah melawat 16 pesara yang menghidap penyakit kronik dan menyumbangkan keperluan asas serta peralatan perubatan untuk mereka.

KWAP juga aktif mengambil bahagian dalam *Malaysia Short Term Employment Programme* (MySTEP) dan inisiatif JaminKerja yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Bajet 2022. Program ini bertujuan untuk menangani masalah pengangguran, menambah baik kebolehpasaran dalam pasaran kerja dan merangsang pemulihan ekonomi domestik dengan membuka peluang pekerjaan merentasi semua sektor ekonomi. Kami berjaya membantu inisiatif Kerajaan dengan pencapaian mengatasi sasaran yang ditetapkan oleh MOF melalui penawaran pekerjaan untuk 1,019 peserta MySTEP di dalam KWAP dan rakan strategik kami.

Selain itu, dalam usaha untuk mentadbir dan membimbing KWAP dan anak syarikat kami dalam pelaksanaan inisiatif CSR, penajaan serta sumbangan, Polisi CSR telah dirangka dan kemudiannya diluluskan oleh Ahli Lembaga. Polisi ini merupakan sebahagian daripada keperluan di bawah Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang dikeluarkan oleh Institut Integriti Malaysia.

MEMUPUK PERKEMBANGAN WARGA KERJA KAMI

Pembangunan warga kerja merupakan keutamaan TERAS 5 dengan tumpuan diberikan kepada pembangunan bakat-bakat yang sedia masa hadapan serta berinovatif, bermotivasi, proaktif dan mengutamakan pelanggan. Warga kerja kami juga diperkasakan melalui budaya pengurusan risiko yang lebih teguh dengan akauntabiliti yang jelas.

Antara kebanggaan kami pada tahun 2022 adalah pertambahan bakat-bakat baharu. Pengambilan kakitangan baharu¹ seramai 216 orang telah menguatkan lagi pasukan kami kepada 702 orang. Manakala, kadar pemberhentian pada 2022 telah menurun kepada 4.7% berbanding 8.0% pada 2021. Ia menunjukkan usaha sesi libat urus bersama warga kerja secara berterusan telah berjaya melahirkan warga kerja yang bermotivasi dan setia pada KWAP.

Kemasukan warga kerja baharu kami termasuklah pelantikan jawatan penting seperti Ketua Pegawai Pelaburan (CIO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dan Ketua Pegawai Digital (CDO) dalam terus mengukuhkan pelaksanaan TERAS 5.

Warga kerja KWAP telah diberikan peluang dan digalakkan untuk melanjutkan pelajaran mereka melalui Skim Bantuan Pendidikan KWAP (EAS). Ramai warga kerja KWAP telah berjaya meningkatkan kemahiran mereka sejak program EAS diperkenalkan di mana pada tahun 2022 sahaja, seramai lapan orang kakitangan telah berjaya menamatkan pelajaran mereka dan 17 orang kakitangan sedang mengikuti program profesional dan pengajian tinggi seperti CFA, CRMA, PKMC, ACCA, BSC, MSC dan PHD yang ditawarkan di bawah EAS secara aktif.

TERAS 5 akan menambah baik pelan tenaga kerja dengan memberi penekanan kepada pembangunan kebolehupayaan dan kemahiran. KWAP juga akan berusaha untuk memenuhi jangkaan daripada generasi baharu yang memasuki pasaran kerja dengan amalan pengurusan budaya yang menyentuh pelbagai aspek termasuk penggunaan platform digital.

MENUJU KE ARAH DIGITALISASI DEMI PERTUMBUHAN MAMPAH

Digitalisasi adalah teras utama dalam usaha KWAP untuk menjadi organisasi ‘digital savvy’. Dalam tahun ini juga, pasukan Teknologi Infrastruktur KWAP telah berjaya menaiktaraf beberapa keperluan infrastruktur serta perkakasan teknologi maklumat. Di sebalik semua

¹ Termasuk kakitangan Bakat Muda KWAP dan MyStep dalam Kumpulan.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

rangkaian ini, perkhidmatan dan alat sekuriti cyber bertaraf dunia telah diperkenalkan dalam KWAP bagi melindungi peranti-peranti warga kerja. Pasukan kami juga berjaya mengurus ancaman yang ditujukan kepada organisasi dan memadam aplikasi mudah alih palsu MyPesara, laman web tidak sah dan akaun media sosial palsu yang menggunakan nama KWAP.

Tambahan lagi, *Enterprise Mobility and Security* (EMS) juga dipasang dalam semua peranti mudah alih agar warga kerja kami sentiasa yakin ketika menggunakan aplikasi Microsoft dengan mengetahui semua data dan peranti yang digunakan adalah selamat. Bilik-bilik mesyuarat juga dilengkapi dengan kelengkapan untuk persidangan secara maya dan kamera bagi menggalakkan kekerapan mesyuarat hibrid dan keberkesanannya pada masa hadapan.

Oleh kerana pengurusan data amat penting, satu fungsi khas untuk mengurus Data Perniagaan yang memberi fokus kepada penyelesaian baharu seperti analisis data, pelaporan komprehensif dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) telah ditubuhkan dalam Bahagian Digital. Pada 2022, pasukan kami telah selesai menjalankan kajian ke atas infrastruktur gudang data semasa di mana penambahbaikan berdasarkan kajian yang dilaksanakan dalam menangani penjanaan data yang berubah-ubah.

Kami memanfaatkan analisis data bagi meningkatkan papan pemuka masa nyata berkaitan data pelaburan dan persaraan dalam memastikan ketepatan pelaburan serta peluang optimum selain memastikan keperluan pesara dapat dipenuhi dengan sewajarnya. TERAS 5 juga memberi fokus kepada kemudahan akses dan perkhidmatan tambah nilai. Para pesara akan dapat menilai maklumat persaraan dengan hanya satu klik, sekaligus mengurangkan keperluan untuk mereka membuat temu janji di pejabat KWAP secara bersemuka.

Saluran interaksi pesara juga telah ditingkatkan dengan menyediakan borang atas talian untuk sebarang pertanyaan dan kemaskini status dalam sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM) dan Sistem PG2.

Dalam usaha kami bagi menyediakan perkhidmatan terbaik kepada para pesara, kami telah melakukan integrasi dalam sistem hospital kerajaan dan memberi akses secara atas talian bagi membantu pihak hospital mengenal pasti pesara dan mengesahkan kelayakan mereka tanpa

perlu menunjukkan kad pesara. Dengan ciri-ciri baharu ini, pesara kini boleh memuat turun dan memamerkan eKad Pesara iaitu salinan Kad Pesara secara atas talian atau melalui aplikasi MyPesara. Penambahbaikan digital ini juga dimanfaatkan untuk menambah baik sistem e-Haemodialysis yang membolehkan pengesahan dan penghantaran tuntutan pesara secara atas talian. Di samping itu, integrasi dua hala dengan Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA) juga telah selesai sekaligus memudahkan urusan penyelesaian pembayaran pinjaman perumahan kerajaan.

MENGUKUHKAN PROSES DAN POLISI YANG MAMPAH

Objektif TERAS 5 adalah untuk mengukuhkan tadbir urus dan penyeliaan. TERAS 5 dijangka dapat membantu dalam mempercepatkan proses membuat keputusan di samping mengekalkan struktur tadbir urus dalam sistem semak dan imbang bersama polisi dan proses yang lengkap.

Pada 2022, Dasar Perlindungan Data Peribadi KWAP atau dikenali sebagai Polisi PDP KWAP telah dilaksanakan, diikuti dengan kursus yang dijalankan di KWAP serta penubuhan unit baharu di bawah Amalan Privasi Data Kumpulan. Garis Panduan dan Pemantauan Kontrak Tamat Tempoh serta Garis Panduan Penyetempan juga telah diperkenalkan bersama penyelesaian jurang analisis dan penilaian untuk Polisi PDP KWAP berhubung dengan Undang-Undang Data Privasi Australia, Jersey, Luxembourg dan Jerman, di mana ia merupakan sebahagian daripada Fasa 2 inisiatif Privasi Data.

MAJU BERSAMA MALAYSIA MADANI

Dalam mengembangkan dana persaraan dan menjalankan proses pembayaran pencen bulanan untuk pesara bagi pihak Kerajaan yang kekal menjadi tanggungjawab utama kami, KWAP terus komited untuk terus memberi sokongan kepada pesara semasa dan bakal pesara dalam bersiap sedia menjalani alam persaraan yang bahagia dan lestari.

Bilangan pesara semasa adalah menghampiri 770,000. Kami mengambil pendekatan holistik untuk membantu pesara semasa dan bakal pesara dengan menyediakan pelbagai program melalui inisiatif MyPesara. Bersama slogan - Teman Persaraan Anda, 17 program jangkauan MyPesara telah dirancang untuk tahun 2023.

Sesi libat urus bersama pesara ini telah menggalakkan kepada peningkatan pengguna aplikasi MyPesara yang melebihi 307,000 muat turun. Oleh kerana ia menyediakan akaun yang diperbadikan untuk pesara dan ahli keluarga mereka dengan akses di hujung jari untuk maklumat berkaitan pencen, ia secara idealnya dicipta untuk memberikan pendekatan holistik dalam persaraan dengan menyediakan platform dalam talian untuk perkhidmatan pelanggan serta memberi peluang untuk pembelajaran mengenai kewangan, kesihatan dan perancangan persaraan.

Pendidikan berkaitan aktiviti penipuan juga menjadi keutamaan memandangkan jumlah kes kehilangan wang simpanan kepada *scammer* dalam kalangan pesara semakin meningkat. Kami akan terus meningkatkan kesedaran tentang informasi terkini mengenai jenis penipuan melalui saluran dalam talian dan aplikasi mudah alih MyPesara.

Selain semua aktiviti jangkauan ini, tiga lagi program utama yang akan dijalankan pada 2023 adalah Karnival MyPesara, Anugerah MyPesara dan Forum Pencarum KWAP.

Karnival MyPesara yang dahulunya dikenali sebagai Karnival Rasa Sayang merupakan program khas KWAP untuk melibatkan pihak berkepentingan dan komuniti sekitar dalam meningkatkan nilai penjenamaan KWAP.

Anugerah MyPesara atau terdahulunya dikenali sebagai Anugerah Ikon Pesara adalah anugerah untuk mengiktiraf dan meraikan kejayaan pesara sektor awam serta menggalakkan mereka untuk terus aktif dan kekal produktif walaupun ketika menjalani kehidupan persaraan.

Selain itu, Forum Pencarum KWAP juga akan dianjurkan untuk majikan yang mencarum berkumpul di bawah satu bumbung serta bertukar pendapat dan amalan terbaik antara satu sama lain bagi memperkasakan sokongan padu untuk ekosistem caruman.

Dari segi pelaburan, sasaran utama telah ditetapkan untuk 2023 bagi menyokong objektif jangka panjang dan hasil sasaran dalam merealisasikan Visi 2025 kami. Dalam kami memperhalusi keupayaan pelaburan kami, kami juga mengamalkan pelaburan yang bertanggungjawab dalam mengembangkan aset kami secara mampan. Selain pelaksanaan strategi pelaburan, kami juga merancang untuk menyepakukan prinsip ESG dalam proses pelaburan dan jumlah portfolio dengan menerokai impak pelaburan merentasi semua kelas aset di antara spektrum ekonomi, tenaga boleh diperbaharui dan sektor sekuriti makanan.

Kami juga akan melaksanakan Kerangka Kemampunan Tadbir Urus Perniagaan KWAP serta Perniagaan dan Portfolio Pengukuran Jejak Karbon yang selari dengan sasaran karbon sifar bersih menjelang 2050.

Proses transformasi perniagaan akan menjadi pemangkin melalui pelaksanaan Kerangka Pengalaman Pelanggan KWAP, Pelan Tindakan Penjenamaan Strategik, Kerangka Kepimpinan Pemikiran dan Pelan Tindakan Transformasi Digital KWAP. Dalam masa yang sama, Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Korporat juga akan diperkuuhkan dengan penilaian dan semakan polisi berkaitan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan, yang meneruskan pelaksanaan ISO 31000:2018 – Pengurusan Risiko dan penambahbaikan garis panduan Metodologi Pengauditan.

Dengan pengaktifan Bahagian Digital yang merupakan inisiatif berfokuskan kepada digital akan dilancarkan untuk memacu kemajuan digital dalam organisasi. Pengenalan kepada peranti baharu dan juga penambahbaikan untuk peranti sedia ada akan turut menjadi keutamaan.

Inisiatif berkaitan Strategi Modal Insan juga akan dilaksanakan. Ini termasuk pelan penggantian untuk jawatan utama, penambahbaikan proses pengambilan tenaga kerja, menyemak dan meningkatkan sistem pengurusan prestasi secara keseluruhan dan menambah baik infrastruktur tempat kerja.

PENGHARGAAN

Tahun ini merupakan tahun yang dinamik dan terus memacu kepada pertumbuhan yang mampan. Kejayaan signifikan ini adalah hasil daripada komitmen dan dedikasi yang telah disumbangkan oleh Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan seterusnya Barisan Pengurusan dan semua kakitangan KWAP. Saya bangga atas setiap pencapaian dan kemajuan sepanjang tahun 2022. Kesediaan setiap warga kerja kami untuk mencorak perubahan dan terus bergerak maju merupakan faktor penting yang mendorong kepada kejayaan KWAP.

Terima kasih kerana menerima dan sama-sama menerapkan matlamat TERAS 5 serta memastikan KWAP terus mampu memegang mandat dengan teguh untuk hari esok yang lebih baik.

DATUK HAJAH NIK AMLIZAN MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif

TERAS 5 KWAP

TERAS 5 - Model penambahbaikan operasi KWAP yang telah dibina pada tahun 2022 untuk memacu penstrukturkan dalaman dan memastikan KWAP bersedia serta tangkas untuk berdepan dengan cabaran masa hadapan. Ini adalah sebahagian daripada pelan gelombang ketiga (2020-2025) dalam perjalanan transformasi KWAP ke arah memenuhi Visi KWAP 2025, dengan matlamat akhir untuk meningkatkan saiz dana kasar kepada RM200 bilion menjelang akhir tahun 2025.

“Teras” bermaksud tonggak untuk menguatkan asas KWAP dan berkembang secara mampan. Melalui pelaksanaan TERAS 5, KWAP berhasrat untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti, seterusnya meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan.

Model operasi yang dipertingkat telah dibangunkan sepenuhnya secara dalaman bagi menguatkan asas KWAP agar bersedia untuk masa hadapan serta berkembang secara mampan. Ia disokong oleh lapan aliran kerja untuk dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan dan negara.

Penambahbaikan utama disasarkan melalui TERAS 5 yang meliputi peningkatan struktur organisasi semasa untuk mengubah KWAP daripada beroperasi secara fungsi kepada model rantai nilai. Ini membolehkan pendekatan pelan pembangunan KWAP diambil secara lebih holistik. TERAS 5 juga menambah baik struktur tadbir urus dan penyeliaan KWAP selain memupuk bakat-bakat yang lebih tangkas dan bersedia untuk masa hadapan.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mengoptimumkan kekuatan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs), TERAS 5 telah dilancarkan pada 3 Ogos 2022 oleh mantan Menteri Kewangan.



Kemajuan TERAS 5 Bagi 2022:

Bagi tahun 2022, TERAS 5 telah berjaya menyelesaikan 44% daripada inisiatif-inisiatif yang berkenaan. Beberapa aliran kerja dipertingkatkan di bawah projek ini, iaitu:



Penambahbaikan Bahagian Pelaburan:

- Jabatan Ekuiti
- Jabatan Pendapatan Tetap
- Jabatan Infrastruktur
- Jabatan Strategi Portfolio dan Penyelidikan
- Jabatan Ekuiti Persendirian
- Jabatan Hartanah (penjenamaan semula daripada Jabatan Pelaburan Hartanah)



Pengaktifan Bahagian Kewangan:

- Jabatan Perbendaharaan Korporat
- Jabatan Akaun & Kewangan
- Jabatan Operasi Pelaburan (penjenamaan semula daripada Perkhidmatan Sokongan Pelaburan)
- Fungsi Perolehan
- Fungsi Kecemerlangan Kewangan



Pengaktifan Bahagian Digital dan Penggabungan Jabatan Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Teknologi Maklumat yang membentuk:

- Jabatan Strategi & Digital Perkhidmatan
- Fungsi Sistem Perniagaan Digital
- Fungsi Keselamatan Digital
- Fungsi Infrastruktur Digital
- Fungsi Pengurusan Data Digital
- Pejabat Pengurusan Projek (PMO) - Sistem Persaraan Baharu



Pengaktifan Bahagian Strategi & Perkhidmatan:

- Jabatan Strategi Korporat (penjenamaan semula daripada Jabatan Strategi & Prestasi Korporat)
- Fungsi Pemimpin Pemikiran
- Jabatan Komunikasi Strategik (penjenamaan semula daripada Jabatan Hal Ehwal Korporat)
- Jabatan Sumber Manusia
- Jabatan Kesetiausahaan & Undang-Undang
- Fungsi Projek Perusahaan



Pengaktifan Bahagian Perkhidmatan Persaraan:

- Jabatan Pengalaman Pelanggan
- Jabatan Caruman
- Jabatan Perkhidmatan Persaraan

Selain itu, kerangka utama dan model kerja yang telah diluluskan dijangka menjadi pemangkin bagi KWAP untuk merealisasi Visi 2025. Ini termasuk pembangunan dan kelulusan Kerangka Tadbir Urus Korporat yang dibangunkan daripada elemen-elemen tadbir urus yang berbeza.

Penyemakan semua jawatankuasa di KWAP dan kerangka komprehensif telah diperkemaskan di mana hanya satu pihak diberi kuasa untuk mentadbir penubuhan atau pembubaran sesebuah jawatankuasa.

Fokus dan Kemajuan Akan Datang

Inisiatif TERAS 5 akan diteruskan pada 2023 selaras dengan misi untuk menambah baik pengalaman pelanggan, dengan menyediakan lebih banyak program jangkauan atau inisiatif libat urus bersama majikan yang mencarum, Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kementerian-kementerian lain, pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) serta agensi-agensi lain.

Fokus dalam mengukuhkan kemampuan KWAP dipergiatkan lagi untuk menjadi pemangkin pelaburan yang dapat memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia secara langsung sekaligus dapat meningkatkan saiz dana dan mutu perkhidmatan kami kepada pesara.

Digitalisasi merupakan tunjang utama dalam TERAS 5, di mana KWAP dilihat sebagai organisasi celik digital melalui pembangunan kecekapan pendigitalan dalam warga kerja. KWAP juga dapat menerima manfaat daripada analisis data pelaburan dan persaraan melalui penambahbaikan papan pemuka berkaitan dengan pelaburan dan data pesara.

Salah satu daripada pelan yang dirancang, KWAP bercadang untuk mempelbagaikan lagi alokasi aset dalam pasaran persendirian dengan tumpuan terhadap tiga kelas aset iaitu hartaanah, ekuiti persendirian dan infrastruktur. Ini dilaksanakan bagi mendapatkan pulangan lebih optimum daripada pertumbuhan yang dicapai oleh pasaran persendirian berbanding pasaran awam. TERAS 5 akan meletakkan KWAP pada kedudukan lebih baik dalam mengenal pasti, memahami dan menangani risiko yang berpotensi untuk berlaku disebabkan kepelbagaiannya ini.



MEMBENTUK
MODAL INSAN
YANG LEBIH BAIK

Menggalakkan pemeriksaan kakitangan secara berterusan,
pengurusan bakat yang efektif dan pembudayaan organisasi.

MENGENAI KWAP PERANAN DAN OBJEKTIF

KWAP adalah sebuah dana persaraan bagi penjawat awam Malaysia. Kami menguruskan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan dan pelbagai agensi berkaitan, serta melabur dana untuk memperoleh pulangan maksimum melalui pelaburan dan pengurusan risiko yang selamat. Pada tahun 2015, **KWAP** mengambil alih secara rasmi peranan Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pembayaran pencen, ganjaran dan manfaat lain.

PENUBUHAN

Di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454), **KWAP** ditubuhkan pada 1 Mac 2007

OBJEKTIF

Untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburan bagi membantu Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan liabiliti pencennya

FUNGSI

- Pengurusan dan pembayaran pencen
- Pengurusan caruman daripada Pentadbiran Persekutuan, Badan Berkunun dan agensi lain
- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan bentuk pelaburan lain sebagaimana dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662)

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

Pembentukan Dasar	Kutipan Caruman Ahli	Polisi Pelaburan & Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan	Pentadbiran Anggota	Pembayaran Faedah
Menetapkan dasar untuk pencen/dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli	Menetapkan dasar pelaburan dan mengawasi prestasi	Melaksana pengurusan pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan pembayaran

KAKITANGAN AWAM BERPENCEN

- Perbendaharaan**
- Pengiraan impak kewangan
 - Meluluskan dasar EPU
 - Membangun dan mengkaji semula dasar
- JPA**
- Membentuk dan mengkaji semula dasar

ANGKATAN TENTERA

- MINDEF**
- Membentuk dan mengkaji semula dasar

Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan



KAKITANGAN SEKTOR SWASTA DAN AWAM TIDAK BERPENCEN

- KWSP**
- Memberi input kepada pembentukan dasar

LTAT

- Memungut caruman dari anggota tentera dan kakitangan Kerajaan
- Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP
- Berhubung dengan ahli-ahli
- Mentadbir akaun ahli

Hal Ehwal Veteran (MINDEF)

- Berhubung dengan pesara
- Mengira faedah
- Mengagihkan pengeluaran
- Memindahkan bayaran balik kepada KWAP



Petunjuk: **Perbendaharaan:** Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF: Kementerian Pertahanan
LTAT: Lembaga Tabung Angkatan Tentera

KWSP: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

MENGENAI KWAP

CARTA ORGANISASI



MENGENAI KWAP

STRUKTUR KORPORAT


Pelaburan Hartanah	Pembangunan Hartanah	Teknologi	Perkhidmatan Infrastruktur Telekomunikasi
 <p>Pelaburan Hartanah</p> <p> Malaysia</p> <p>100.00% Harta Integra Berkat Sdn Bhd</p> <p>100.00% Capsquare Tower Sdn Bhd</p> <p>100.00% Harta Rini Sdn Bhd</p> <p> Australia</p> <p>100.00% KWAP MIT 2</p> <p>100.00% KWAP MIT 3</p> <p>100.00% KWAP MIT 4</p> <p> UK</p> <p>100.00% Prima Harta (Jersey) Unit Trust</p> <p>100.00% Prima Harta U (Jersey) Limited</p> <p>100.00% Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust</p> <p>100.00% Prima Harta 4 (Jersey) Unit Trust</p> <p>100.00% Prima Harta 4U (Jersey) Limited</p> <p>100.00% Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust</p> <p>100.00% Prima Harta 5 (Jersey) Limited</p> <p>100.00% Prima Harta 6 (Jersey) Unit Trust</p> <p>100.00% Prima Harta 6 (Jersey) Limited</p> <p> Germany</p> <p>100.00% Prima Harta 3 (Lux) Sarl</p>	 <p>Pembangunan Hartanah</p> <p> Malaysia</p> <p>100.00% KWEST Sdn Bhd</p> <p> 20.00% AKTIF</p> <p> Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Compass IP Sdn Bhd • Persada Mentari Sdn Bhd <p> Perkhidmatan Pengurusan</p> <p> UK</p> <p>100.00% Prima Ekuiti (UK) Limited</p>	 <p>Teknologi</p> <p> Luxembourg</p> <p>45.00% Vantage Solar Investment Sarl</p> <p> Perisian dan Perkhidmatan</p> <p> Malaysia</p> <p>6.67% Aerodyne Ventures Sdn Bhd</p>	 <p>Perkhidmatan Infrastruktur Telekomunikasi</p> <p> Malaysia</p> <p>5.29% edotco Group Sdn Bhd</p> <p> Pemegang Pelaburan dan Perkhidmatan</p> <p> Malaysia</p> <p>50.00% Tap Crunch Sdn Bhd¹</p> <p> Malaysia</p> <p>33.33% Value Cap Sdn Bhd¹</p>

Nota:

1. Tap Crunch Sdn Bhd and Value Cap Sdn Bhd di dalam proses pembubaran
2. Rujuk ke Nota 10 hingga 12 dalam Penyata Kewangan KWAP 2022 untuk senarai lengkap anak syarikat, syarikat bersekutu dan usaha sama KWAP

TINJAUAN PRESTASI

PRESTASI KEWANGAN ¹	2018	2019	2020	2021	2022
SAIZ DANA (RM bilion)	136.51	147.48	153.82	159.03	158.10
SAIZ DANA KASAR (RM bilion)	141.01	151.98	163.32	173.53	175.60
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN					
Pendapatan Pelaburan Kasar (RM bilion)	7.06	6.07	6.81	6.33	7.01
Perbelanjaan Operasi (RM juta)	292.33	302.96	277.13	329.59	336.15
Pendapatan Bersih (RM bilion)	1.24	6.67	8.87	9.99	0.26
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN					
Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) (%)	0.80	4.67	5.88	6.39	0.17
Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar (%)	4.14	4.99	4.07	5.21	4.80
Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana (%)	0.21	0.21	0.18	0.21	0.21
PULANGAN PELABURAN					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa Tahunan (%)	-1.39	6.25	6.74	5.94	1.12
Kadar Pulangan Berwajaran Masa Tahunan untuk Purata 10 Tahun (%)	6.64	6.26	6.05	5.99	5.26
CARUMAN					
Caruman Majikan (RM bilion)	2.87	2.63	2.46	2.45	2.13
Caruman Persekutuan (RM bilion)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
PENGURUSAN DANA					
Pengurusan Dalam (%)	87.00	87.50	88.27	89.39	89.79
Pengurusan Luar (%)	13.00	12.50	11.73	10.61	10.21
Bilangan Majikan Mencarum	485	478	486	485	487
Bilangan Ahli	200,299	187,684	178,797	178,385	176,913
Bilangan Kakitangan KWAP	590	596	620	617	684
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM juta)	11.96	10.18	10.98	10.26	10.25



¹ Nota: Angka adalah berdasarkan tahap prestasi KWAP. Saiz Dana Kasar adalah Saiz Dana ditambah dengan Pengeluaran Terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM17.50 bilion pada 31 Disember 2022 (31 Disember 2021: RM14.50 bilion)

SEPINTAS LALU

2022 merupakan satu tahun yang mencabar apabila dunia mengharungi kesan susulan daripada pandemik COVID-19, kesan daripada dasar monetari yang diperketatkan melalui peningkatan kadar faedah dalam seluruh pasaran baharu muncul, berikutan daripada perang Rusia-Ukraine dan strategi sifar COVID China.

Pada 31 Disember 2022, saiz dana KWAP berjumlah RM158.10 bilion, selepas pengeluaran terkumpul sebanyak RM17.50 bilion, berbanding RM159.03 bilion pada 31 Disember 2021.

Dalam memenuhi tugas kami bagi membantu Kerajaan Persekutuan membayai tanggungan pencen selaras dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), RM3 bilion telah dikeluarkan daripada Dana oleh Kerajaan Persekutuan pada 2022. Tanpa mengambil kira pengeluaran tersebut, saiz dana pada 31 Disember 2022 adalah RM161.10 bilion.

PENDAPATAN PELABURAN KASAR


KWAP merekodkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM7.01 bilion, 10.7% lebih tinggi daripada RM6.33 bilion pada tahun 2021, disebabkan oleh keuntungan pelupusan yang lebih tinggi daripada aktiviti pelaburan kami.

Portfolio pelaburan ekuiti dan pelaburan pendapatan tetap masing-masing menyumbang 52% dan 35% kepada pendapatan pelaburan kasar; sementara ekuiti persendirian dan pelaburan harta tanah kedua-duanya menyumbang 13% kepada pendapatan pelaburan kasar.

Sementara itu, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, KWAP mencatatkan Pendapatan Bersih sebanyak RM0.26 bilion dan Jumlah Kerugian Komprehensif sebanyak RM0.56 bilion.

Pendapatan Bersih diterjemahkan kepada Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) sebanyak 0.17% pada tahun 2022, berbanding 6.39% yang dicatat pada tahun 2021.


Kadar Pulangan Perakaunan (ARR) (%)



PERBELANJAAN OPERASI

Perbelanjaan Operasi (OPEX) KWAP meningkat sebanyak 2.0% kepada RM0.34 bilion (2021: RM0.33 bilion), diterjemahkan kepada penggunaan bajet sebanyak 86% berbanding bajet yang diluluskan sebanyak RM0.38 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh Perkhidmatan Profesional dan Fi serta Kos Kakitangan yang lebih tinggi.

Perbelanjaan Operasi (RM juta)



TINJAUAN PRESTASI

Kos Kakitangan

Kos Kakitangan KWAP berjumlah RM143.65 juta, 7.5% lebih tinggi daripada RM133.58 juta yang dicatat pada tahun 2021. Kenaikan Kos Kakitangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan kakitangan kepada 684 orang berbanding 617 pada 2021.

Pada 2022, KWAP meneruskan penyertaannya dalam *Malaysian Short-Term Employment Programme* (MySTEP), yang merupakan satu program yang menyediakan kebolehkerjaan untuk graduan Malaysia. Sebanyak RM2.60 juta telah dibelanjakan di bawah Kos Kakitangan untuk program MySTEP sepanjang tahun ini.

Perkhidmatan Profesional dan Fi

Perkhidmatan Profesional dan Fi berjumlah RM88.53 juta, meningkat sebanyak 11.4% daripada RM79.46 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pelbagai inisiatif baharu yang dijalankan sepanjang tahun.

Bagi perbelanjaan berkaitan kakitangan, RM9.02 juta (2021: RM4.75 juta) telah digunakan bagi perbelanjaan perubatan kakitangan, manakala RM3.19 juta (2021: RM1.28 juta) telah digunakan untuk tujuan latihan dan pembangunan.

Perbelanjaan Cukai


Perbelanjaan Cukai KWAP terdiri daripada Cukai Pegangan dan Cukai Tidak Langsung. Penurunan perbelanjaan cukai adalah disebabkan oleh perbelanjaan cukai pegangan yang lebih rendah sebanyak RM35.07 juta berbanding RM63.66 juta pada 2021.

Pada 2021, terdapat Cukai Pegangan sebanyak RM35.70 juta yang telah dibayar ke atas keuntungan modal diagihkan hasil daripada jualan harta tanah 1 Griffin Crescent Street, iaitu sebuah harta tanah logistik di Brisbane, Australia. Tiada transaksi serupa berlaku sepanjang 2022.

Kecekapan Pengurusan Dana

Dari segi kecekapan pengurusan dana, perbelanjaan operasi KWAP berbanding purata dana adalah pada 21 mata asas, sama seperti 2021.

Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana



PENDAPATAN BERSIH

Pendapatan Bersih KWAP adalah sebanyak RM0.26 bilion, yang disebabkan oleh Kerugian Tidak Direalisasi ke atas Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL) sebanyak RM5.55 bilion berbanding dengan Keuntungan Tidak Direalisasi Bersih sebanyak RM4.01 bilion pada 2021.

KWAP mengklasifikasi instrumen ekuiti yang dipegang untuk dagangan sebagai FVTPL. Pada 2022, Indeks Dunia MSCI (MXWD Index) menyaksikan jumlah pulangan sebanyak -15.04 dalam tahun ini, dengan S&P 500 dan MSCI Asia Pasifik, masing-masing pulangan sebanyak -19.44% dan -14.57%. Di Malaysia, pasaran FBMKLCI pada tahun ini dibuka pada paras 1,567 yang mencatat pulangan sebanyak -4.59% dan ditutup pada paras 1,495.

Kemerosotan pasaran global telah mengakibatkan kerugian tidak direalisasi bersih ke atas kedua-dua portfolio dagangan ekuiti antarabangsa dan domestik masing-masing sebanyak RM4.19 bilion dan RM1.74 bilion.

Sebahagian daripada kerugian tersebut diimbangi oleh keuntungan tidak direalisasi daripada portfolio ekuiti persendirian sebanyak RM0.39 bilion.

SAIZ DANA

Saiz dana pada 31 Disember 2022 berjumlah RM158.10 bilion, berbanding RM159.03 bilion pada 31 Disember 2021.

Saiz dana meliputi Caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM28 bilion, Caruman Badan Berkanun dan Pihak Berkuastra Tempatan sebanyak RM61.88 bilion dan Rizab Terkumpul sebanyak RM85.72 bilion.

Caruman dan Rizab Terkumpul sebahagiannya diimbangi dengan Pengeluaran Terkumpul oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM17.50 bilion, termasuk pengeluaran tahun semasa sebanyak RM3 bilion.

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan Kesetaraan Tunai berjumlah RM12.26 bilion, berbanding RM9.15 bilion pada 31 Disember 2021 di mana, RM9.46 bilion adalah merupakan jumlah deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen.

Deposit dan Penempatan dengan Institusi Kewangan





MENYEMPURNAKAN **PENYAMPAIAN NILAI**

Membangunkan rantaian nilai struktur organisasi.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Perkara-perkara material mengetengahkan maklumat penting berkaitan strategi, prestasi dan prospek masa hadapan KWAP, serta berpotensi untuk memberi impak terhadap keputusan pihak berkepentingan.

Maklumat ini berbentuk kewangan dan bukan kewangan yang berpotensi untuk memberi impak terhadap keupayaan KWAP untuk mencipta nilai, sama ada secara positif atau negatif. Dalam menuju ke arah laporan bersepadu, KWAP telah mengenal pasti perkara-perkara material yang mampu memupuk nilai untuk pihak berkepentingan kami secara dalaman. Perkara-perkara material merupakan hasil daripada perkara berbangkit daripada mesyuarat bersama Ahli Lembaga, peluang yang dibangkitkan dalam libat urus bersama pihak berkepentingan, serta pertimbangan berkaitan strategi, tadbir urus, prestasi atau prospek KWAP. Keutamaan diberikan kepada perkara material yang mempunyai impak kepada prestasi dan penyampaian nilai KWAP kepada pihak berkepentingan.

Pada masa hadapan, KWAP akan sentiasa menyemak perkara-perkara material yang dikenal pasti agar ianya sejajar dengan penggerak strategik kami.

EKONOMI

Perkara-Perkara Material	Definisi	Pihak Berkepentingan	Strategi dan Peluang
1 Dana Persaraan yang Mampan	Mengurus Dana untuk mencapai pulangan optimum yang mampan berlandaskan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dan dasar, kerangka dan/atau garis panduan Kerajaan yang berkenaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan • Komuniti Pelaburan • Pencarum 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai pelabur institusi jangka panjang, KWAP secara konsisten telah mencapai Kadar Pulangan Berwajaran Masa tahunan untuk purata 10 tahun sebanyak 5% hingga 6% • SAA 2025 yang baharu telah dibangunkan untuk memacu KWAP bagi mencapai purata pulangan risiko terlaras yang lebih tinggi sebanyak 7% pada setiap tahun • Dana Perintis – strategi pelaburan baharu yang diluluskan oleh Panel Pelaburan (IP) bagi menunjukkan komitmen KWAP dalam bidang modal teroka (VC) Malaysia • KWAP menerima jumlah caruman sebanyak RM2.64 bilion, di mana RM0.50 bilion daripada Kerajaan Persekutuan, RM0.77 bilion daripada Syarikat Kerajaan dan RM1.37 bilion daripada Majikan
	Komitmen Pelaburan Secara Bertanggungjawab dengan menyepakukan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam amalan pelaburan kami	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Pelaburan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga kini, KWAP membangunkan enam garis panduan dalam ESG dan satu metodologi penjejakan ESG bagi menyediakan parameter secara umum bagi mempertimbangkan ESG dalam proses pelburannya.

Perkara-Perkara Material	Definisi	Pihak Berkepentingan	Strategi dan Peluang
2 Pengalaman Pelanggan	<p>Komitmen untuk memacu KWAP dalam membina persekitaran pengalaman pelanggan yang terbaik dan memastikan kecemerlangan perkhidmatan kepada pelanggan kami, terutamanya Pesara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Awam • Komuniti Pesara • Pencarum 	<ul style="list-style-type: none"> • KWAP mencatat skor Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA) sebanyak 98.42%, melepas peratusan minimum ditetapkan pada 95% termasuk tiga perkara SLA tambahan di bawah Perjanjian Agensi yang diperbaharui • Pelan Hala Tuju Penjenamaan Strategik yang dibangunkan untuk meningkatkan publisiti dan usaha libat urus yang disasarkan terhadap pihak berkepentingan utama KWAP dengan slogan baharu iaitu Teman Persaraan Anda • Kerangka Pengalaman Pelanggan dan hala tujunya diperkenalkan untuk menjadi asas dan panduan bagi memenuhi komitmen pengalaman pelanggan • Sesi libat urus yang kerap dilaksanakan bersama pihak berkepentingan termasuk pesara dan bakal pesara bagi memenuhi keperluan dan permintaan untuk program-program yang lebih berkesan
3 Model Operasi Sedia Masa Hadapan	<p>KWAP bertindak sebagai pemangkin utama dan penggerak dalam merealisasikan fasa ketiga (2020-2025) di bawah Pelan Transformasi KWAP. Model operasi KWAP yang dipertingkatkan telah dibangunkan secara dalaman bagi mempersiapkan kami agar menjadi organisasi yang bersedia untuk masa hadapan dalam ekosistem persaraan. Ia diwujudkan dengan matlamat untuk menambah baik lima penggerak, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Struktur ii. Tadbir urus iii. Modal Insan iv. Proses v. Digital 	Tidak Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • TERAS 5 – program model operasi dipertingkatkan untuk KWAP telah dibangunkan dan pelaksanaan program telah bermula menerusi lapan aliran kerja • Kemajuan keseluruhan 2022 adalah sebanyak 44% untuk program berbilang tahun • Di bawah sub aliran kerja struktur organisasi (OGS) yang dipertingkatkan, tiga bahagian baharu telah diaktifkan, iaitu Bahagian Kewangan, Bahagian Digital dan Bahagian Strategi dan Perkhidmatan • Beberapa kerangka dan model kerja di bawah TERAS 5 berjaya dibangunkan setakat ini. Antaranya, Kerangka Pengalaman Pelanggan, Kerangka Tadbir Urus Korporat, Penajaran Semula Jawatankuasa Pengurusan dan Kumpulan Kerja

PERKARA-PERKARA MATERIAL

SOSIAL

Perkara-Perkara Material	Definisi	Pihak Berkepentingan	Strategi dan Peluang
4 Kewujudan Dalam Industri	<p>Pengiktirafan sebagai Pemimpin Pemikiran dalam industri persaraan dan pelaburan selaras dengan inisiatif pembangunan negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Malaysia • Komuniti Pelaburan 	<ul style="list-style-type: none"> • KWAP telah mengambil bahagian dan menjadi tuan rumah dalam beberapa program dan persidangan untuk mengukuhkan kewujudan dalam industri
5 Pembangunan Masyarakat	<p>Pihak Berkepentingan Komitmen berterusan dalam menyokong pembangunan negara menerusi pembangunan modal insan untuk komuniti pesara serta golongan muda</p> <p>Warga Kerja KWAP Memperlengkappan warga kerja kami dengan keupayaan yang sesuai dengan matlamat agar organisasi menjadi sedia masa hadapan serta dapat menarik dan mengekalkan bakat terbaik</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Pesara • Komuniti Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam menyokong pembangunan negara, KWAP mengambil bahagian dalam program MySTEP dan berjaya menempatkan seramai 1,019 pelatih MySTEP. Penempatan ini melebihi sasaran yang ditetapkan oleh MOF • Dalam mempersiapkan graduan untuk membangun sebagai pakar dan pemimpin pada masa hadapan, Program KWAP Young Talent (KYT) telah diteruskan tahun ini dengan 28 bakat baharu • Persiapan ke arah menjadi organisasi yang sedia masa hadapan telah mendorong KWAP untuk memberi fokus kepada pelaksanaan pelbagai kelengkapan pembelajaran
6 Kesejahteraan Masyarakat	<p>Pihak Berkepentingan Komitmen dalam sesi libat urus dan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat secara berterusan</p> <p>Warga Kerja KWAP Komitmen dan sokongan kepada warga kerja dalam mengimbangi kerjaya dan kehidupan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Pesara • Komuniti Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Selain daripada program-program libat urus bersama masyarakat setempat yang dirancang dengan kekerapan yang lebih tinggi, KWAP juga telah menganjurkan program Kasih KWAP yang merupakan acara tahunan bagi menyambut bulan Ramadhan bersama golongan kurang berasib baik • Bagi mewujudkan budaya tempat kerja yang menyokong fleksibiliti, kolaborasi dan produktiviti, KWAP telah memperkenalkan model kerja hibrid yang membolehkan kakitangan bekerja dari luar pejabat untuk dua hari seminggu serta pada masa yang sama, mereka dapat mengekalkan keseimbangan bekerja ketika berada di pejabat • Bagi menyokong kesihatan mental warga kerja, KWAP menawarkan manfaat seperti kelayakan cuti kerjaya dan sesi terapi individu

TADBIR URUS

Perkara-Perkara Material	Definisi	Pihak Berkepentingan	Strategi dan Peluang
7 Tadbir Urus Korporat	Menggalakkan pendekatan lebih telus, bersepadu serta cekap dalam tadbir urus korporat dengan sokongan yang berkesan	Tidak Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Kerangka Tadbir Urus Korporat dibangunkan untuk meningkatkan tadbir urus korporat di KWAP dengan memperkuatkukuhkan pelbagai elemen tadbir urus Selari dengan model operasi, struktur Jawatankuasa Pengurusan dan Kumpulan Kerja dipertingkatkan lagi di KWAP dengan kelulusan untuk melancarkan dan meningkatkan keberkesanan jawatankuasa dalam membuat keputusan
8 Tadbir Urus Pelaburan	Mencapai pemerksaan yang seimbang dengan tujuan untuk memperkuatkukuhkan tadbir urus pelaburan secara lebih jelas	• Komuniti Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Analitik Risiko dipertingkatkan dengan mengambil kira analisis senario ke dalam ujian tekanan yang merangkumi pelbagai kemunculan risiko baharu
9 Anti-Rasuah dan Sogokan	Komitmen dan manifestasi berkaitan pencegahan rasuah dan sogokan	Tidak Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Polisi Pelaburan KWAP telah dipinda untuk menyatakan Kepercayaan Pelaburan KWAP dalam aspek ESG Dalam memastikan tenaga kerja sentiasa peka untuk mengenal pasti dan mengelakkan diri daripada rasuah, beberapa aktiviti telah dijalankan seperti Program Integriti GLIC 2022, Program Jangkauan Perniagaan Bersekutu KWAP, Hari Integriti KWAP 2022 dan Bicara Integriti Menerusi Instrumen Penilaian Integriti (IAT) yang dijalankan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), KWAP mencatat jumlah skor sebanyak 84.17% yang meletakkannya pada tahap tinggi bagi organisasi yang mempunyai amalan etika dan integriti terbaik Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) KWAP telah dilancarkan pada Februari 2021 melalui 57 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun sehingga 2025. Bagi tahun kedua, KWAP telah mencapai 56% kadar pelaksanaan, sebanyak 32 daripada 57 inisiatif telah berjaya dilaksanakan

MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

KEPENTINGAN ESG KEPADA KWAP

Mengurangkan risiko dan meningkatkan pulangan risiko terlaras

Melabur dalam syarikat dengan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang baik boleh menyumbang kepada pulangan risiko terlaras yang mampan.

Risiko reputasi

Syarikat dengan amalan ESG yang lemah boleh mendatangkan risiko reputasi kepada KWAP.

Risiko kewangan

Untuk dana persaraan dengan segmen pelaburan jangka panjang, faktor ESG boleh memberi kesan langsung ke atas pulangan.

Kewujudan yang luas dalam pasaran domestik

Peluang untuk memainkan peranan kepimpinan dengan menggalakkan amalan kemampunan yang baik dalam pasaran modal Malaysia.

Tugas fidusiari

Sebagai dana persaraan, KWAP bertanggungjawab terhadap pihak berkepentingannya bagi menjana pulangan risiko terlaras mampan dalam jangka panjang. Ini merupakan tanggungjawab tambahan untuk KWAP bagi memastikan KWAP dan syarikat-syarikat penerima pelaburannya kekal mampan dalam amalan perniagaan mereka.

Kemampunan menjadi prinsip penting bagi KWAP bagi menjana pulangan jangka panjang yang mampan untuk pihak-pihak berkepentingan kami, terutamanya pesara.

Di KWAP, kami percaya dengan pelaburan dalam syarikat yang mengamalkan amalan ESG yang baik boleh menyumbang kepada penghasilan pulangan risiko terlaras yang mampan dan dapat meningkatkan nilai pemegang saham dalam tempoh jangka panjang.

Risiko reputasi memberi impak kepada syarikat pelaburan dan pelabur. Sepanjang beberapa tahun ini, kami melihat faktor-faktor ESG telah memberi kesan kepada keutamaan pilihan pengguna berhubung produk dan perkhidmatan dalam pasaran.


Pengguna tidak lagi membeli dan menggunakan produk yang mencemarkan alam sekitar, mengakibatkan pemusnahan hutan, atau yang terlibat dengan buruh paksa dalam rantaian bekalannya. Dalam erti kata lain, syarikat-syarikat yang tidak mengamalkan amalan ESG yang baik telah mendatangkan risiko reputasi kepada syarikat itu sendiri dan pelabur institusinya.

Bagi dana persaraan seperti KWAP yang merupakan pemilik aset yang besar dengan segmen pelaburan jangka panjang dalam pelbagai industri, faktor-faktor ESG boleh memberi kesan langsung ke atas pulangan pelaburan. Sebagai contoh, di bawah teras alam sekitar, keupayaan syarikat dalam menangani peralihan pasaran kepada karbon rendah dan ekonomi yang bebas daripada melakukan pemusnahan hutan termasuk menguruskan risiko berkaitan aset terkandas akan memberi kesan terhadap jangkaan kewangan bagi pelaburan dalam syarikat-syarikat ini.

KWAP percaya bahawa syarikat-syarikat pelaburan yang terdedah kepada projek tinggi-karbon-tinggi-kos; dan projek yang terdedah kepada risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang tinggi adalah lebih mudah terancam dengan risiko aset terkandas berbanding syarikat yang bersedia untuk beralih kepada karbon sifar.

Selain itu, pelabur institusi seperti KWAP juga bertanggungjawab untuk panduan dalam pasaran disebabkan pengaruh domestiknya yang besar. Kami bertanggungjawab untuk menyokong rancangan pembangunan ekonomi negara dan kegiatan pasaran modal berikutkan keupayaan kami yang boleh membuat perubahan dengan menghalakan semula modal ke arah syarikat-syarikat berpaksikan amalan ESG.

PERJALANAN KEMAMPMAN KAMI SEHINGGA KINI



MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

Perjalanan kemampunan KWAP bermula pada 2009 apabila ia mula mengamalkan aktivisme pemegang saham yang proaktif dengan memantau amalan tadbir urus syarikat pelaburannya serta isu-isu yang berkaitan dengan tanggungjawab syarikat terhadap aspek sosial dan alam sekitar.

Sejak itu, KWAP telah menerima dan menyatakan ESG sebagai salah satu daripada amalan perniagaannya dengan mewujudkan garis panduan ESG pada peringkat korporat, dan telah memperkenalkan garis panduan ESG kelas aset secara beransur-ansur khusus pada tahun-tahun berikutnya.

Di KWAP, prestasi bukan kewangan syarikat digunakan untuk menetapkan penarafan ESG dalam di mana syarikat pelaburan dinilai berdasarkan prestasi mereka yang ditanda aras kepada prinsip ESG umum yang diterima pakai sejak 2016.

Di samping itu, sebagai pelabur yang bertanggungjawab, KWAP juga menjalankan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburan pada setiap tahun, bagi memberikan mereka panduan untuk terus menambah baik amalan dan prestasi ESG mereka.

Selain daripada menetapkan garis panduan, KWAP secara aktif menghadiri dan mengambil bahagian dalam mesyuarat agung tahunan untuk melaksanakan aktivisme pemegang saham dan menjalankan sesi libat urus bersama pemegang saham dengan syarikat-syarikat pelaburan bagi membincangkan hal-hal kewangan dan bukan kewangan.

Untuk mengukuhkan lagi kepercayaan ESG kami, KWAP menjadi penandatangan kepada UNPRI yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2018. Sebagai penandatangan PRI, ESG telah disatukan ke dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan dan KWAP bertindak sebagai pemilik aktif yang mencari pendedahan yang betul daripada syarikat yang dilaburkan dan pelaksanaan amalan industri terbaik yang berkaitan ESG.

Tambahan lagi pada 2018, KWAP bekerjasama dengan World Wide Fund for Nature (WWF) untuk menjadi tuan rumah kepada *KWAP Inspire: Environmental Conference* yang julung kalinya diadakan, yang menjadi platform bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kemampunan alam sekitar dalam kalangan komuniti pelaburan dan perniagaan. KWAP juga mendapat pengiktirafan terhadap usaha ESG apabila ia muncul sebagai Juara ESG Asia Pasifik dalam Anugerah Kecemerlangan Institusi Pelabur Asia di Singapura.

Dalam tahun yang sama, KWAP menjalankan pengiraan kesan karbon untuk mengenal pasti pelepasan karbon (CO_2) yang terhasil berdasarkan portfolio ekuiti domestik KWAP yang sedia ada dan ukuran yang boleh diambil untuk mengurangkan risiko perubahan iklim serta menetapkan Kaedah Penjejak ESG untuk mempunyai satu proses tersusun bagi menjelak, memantau dan menyemak prestasi ESG syarikat-syarikat pelaburan KWAP.

Sejak 2019, KWAP juga menjalankan sesi libat urus ESG dengan syarikat-syarikat pelaburan pada setiap tahun untuk berbincang hal-hal bertumpukan ESG dan menangani isu-isu berkaitan.

Pada 2021, KWAP menambah baik penerapan ESG dengan memberi lebih penekanan terhadap hal/isu berkaitan alam sekitar (iaitu perubahan iklim, dll.) dan sosial (iaitu hak asasi manusia, buruh paksa, dll.) ke dalam proses membuat keputusan. Pada tahun yang sama, KWAP mendapat penarafan pada tangga teratas di Malaysia dan merupakan antara 100 pengagih aset teratas di dunia untuk pelaburan bertanggungjawab di bawah Indeks Inisiatif Pembahagi Aset Bertanggungjawab (RAAI) 2021.

Pada 2022, KWAP menyemak dan menerbitkan Garis Panduan Mengundi untuk menggariskan amalan terbaik ESG dalam melaksanakan hak pemegang saham dalam syarikat-syarikat pelaburan.



KWAP telah menerima dan menyatakan ESG sebagai salah satu daripada amalan perniagaannya dengan mewujudkan garis panduan ESG peringkat korporat, dan memperkenalkan garis panduan ESG kelas aset secara beransur-ansur khusus pada tahun-tahun berikutnya.

LANGKAH PENGHASILAN IMPAK MAMPAN



Kepercayaan Pelaburan terhadap ESG

KWAP percaya bahawa menyatukan amalan ESG ke dalam amalan pelaburannya akan menghasilkan pulangan risiko terlaras yang mampan dan justeru meningkatkan nilai pemegang saham dalam jangka panjang. Pindaan yang dicadangkan juga telah dibuat kepada Kepercayaan Pelaburan KWAP terhadap ESG pada Oktober 2022.



Saringan ESG KWAP

KWAP percaya akan kepentingan dalam menjadi pihak berkepentingan yang aktif dan bertanggungjawab. Salah satu daripada usaha kami untuk menjaga pelaburan dan melindungi aset kami daripada risiko kewangan dan reputasi, KWAP mengelakkan pelaburan dalam industri berikut menerusi saringan negatif berdasarkan pertimbangan etika:

- i. Tembakau;
- ii. Alkohol;
- iii. Perjudian;
- iv. Pornografi;
- v. Senjata (iaitu senjata kimia, bom kluster, dll.);
- vi. Negara yang tiada hubungan diplomatik dengan Malaysia;
- vii. Negara berisiko tinggi (termasuk negara yang dikenal pasti oleh Senarai Sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu); dan
- viii. Amalan rasuah.

Ia juga telah digariskan dalam Dasar Pelaburan KWAP, dan telah menjadi pendirian kami sejak 2007.



Polisi dan Garis Panduan ESG KWAP

KWAP meneruskan penerapan amalan ESG yang baik di seluruh kegiatan perniagaan dan operasinya merangkumi bidang utama iaitu pelaburan, operasi serta pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan pencen.

KWAP telah menerapkan pertimbangan ESG dalam seluruh operasinya termasuk proses membuat keputusan pelaburan menerusi garis panduan ESG Peringkat Korporat KWAP yang diwujudkan pada 2016 seperti berikut:

- KWAP mengambil kira pertimbangan kemampunan ke dalam proses membuat keputusannya menerusi:
 - i. Dasar Pelaburan dan Garis Panduan Pelaburan;
 - ii. Garis Panduan ESG untuk Pelaburan KWAP;
 - iii. Kaedah Kajian Berasaskan ESG;
 - iv. Prinsip Tadbir Urus dan Garis Panduan Mengundi untuk Ekuiti Tersenarai;
 - v. Garis Panduan ESG untuk Pelaburan Pendapatan Tetap;
 - vi. Kaedah Penjejakan ESG untuk Ekuiti Tersenarai KWAP; dan
 - vii. Garis Panduan ESG untuk Ekuiti Persendirian.

Objektif Garis Panduan ESG Peringkat Korporat adalah:

- Peranan kepada Pihak Berkepentingan: Untuk membolehkan KWAP memenuhi peranannya terhadap pihak berkepentingan termasuk generasi akan datang dalam cara yang bertanggungjawab dan mampan dengan menerima pakai amalan ESG yang baik.



MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

- Prestasi Mampan:**

Untuk menambah baik kemampaman dan prestasi jangka panjang KWAP dan syarikat-syarikat pelaburannya. KWAP percaya faktor kemampaman boleh mempengaruhi profil risiko pulangan pelaburan secara signifikan.

- Galakan amalan ESG yang baik dalam pasaran modal dan rakan-rakan perniagaan KWAP:**

Untuk memanfaatkan kedudukan KWAP sebagai pelabur institusi untuk menambah baik amalan ESG dalam:

- Pasaran modal menerusi:**

- Libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburan
- Kerjasama dengan pengawal selia (contohnya: Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti)
- Kerjasama dengan badan tadbir urus korporat (contohnya: ACGA dan PRI)
- Peranan aktif dalam majlis berkaitan tadbir urus korporat (contohnya: Majlis Pelabur Institusi dan Kumpulan Pihak Berkepentingan Tadbir Urus Korporat Utama Suruhanjaya Sekuriti)

- Syarikat-syarikat di seluruh rantai nilai KWAP termasuk pembekal, penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan rakan-rakan perniagaan lain.**

Garis Panduan ESG Peringkat Korporat terdiri daripada tujuh teras iaitu:

- Alam sekitar
- Modal insan
- Tadbir urus
- Pengurusan pelaburan
- Pentadbiran ahli
- Amalan beretika
- Sosial

LIBAT URUS DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Aktivisme Pemegang Saham

Sebagai pemegang saham aktif, KWAP meneruskan libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburannya dan membangkitkan isu-isu ESG bila perlu. Lawatan-lawatan ini diketuai pasukan pengurusan dan pegawai KWAP melalui Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa (AGM/EGM) dan mesyuarat secara bersemuka untuk menambah baik lagi amalan tadbir urus syarikat-syarikat pelaburannya.

KWAP mempunyai proses pemantauan yang berstruktur ke atas syarikat-syarikat pelaburannya. Usaha pemantauan oleh KWAP adalah seperti yang berikut:

- Memantau prestasi dan penggerak nilai syarikat-syarikat pelaburannya menerusi pengumuman dan berita syarikat yang dipantau setiap hari.
- Memantau isu-isu ESG.
- Memantau menerusi EGM:
 - Memantau isu-isu yang dibincangkan pada EGM syarikat-syarikat pelaburan; dan
 - Menyerahkan resolusi AGM/EGM kepada semua syarikat pelaburannya.

KWAP mengambil bahagian secara aktif dalam libat urus korporat dengan syarikat-syarikat pelaburan melalui:

- Libat Urus Pemegang Saham dengan Syarikat Pelaburan**

Pada 2022, pengurusan kanan KWAP mengadakan siri libat urus dengan lima syarikat pelaburan. Topik yang dibincangkan semasa sesi libat urus ini termasuk tinjauan syarikat, keadaan pasaran, pelan perniagaan akan datang syarikat dan isu-isu berkaitan ESG.

Libat urus ini disertai oleh pasukan pengurusan kanan KWAP termasuk Ketua Pegawai Eksekutif.

Libat Urus Pengurusan Kanan yang Diadakan pada 2022

Bil.	Syarikat	Tarikh
1	AMMB Holdings Berhad	17 Februari 2022
2	Telekom Malaysia Berhad	5 Julai 2022
3	AMMB Holdings Berhad	20 Julai 2022
4	IGB Real Estate Investment Trust	21 September 2022
5	Gamuda Berhad	27 September 2022

ii. Libat Urus ESG yang dijalankan oleh KWAP

Pada 2018, KWAP membangunkan Kaedah Penjejakan ESG untuk membolehkan KWAP mempunyai satu proses berstruktur untuk menjelak, memantau dan menyemak prestasi ESG syarikat-syarikat pelabur KWAP.

KWAP akan menyaring syarikat-syarikat pelaburannya berdasarkan pertimbangan dalam Kaedah Penjejakan ESG dan menyenarai pendek beberapa syarikat untuk dimasukkan ke dalam Senarai Pantau ESG. Seterusnya, KWAP akan menjalankan analisis terperinci tentang isu-isu ESG berkenaan menurut Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dan membangunkan pangkalan data ESG untuk setiap syarikat dalam Senarai Pantau ESG.

Susulan ini, KWAP akan mengadakan libat urus dan dialog ESG dengan syarikat-syarikat di bawah Senarai Pantau ESG untuk memantau lagi operasi mereka, jika ada, dan berkongsi pengalaman berdasarkan sesi libat urus sebelumnya dengan syarikat-syarikat lain. Ini membolehkan KWAP untuk mempengaruhi syarikat pelaburan agar sejajar dengan objektif kemampunan dan ESG KWAP.

Pada 2022, KWAP mengadakan empat sesi libat urus ESG dan satu sesi susulan libat urus bersama syarikat-syarikat pelaburannya.

Bil.	Syarikat	Tarikh
1	UMW Holdings Berhad	14 Jun 2022
2	Panasonic Manufacturing Malaysia	12 Julai 2022
3	Sime Darby Berhad (Automotive)	23 Ogos 2022
4	Tenaga Nasional Berhad	22 September 2022
5	Power Root Berhad	17 Oktober 2022

Berdasarkan sesi libat urus ESG dengan syarikat-syarikat pelaburannya, KWAP telah mendapati bahawa pendedahan kemampunan dalam kalangan syarikat-syarikat pelaburannya masih rendah. Di samping itu, KWAP juga telah mengutarakan isu-isu ESG termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkara seperti yang berikut:



Selain penambahan kepada Sesi Libat Urus Pemegang Saham KWAP dan libat urus ESG yang dinyatakan di atas, penganalisisan kajian KWAP juga mengadakan sejumlah 811 libat urus yang mana 450 adalah domestik dan 352 antarabangsa, sepanjang tahun ini termasuk taklimat penganalisis, mesyuarat dalaman dan libat urus bersama syarikat-syarikat pelaburan, termasuk semakan ke atas amalan ESG sekiranya berkenaan.

MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

iii. Hak Mengundi

Pada 2022, KWAP melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengundi di AGM/EGM.

KWAP menyerahkan resolusi EGM daripada 116 syarikat kepada syarikat-syarikat pelaburannya dan melaksanakan hak mengundi berdasarkan Garis Panduan Mengundi KWAP yang diterbitkan.

iv. Sesi Libat urus berkaitan ESG lain

Selain daripada libat urus yang tersenarai di atas dan sebagai pemegang saham aktif yang secara berterusan berusaha menggalakkan amalan ESG yang baik, KWAP meneruskan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburannya untuk membangkitkan dan menangani hal-hal ESG penting (sekiranya perlu) disebabkan oleh amalan ESG syarikat-syarikat pelaburannya yang diumumkan pada tahun ini. Lawatan-lawatan ini diketuai oleh barisan pengurusan kanan dan pegawai KWAP melalui mesyuarat secara bersemuka untuk menambah baik lagi amalan ESG syarikat-syarikat pelaburannya.

Pada 2022, KWAP membuat sesi libat urus dengan satu syarikat pelaburan, iaitu:

Bil.	Syarikat	Tarikh	Tujuan Mesyuarat
1	Sime Darby Plantation Berhad	21 Mac 2022	Maklumat terkini tentang US CBP WRO

Libat urus dengan Pengawalselia/Syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs)

Sebahagian daripada inisiatif dalam menyokong amalan ESG, KWAP mengambil bahagian dalam pelbagai sesi libat urus bersama pengawalselia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Selain itu, KWAP juga telah mengambil bahagian dalam kumpulan kerja berkaitan kemampunan, seperti berikut:

i. Jawatankuasa JC3

Tiga pegawai KWAP merupakan ahli Jawatankuasa Bersama Untuk Perubahan Iklim (JC3). Pada 27 September 2019, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia membentuk JC3 untuk

mewujudkan tindakan bersama bagi membina daya tahan sektor kewangan Malaysia terhadap perubahan keadaan iklim. Tiga jawatankuasa JC3 termasuk:

a. JC3 Jawatankuasa Kecil 1	Kumpulan kerja untuk Perubahan Iklim dan Taksonomi berdasarkan Prinsip
b. JC3 Jawatankuasa Kecil 2	Tadbir Urus dan Pendedahan
c. JC3 Jawatankuasa Kecil 5	Merapatkan Jurang Data

ii. Input untuk Kaji Selidik dan Soalan

KWAP telah memberi input dalam kaji selidik dan soalan yang diutarakan oleh Pengawalselia dan Persatuan Berkaitan ESG, seperti berikut:

- Maklum balas mengenai *Book 1 – Purpose & Performance Driven PLCs*
- Deraf Panduan Permohonan Pasukan Petugas Khas Mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD)
- Maklum balas mengenai Deraf *Book 2 On Sustainable, Socially Responsible and Ethical Public Listed Companies (PLCs)* yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia
- Rundingan No. 1 bagi 2022 tentang pindaan yang dicadangkan
- Cadangan Pindaan kepada Keperluan Undang-Undang Perniagaan dan Penyenaraian Bursa untuk memudahkan operasi pada hari cuti umum
- Kertas Rundingan daripada Bursa mengenai Cadangan Pindaan kepada Keperluan Penyenaraian Utama berkaitan dengan Kerangka Waran Berstruktur
- Kertas Rundingan Bursa mengenai Cadangan Pindaan kepada Penyenaraian Pasaran ACE berkaitan dengan Pindahan Kerangka Penyenaraian daripada Pasaran LEAP dan Kerangka Penasihat Diluluskan dan Diiktiraf
- Rundingan Awam mengenai Deraf Semakan untuk Prinsip Tadbir Urus Kumpulan 20 (G20)/Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)
- Bursa Malaysia CP 3/2022 – Cadangan Pindaan kepada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama berkaitan dengan Dana Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) Tersenarai dan Dana Dagangan Bursa (EFT) berciri Wakaf

Libat Urus dengan Badan Tadbir Urus Korporat

i. Majlis Pelabur Institusi (IIC)/ Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi (Kod)

KWAP telah menjadi ahli dan ahli pengasas IIC sejak pembentukannya pada Julai 2015 dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad dilantik sebagai pengurus pertama Lembaga Majlis IIC dari Julai 2015 hingga Jun 2019.

Pada 15 Disember 2021, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed dilantik sebagai Naib Pengurus Lembaga Pengarah Majlis IIC pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ketiga.

Sebagai ahli IIC, KWAP mengesahkan komitmennya dalam mendukung piawaian tadbir urus korporat yang baik dengan menjadi penandatangan kepada Kod tersebut. Kod ini mengandungi prinsip-prinsip yang membantu para pelabur institusi untuk memenuhi tanggungjawab kepimpinan mereka dengan cara mempengaruhi dan menggalakkan budaya tadbir urus yang baik dalam syarikat-syarikat pelaburan mereka.

Selain daripada pembentukan IIC, jawatankuasa kerja khas telah dibentuk untuk memberi tumpuan kepada isu dan topik kepentingan strategik yang merupakan keutamaan biasa bagi pelabur institusi dan selari dengan objektif IIC iaitu Pasaran dan Industri, dan Tadbir Urus dan Dasar.

Sehingga kini, terdapat 38 penandatangan di bawah Kod ini yang termasuk Pelabur Institusi, pengurus aset dan pemilik aset. Akhir sekali, KWAP telah mengambil bahagian secara aktif dalam acara-acara berkaitan IIC termasuk sesi bual bicara serta mesyuarat majlis dan kumpulan kerja.

ii. Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

KWAP menjadi penandatangan kepada PRI pada 7 Februari 2018, sebuah organisasi bukan bermotifkan keuntungan (NPO) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) bagi menggalakkan pelabur menerima pakai pelaburan bertanggungjawab untuk meningkatkan pulangan dan mengurus risiko dengan lebih baik. PRI menggalakkan kesedaran terhadap implikasi pelaburan faktor-faktor ESG dan menyokong rangkaian antarabangsa penandatangan pelabur dengan memasukkan enam prinsip PRI ke dalam amalan untuk pelaburan dan keputusan pemilikan.

Sebahagian usaha KWAP untuk mengembangkan inisiatif pelaburan bertanggungjawab kami di platform yang diiktiraf secara global adalah dengan menjadi penandatangan kepada PRI. Sebagai penandatangan, KWAP komited untuk:

- i. Menerima pakai dan melaksanakan enam prinsip untuk pelaburan bertanggungjawab, secara konsisten dengan tanggungjawab fidusiari kami.
- ii. Untuk menilai keberkesanan dan menambah baik prinsip kami pada masa akan datang.

Kami percaya ini akan menambah baik keupayaan KWAP untuk memenuhi komitmennya kepada benefisiari agar sejajar dengan kegiatan pelaburan yang lebih mementingkan masyarakat. Kami juga menggalakkan pelabur lain untuk menerima pakai prinsip-prinsip ini.

KWAP telah menjalankan sesi libat urus secara lebih dekat dengan wakil-wakil PRI untuk menambah baik inisiatif ESG di rantau ini.

Penglibatan Ceramah KWAP pada 2022

KWAP telah mengambil bahagian sebagai penceramah jemputan dalam beberapa acara berkaitan ESG seperti:

- i. *MIDF Green Conference 2022: Does being ESG compliant help with raising capital?;*
- ii. *SIDC's Sustainable and Responsible Investment (SRI) 2022 Virtual Conference: Preserving the Climate through Sustainable Business and Living;*
- iii. *4th Islamic Sustainable Finance & Investment Forum 2022: Positioning ESG and Sustainable Finance and Investment - Policy, Regulation and Action;*
- iv. *Climate Governance – A Standing Item in Board Agendas;*
- v. *Institutional Investors Council Malaysia and Asia Research & Engagement (ARE) - Investor Roundtable on Net Zero in Malaysia;*
- vi. *Aberdeen Sustainability Summit APAC;*
- vii. *Sustainable Global Capital Conference;*
- viii. *PwC & Bursa Malaysia Transformation Programme - Strengthening Stakeholder Management & Investor Relations Guidebook 3 Highlights;*
- ix. *RHB Investment Bank Berhad & Bursa Malaysia Seminar - Invest Shariah Corporate Conversation - (When Shariah Meets ESG: The Next Level);*
- x. *IIC – SIDC Corporate Governance Conference 2022: Investment Stewardship in Times of Heightened Sustainability Demands; dan*
- xi. *SMART Leadership Talk Series 2022 - Embracing Sustainability via Diversity.*

MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

PROGRAM DAN PENGLIBATAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PADA 2022

KWAP telah menunjukkan daya tahan yang memberangsangkan dan dedikasi tidak berbelah bahagi dalam mewujudkan impak positif terhadap pihak-pihak berkepentingannya, walaupun berdepan cabaran akibat pandemik COVID-19. Sebagai organisasi korporat yang bertanggungjawab, KWAP kekal komited dalam memenuhi peranannya, dan telah membuktikan komitmen ini melalui sesi libat urus berterusan dengan pihak berkepentingan menerusi pelbagai dan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Usaha-usaha ini bukan hanya membantu KWAP mengukuhkan hubungannya dengan pihak berkepentingan malah ianya juga telah meningkatkan reputasi kami sebagai organisasi yang mempunyai tanggungjawab sosial dan komited dalam mencipta nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan, walaupun dalam keadaan yang mencabar.

UNTUK NEGARA

Program MySTEP KWAP 2022

Program MySTEP adalah inisiatif yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia bagi menyediakan pekerjaan dalam jangka masa singkat dan peluang latihan untuk rakyat Malaysia. Sasaran program ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan dan pengalaman profesional para peserta dengan menawarkan manfaat komprehensif dan peluang latihan.

Pada 2022, KWAP berjaya merekrut 1,019 pelatih MySTEP, mengatasi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Program ini menyediakan banyak manfaat kepada peserta, termasuk manfaat perubatan dan peluang latihan. Semua manfaat ini telah mewujudkan persekitaran yang menyokong dan memupuk pembelajaran dan kemajuan bagi memanfaatkan para pelatih dan juga KWAP.

KWAP telah menerima kemasukan pelatih MySTEP yang pertama pada 17 Mei 2022 dan sejumlah 92 pelatih telah menyertai tenaga kerja kami menjelang akhir tahun. Mereka ditempatkan di jabatan berbeza di kedua-dua pejabat KWAP KL dan Cyberjaya di mana kontrak pekerjaan mereka adalah antara tiga bulan sehingga satu tahun.

Program MySTEP juga telah membantu KWAP dalam menarik dan mengekalkan individu-individu berbakat, yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia. Tambahan pula, kejayaan program ini telah menyumbang kepada usaha kerajaan dalam menangani masalah pengangguran dan seterusnya memanfaatkan ekonomi negara.

Dalam memastikan kejayaan program MySTEP ini, KWAP telah menyediakan beberapa penambahbaikan seperti menjalin perkongsian bersama organisasi sektor swasta sebagai persiapan untuk pelatih MySTEP dalam pencarian peluang pekerjaan setelah tamat program.



Ini boleh meningkatkan impak program ini terhadap kebolehpasaran pekerjaan serta meningkatkan peluang pelatih yang sedang mencari pekerjaan dalam jangka panjang.

Dengan pengenalan program pementoran dan bimbingan ke dalam kurikulum latihan akan membantu membina hubungan yang lebih rapat antara pelatih dan penyelia mereka. Ini membolehkan mereka menerima bimbingan berguna, menyediakan latihan kemahiran bahasa dan juga komunikasi untuk pelatih. Ini akan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk komunikasi yang berkesan dalam ekonomi global serta meningkatkan peluang pekerjaan mereka di luar negara. Kerajaan juga harus memberi sokongan berterusan bagi memastikan daya maju dan kejayaan jangka panjang untuk program ini.

Komitmen KWAP terhadap pembangunan modal insan melalui program MySTEP menekankan usaha kami untuk menyumbang kepada pembangunan mampan ekonomi Malaysia. Dengan membuat pelaburan dalam pembangunan rakyat, KWAP bukan hanya menambah baik kebolehpasaran pekerjaan rakyat Malaysia tetapi juga membantu dalam membina ekonomi yang lebih kukuh dan lebih berdaya tahan untuk masa akan datang.

UNTUK INDUSTRI

Hari Terbuka GLC

Hari Terbuka GLC 2022 dengan tema ‘Aspirasi Negara Inspirasi Rakyat’ telah dianjurkan oleh MOF dari 11 sehingga 13 Mac 2022 di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur. Acara ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, yang menyasarkan lebih 10,000 pengunjung. Objektifnya adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan, mempercepatkan pertumbuhan sosioekonomi pasca pandemik, mencapai piawaian global untuk pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan kesedaran awam tentang peranan dan sumbangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan/syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLC/GLIC) kepada negara. KWAP mengambil bahagian dalam acara ini sebagai pempamer beserta agensi-agensi lain. Kakitangan KWAP turut berkhidmat sebagai sukarelawan bagi memberi maklumat mengenai fungsi KWAP, mempromosi aplikasi mudah alih MyPesara, menjalankan klinik curriculum vitae (CV), mengadakan temuduga kerja serta mengambil bahagian dalam sesi ceramah.



Persidangan Tadbir Urus SIDC 2022

Pada 23 September 2022, Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) menganjurkan persidangan yang dinamakan ‘IIC – SIDC Corporate Governance Conference 2022: Investment Stewardship in Times of Heightened Sustainability Demands’ yang berlangsung di Dewan Persidangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Ketua Pegawai Eksekutif KWAP telah dijemput sebagai salah seorang penceramah untuk berkongsi pandangan beliau mengenai pencapaian karbon sifar bersih menjelang 2050. Persidangan ini juga menampilkan wakil-wakil dari GLIC, sektor korporat dan pakar industri sebagai penceramah dari dalam maupun luar negara, serta ahli panel bagi berkongsi pandangan mereka mengenai usaha tadbir urus dan kemampuan.



Siri Ceramah Kepimpinan Pintar 2022

KWAP bersama-sama Yayasan Kepimpinan Wanita (WLF) menjadi tuan rumah untuk 5th Smart Leadership Talk Series 2022 yang menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP dengan topik ‘Embracing Sustainability via Diversity’ pada 25 November 2022 di pejabat utama KWAP di Kuala Lumpur. Ia merupakan sesi perkongsian pengetahuan yang disambut baik oleh lebih 50 tetamu jemputan yang terdiri daripada individu-individu penting daripada industri, mentor dan mentee WLF serta kakitangan KWAP.



MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

UNTUK INDUSTRI

Sesi Dialog Tertutup mengenai Tadbir Urus Iklim

Majlis Pelabur Institusi (IIC) dan KWAP menjadi tuan rumah untuk Sesi Dialog Tertutup mengenai Tadbir Urus Iklim - A Standing Item in Board Agendas pada 24 Ogos 2022 di DoubleTree by Hilton di mana pengasas dan pengurus Inisiatif Tadbir Urus Iklim (CGI), Karina Litvack, dijemput sebagai penceramah tetamu istimewa. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP diberi peluang menyampaikan ucapan bertajuk '*Climate Governance Moving Mainstream*' untuk berkongsi pandangan dan mewujudkan kesedaran berhubungan isu tadbir urus iklim. Sesi dialog ini membolehkan ahli-ahlinya berkongsi idea yang mencabar pemikiran dan maklum balas terhadap tadbir urus iklim, memahami isu-isu alam sekitar dan sosial serta peranan Ahli Lembaga dalam membuat pertimbangan bijak antara pelbagai konstituen dalam persekitaran di mana ia beroperasi.



Larian Kewangan 2022

Pada Oktober 2022, MOF di bawah Majlis Kebajikan dan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSACK) mengadakan Larian Kewangan 2022 bersempena Hari Sukan Negara. Program ini berlangsung di Tasik Cyberjaya dan menyaksikan penyertaan lebih 1,200 peserta daripada pelbagai agensi di bawah MOF, termasuk 68 peserta daripada KWAP. KWAP juga membuka reruai untuk mempromosi aplikasi mudah alih MyPesara dan mengambil peluang untuk mengedarkan poskad MyPesara kepada para peserta dan orang awam.



Bintang Kewangan

KWAP telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Bintang Kewangan 2022, yang merupakan pertandingan nyanyian yang menampilkan penyanyi berbakat daripada semua agensi di bawah MOF. Acara ini diadakan di INSPEX, Bangi pada 20 Julai, dan dihadiri oleh 600 wakil daripada agensi termasuk Menteri Kewangan sebagai tetamu kehormat. KWAP diwakili oleh Moh Busyrol Kariim Khalil, manakala wakil daripada MOF telah muncul sebagai juara dalam pertandingan nyanyian ini. Dua kategori baharu telah diperkenalkan di mana Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) membawa pulang hadiah Kumpulan Sorak Agensi Terbaik manakala Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) telah memenangi hadiah untuk Pakaian Kumpulan Sorak Agensi Terbaik.



UNTUK KOMUNITI

Sesi Libat Urus Berkaitan Persaraan

Sesi ceramah dan taklimat telah diadakan sepanjang tahun ini untuk penjawat awam dan bakal pesara mengenai manfaat persaraan mereka dan hal-hal lain berkaitan pencer.

KWAP telah berjaya mengendalikan sejumlah 36 ceramah di seluruh negara sepanjang 2022. Sebagai perbandingan, 34 program telah dikendalikan pada 2021. Libat urus ini terdiri daripada 10 program yang dijalankan secara maya sementara 26 lagi adalah sesi bersemuka yang berlangsung di seluruh Malaysia. Program bersemuka telah diadakan sekali untuk setiap negeri di Kelantan, Terengganu, Putrajaya, Labuan dan Sarawak; manakala Johor, Negeri Sembilan dan Perak pula sebanyak dua kali; Kuala Lumpur, Pahang dan Selangor sebanyak tiga kali; dan enam program telah dijalankan di Melaka.

Ini merupakan tambahan kepada tujuh program penglibatan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perancangan Kewangan Seminar untuk Pesara 2022 dan Seminar Perancangan Kewangan untuk Bakal Pesara 2022.

Pada masa yang sama, KWAP terus menjalankan dan mengambil bahagian dalam program penglibatan secara terus untuk para pesara dan bakal pesara yang ingin mendapatkan maklum balas yang jelas dalam hal-hal berkaitan pencer.



MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

UNTUK KOMUNITI

Kasih KWAP 2022

Kasih KWAP merupakan program tahunan yang dianjurkan untuk menyambut ketibaan bulan Ramadhan bersama golongan kurang bernasib baik.

KWAP menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan pihak berkepentingan serta masyarakat setempat. Ini termasuk:

- Agihan 1,680 kotak kurma kepada kakitangan KWAP, pesara, persatuan pencegah dan pihak berkepentingan lain.
- Menganjurkan lima sesi ‘Tazkirah Ramadhan’ berkenaan topik semasa bersama Ustaz Dato’ Daud Che Ngah, Dr Zaharuddin Abd Rahman, Ustaz Azri Abd Rajid, Ustaz Muhammad Harith Md, dan Dato’ Mohd Fadzilah Kamsah.
- Aktiviti Membeli Belah Hari Raya bersama 60 kanak-kanak yang berusia antara tiga tahun sehingga 20 tahun dari Pertubuhan Warisan Suci dan Nur Kasih Bestari. 15 sukarelawan KWAP turut hadir untuk membantu kanak-kanak ini memilih pakaian serta keperluan mereka sempena Hari Raya yang seterusnya disusuli dengan majlis berbuka puasa.
- Menganjurkan Ihya Ramadhan 2022 dengan sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Rembau. Lebih daripada 20 sukarelawan KWAP dan ahli jawatankuasa Pusat Aktiviti Warga Emas dari JKM mengambil bahagian dalam penyediaan bubur lambuk dan dodol. Sejumlah 600 pek Ramadhan diagharkan kepada Hospital Rembau, Pejabat Tanah dan Daerah, Masjid Rembau, Jabatan Pendidikan Daerah, Kolej Komuniti Rembau, Pejabat Kesihatan Daerah dan pesara yang menetap di kawasan sekitar.
- Sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Rumah Seri Kenangan, Seremban sebagai sebahagian daripada usaha amal KWAP. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu 13 warga emas dan pesara dalam membeli keperluan harian mereka.



UNTUK WARGA KERJA KAMI

Townhall Bulanan Bersama Ketua Pegawai Eksekutif

Townhall bulanan diadakan sebagai platform untuk Ketua Pegawai Eksekutif berkongsi perkembangan terkini organisasi dan aktiviti-aktiviti yang akan datang. Ia memberi peluang untuk kakitangan untuk mengajukan soalan dan berkongsi pendapat. Sesi libat urus yang aktif ini merupakan unsur penting bagi budaya KWAP yang menggalakkan keterbukaan, keikhlasan dan keterangkuman dalam organisasi. Melalui sesi *townhall* ini, ia menggalakkan persekitaran kerja yang positif di kalangan kakitangan.



Majlis Hari Raya KWAP

Selepas dua tahun program ini dihentikan berikutan pandemik, KWAP kembali mengadakan Majlis Hari Raya pada Mei 2022 bersama warga kerja KWAP, pihak berkepentingan serta tetamu-tetamu korporat. Majlis ini menyediakan satu platform untuk mengeratkan hubungan antara satu sama lain, mengukuhkan tali persahabatan antara rakan sekerja baharu serta lama dan memupuk budaya kerja positif di KWAP.



Majlis Makan Malam Tahunan

Majlis Makan Malam KWAP dianjurkan pada 30 September 2022 dengan tema ‘Rock of All Ages.’ Program ini menyaksikan 665 warga kerja mengenakan pakaian mengikut tema sambil menikmati pelbagai aktiviti menarik sepanjang malam tersebut. Selain mengukuhkan perhubungan, program ini memberi peluang untuk mengimbang kembali aktiviti-aktiviti yang berlaku sepanjang tahun lalu dan bersama-sama berganding bahu untuk mencapai masa hadapan yang lebih baik. Secara keseluruhannya, ia merupakan satu program istimewa yang dihargai oleh semua kakitangan KWAP.



MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

UNTUK WARGA KERJA KAMI

#KWAPSEJIWA – Sambutan Merdeka

Sambutan Merdeka diadakan pada setiap tahun dengan pelbagai inisiatif yang berimpak tinggi yang bertujuan untuk memupuk semangat kemerdekaan dalam kalangan kakitangan. Salah satu daripada kemuncak sambutan 2021 adalah pelancaran #KWAPSejiwa, yang menampilkan dua program penting iaitu Forum Seni yang diadakan secara serentak dengan sambutan kemerdekaan yang ke-64 Malaysia dan juga penganjuran kelas seni maya pertama untuk kakitangan. Bagi mengelakkan momentum #KWAPSejiwa, KWAP meneruskan inisiatif ini pada 2022.

Dengan tema ‘Teguh Bersama’, #KWAPSejiwa 2022 dijalankan sepanjang tempoh sebulan dengan memberi peluang kepada kakitangan KWAP untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang bertemakan kemerdekaan. Objektif inisiatif ini adalah untuk melonjakkan semangat patriotisme, kebersamaan dan keceriaan di tempat kerja. Aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah termasuk:

- Kelas Seni Batik 2.0, di mana empat sesi diadakan di kedua-dua pejabat KWAP
- Permainan Gamit Kenangan
 - i. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

1. Teka Kuih Kita	Peserta perlu meneka nama kuih-muih tradisional.
2. Tarian Magunatip	Peserta mempelajari tarian buluh tradisional.
3. BahasaKu Keramat	Peserta diuji mengenai pengetahuan Bahasa Melayu, simpulan bahasa dan gambar-gambar bertemakan kemerdekaan.
4. Sayembara Pantun	Peserta perlu mengarang dan menyampaikan pantun bertemakan kemerdekaan.
5. Tebar Roti Canai	Peserta perlu menunjukkan kehandalan mereka menebar roti canai bersama Juara Penebar Roti Canai yang merupakan juri jemputan.



UNTUK WARGA KERJA KAMI

#KWAPSEJIWA – Sambutan Merdeka

- Seni@KWAP
 - i. Aktiviti berlangsung sepanjang bulan dengan objektif utama untuk menzahirkan penghargaan dan pembelajaran berhubung hasil seni KWAP yang bertemakan kemerdekaan dalam kalangan kakitangan. Seramai 16 kakitangan memuat naik gambar swafoto mereka untuk pertandingan ini.
- Bicara Seni
 - i. Bicara Seni diadakan pada 15 September 2022 di ruang lobi, Aras 6, Menara Integra, dan
 - ii. Sesi perkongsian diadakan untuk kakitangan dalam memahami seni dan perspektifnya. Sesi ini menumpukan kisah di sebalik arca ‘Beringin Bebas’, yang dihasilkan oleh artis tempatan, Jamil Zakaria.



Pemukiman Barisan Pengurusan

Dengan beberapa pelantikan baharu pasukan pengurusan KWAP, program pemukiman dua hari pada 15 dan 16 Oktober 2022 telah diadakan di Janda Baik, Pahang. Bertemakan ‘Off-Site but On Track Road Trip’ yang melibatkan 20 orang pegawai tertinggi dan ketua-ketua jabatan. Ianya merupakan satu platform yang sangat berkesan untuk berhubung dan bekerjasama dalam persekitaran santai, serta mengeratkan hubungan silaturrahim melalui aktiviti-aktiviti yang menarik.



MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

UNTUK WARGA KERJA KAMI

PENGURUSAN BAKAT

KWAP terus meningkatkan dan melaksanakan program perancangan penggantian yang kukuh untuk mengenal pasti dan membangunkan bakat dalaman untuk tugas-tugas penting dan jawatan kepimpinan. Ini memastikan kami mempunyai calon pemimpin berwibawa yang boleh memenuhi jangkaan TERAS 5 dan terus membantu KWAP melalui penstrukturran semula organisasi (OGS). Antara usaha dan pencapaian pada 2022 melalui inisiatif Pengurusan Bakat KWAP dan program perancangan penggantian adalah seperti yang berikut:

1. Penambahbaikan program Kumpulan Bakat, dilaksanakan untuk mengenal pasti dan membentuk kumpulan kakitangan berpotensi tinggi yang berupaya memikul peranan kepimpinan pada masa akan datang dalam organisasi;
2. Penggantian Kumpulan Bakat ke dalam jawatan penting di KWAP. Buat masa ini, 67% daripada jawatan penting telah diisi melalui penggantian bakat dalaman;
3. Penilaian Kepimpinan Pengurusan Kanan telah dijalankan pada 2022 untuk mengenal pasti jurang kepimpinan dan seterusnya meningkatkan keseluruhan penjajaran kepimpinan untuk penambahbaikan prestasi dan libat urus antara kakitangan dan barisan pengurusan di KWAP;
4. Peminjaman bakat berpotensi tinggi ke anak syarikat KWAP, Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti) di UK sebagai inkubasi dan platform pembangunan untuk pengalaman intensif dan mendalam untuk pembangunan kepimpinan;
5. Penempatan bakat-bakat kepada syarikat-syarikat rakan strategik, pengawal selia dan pihak berkepentingan seperti LTAT, MOF dan SC untuk inisiatif kerajaan iaitu PERKUKUH dalam berkongsi kepakaran dan pada masa yang sama, membangunkan dan memberi pendedahan kepada bakat-bakat KWAP; dan
6. Bimbingan Kepimpinan Eksekutif terus menyediakan bimbingan yang diperbadikan kepada bakat-bakat bagi membantu mereka dalam membangunkan kemahiran kepimpinan. Jurulatih eksekutif yang bertauliah dari industri menawarkan sesi bimbingan yang mengambil masa tiga sehingga enam bulan bagi tujuan penambahbaikan kemahiran kepimpinan.

Program KWAP Young Talent (KYT) 2022

Program KYT adalah program pelatih pengurusan yang diperkenalkan pada 2014. Program ini menyediakan peningkatan kerjaya dan peluang pembelajaran melalui pelbagai intervensi untuk meningkatkan kecekapan bakat muda serta pengetahuan perniagaan dan kepimpinan dalam mempersiapkan mereka untuk menjadi pakar dan pemimpin pada masa akan datang di KWAP.

Sejumlah 28 bakat baharu telah mengambil bahagian dalam Program KYT pada 2022. Bakat-bakat ini terdiri daripada graduan tempatan dan luar negara meliputi pelbagai disiplin. Secara keseluruhan, KWAP melalui program ini telah mengambil 128 bakat muda sejak 2014.

Kami mengalu-alukan kemasukan KYT 2022 yang pertama pada Ogos 2022 diikuti dengan kemasukan kedua pada Oktober dan seterusnya pada Disember. Bakat-bakat KYT kami menjalani latihan bersemuka selama sebulan termasuk program pengenalan untuk membangunkan kemahiran interpersonal dan kemahiran insaniah, dan pengenalan kepada organisasi sebelum ditugaskan ke jabatan masing-masing.



UNTUK WARGA KERJA KAMI

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

Latihan

Kesedaran akan keperluan dalam memastikan tenaga kerja tangkas dari segi pengetahuan dan kemahiran telah membawa kepada pelaksanaan pelbagai infrastruktur pembelajaran. Pilihan pembelajaran yang ditawarkan termasuk program awam, persidangan, seminar, program latihan dalaman, perkongsian pengetahuan jabatan dan *Learning Zone*, *Learning Management System* (LMS) KWAP. Penawaran pembelajaran dilaksanakan di dalam rancangan latihan tahunan yang komprehensif, yang diumumkan kepada semua kakitangan setiap suku tahun. Beberapa program juga melibatkan kaedah pembelajaran dalam bentuk gamifikasi. Ini memastikan pembelajaran sentiasa pada tahap tertinggi apabila peserta terlibat sepenuhnya.



Impak Latihan

- i. Pada 2022, semua jabatan memenuhi sasaran hari pembelajaran yang ditetapkan;
- ii. 65 program dalaman terdiri daripada program secara bersemuka dan maya telah diadakan, serta 402 program awam berbayar telah dijalankan bagi memenuhi keperluan teknikal dan kepimpinan kakitangan; dan
- iii. Secara keseluruhannya, purata hari pembelajaran bagi tahun 2022 adalah lebih banyak daripada 2021 iaitu 11.2 hari berbanding 10.7 hari.

The Learning Zone, Learning Management System (LMS) KWAP

Dalam memenuhi permintaan berterusan terhadap pembelajaran digital, KWAP mewujudkan LMS. LMS bertujuan melengkapi penawaran latihan konvensional serta menjadi platform yang menggalakkan fleksibiliti dalam pembelajaran di mana kakitangan boleh mendapat pengetahuan dan kemahiran tanpa kekangan tempat dan masa secara berterusan. LMS buat masa ini menyediakan sehingga 60,000 kursus latihan untuk pengguna menerusi laman LMS.



Impak Latihan

- i. Pembelajaran sendiri jelasnya boleh menjadi satu cabaran untuk setiap orang. Oleh itu pada 2022, kami telah memperkenalkan pendekatan baharu di mana penggerak pembelajaran telah dilantik dari setiap jabatan untuk bertanggungjawab ke atas perjalanan pembelajaran jabatan mereka. Penggerak pembelajaran bersama-sama Ketua Jabatan bukan sahaja mengenal pasti kursus-kursus teras di LMS yang dianggap penting dan relevan, mereka juga perlu merangka perjalanan dan memeriksa kemajuan setiap ahli pasukan. Kempen ini berbentuk pertandingan, di mana kadar penyelesaian dilaporkan setiap bulan. Sasaran kempen ini adalah untuk membantu kakitangan beralih kepada pembelajaran sendiri sehingga ia menjadi kebiasaan;
- ii. Hasil daripada kempen ini, dua kitaran pembelajaran di LMS telah diperkenalkan pada 2022, diketuai oleh 56 penggerak pembelajaran, yang membawa kepada pengwujudan 28 perjalanan pembelajaran; dan
- iii. Pada 2022 sahaja, 6,115 modul telah diselesaikan di LMS berbanding 4,060 modul pada 2021.

MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

UNTUK WARGA KERJA KAMI

Learning, Engagement and Advisory Programme (LEAP) KWAP

LEAP KWAP adalah inisiatif untuk membina kerangka formal bagi mengukuhkan perhubungan dengan pengurus dana luar (EFM) yang mengurus portfolio KWAP, disamping menekankan tambahan nilai dan perkongsian pengetahuan untuk dimanfaatkan oleh kakitangan KWAP.

Impak Program

- i. Pada 2021, enam sesi telah dijalankan oleh EFM, dan kehadiran disambut baik bagi semua sesi secara konsisten. Susulan daripada kejayaan LEAP pada 2021, ianya diteruskan pada 2022 dengan merangkumi topik mengenai ‘Factor Investing’, ‘Sovereign Asset Management’, ‘ESG Integration into Factor Investing’, dan juga ‘the Future of ESG’;
- ii. Lima sesi berlangsung pada 2022 yang dikendalikan oleh penceramah berpengalaman daripada dua EFM yang dilantik oleh KWAP melalui platform dalam talian iaitu MS Teams; dan
- iii. Purata 60 peserta mengambil bahagian dalam setiap sesi.



Program Peningkatan Kemahiran KWAP

Program Peningkatan Kemahiran KWAP yang dilancarkan pada Oktober 2020 adalah salah satu daripada kualiti yang diutamakan oleh KWAP, iaitu semangat pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kemahiran. Program ini direka untuk kakitangan bukan eksekutif dengan kerjasama Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (UTM-AHIBS) yang membolehkan tenaga kerja kami memenuhi piawaian industri, mengorak laluan bagi kemajuan kerjaya dan menghasilkan bakat yang cekap dan sedia masa hadapan secara berterusan. Program Peningkatan Kemahiran KWAP membuka laluan kepada perancangan penggantian yang ditambah baik bagi kakitangan dalaman KWAP, termasuk pada peringkat bukan eksekutif.

Susulan tamatnya program UPSKILL 1.0 dengan UTM-AHIBS, KWAP menerima pengiktirafan industri di Employee Experience Awards 2022. KWAP adalah antara tiga finalis untuk kategori ‘Best Organisational Upskilling and Reskilling Strategy’ pada Jun 2022.



Impak Program

- i. Daripada kejayaan ini, KWAP meneruskan usaha sama dengan UTM-AHIBS, yang kini dikenali sebagai UPSKILL 2.0. 16 kakitangan yang berdedikasi telah didaftarkan dan program dijadualkan berakhir pada Disember 2023.



UNTUK WARGA KERJA KAMI

Skim Bantuan Pendidikan

Walaupun pembangunan kemahiran bagi menutup jurang kecekapan segera adalah penting, landskap pekerjaan yang berubah-ubah menandakan ketidaktentuan peranan akan datang. KWAP percaya akan perlunya peningkatan kemahiran berterusan untuk menyediakan tenaga kerjanya untuk masa akan datang, di mana kakitangan sentiasa digalakkan untuk menambah kelayakan profesional mereka dengan mendaftar Skim Bantuan Pendidikan KWAP. Skim ini terus menghasilkan bakat dengan kelayakan dipertingkatkan untuk kakitangan KWAP secara keseluruhannya.



Impak Program

- i. Pada 2022, lapan kakitangan tamat pengajian berbanding 17 kakitangan pada 2021, menghasilkan tiga Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA), dua Juruaudit Dalam Bertauliah (CIA), seorang pemegang Ijazah Pentadbiran Perniagaan (BBA) dan dua dengan Ijazah Sarjana;
- ii. Pada 28 Mei 2022, KWAP telah diiktiraf sebagai salah satu daripada rakan majikan CFA Society Malaysia bagi Program Pengiktirafan Majikan oleh Institut CFA. Pengiktirafan ini adalah berdasarkan komitmen untuk memupuk perjalanan profesional kakitangan dalam usaha mendapatkan kelayakan CFA. Dua kakitangan KWAP diberikan anugerah piagam CFA pada program ini kerana berjaya lulus semua peringkat program CFA, di mana ia merupakan salah satu kecemerlangan dalam kerjaya pengurusan pelaburan; dan
- iii. Sehingga kini, lebih 20 kakitangan menyambung pendidikan profesional dan tinggi di bawah skim secara aktif, termasuk program CFA, Pensijilan dalam Jaminan Pengurusan Risiko® (CRMA®), Sijil Pasaran Kewangan Malaysia (PKMC), Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) dan program pendidikan tinggi.

LIBAT URUS KAKITANGAN

KWAP percaya libat urus yang berkesan adalah elemen penting terhadap keupayaan KWAP untuk mencipta nilai kerana kami memperakui bahawa kakitangan adalah aset paling berharga.

Keprihatinan melalui Kaji Selidik Libat Urus Kakitangan 2022

KWAP menghargai maklum balas kakitangannya serta memahami keperluan serta kegusaran dan dorongan mereka boleh membawa kepada pengalaman kakitangan yang positif. Untuk mencapai semua ini, KWAP menjalankan Kaji Selidik Libat Urus Kakitangan (EES) pada September 2022 yang memberi pandangan berguna kepada barisan kepimpinan dan organisasi berhubung pengalaman kerja mereka. Kaji selidik ini mencatat kadar penyelesaian yang tinggi daripada kakitangan pada kadar 97%. Ia menunjukkan kesediaan mereka untuk berkongsi pandangan dan idea.

Berdasarkan keputusan kaji selidik, KWAP mendapati bahawa "Erti dan Tujuan" adalah penggerak libat urus tertinggi dalam organisasi. Ini bermakna bahawa kakitangan mendapati pekerjaan mereka penuh bererti dan mempunyai tujuan, yang boleh membawa kepada peningkatan motivasi dan kepuasan kerja. KWAP telah memberi keutamaan terhadap tindakan sasaran pada 2023 bagi menangani jurang yang dikenal pasti dalam kaji selidik dan menambah baik libat urus kakitangan. Bagi memudahkan proses ini, pengurus modal insan dilengkapi dengan peralatan dan keperluan untuk perbincangan lebih bermakna dengan pasukan mereka mengenai keputusan kaji selidik dan menentukan tindakan susulan.

KWAP percaya bahawa pandangan yang diperoleh daripada keputusan EES ini dapat memahami dan menangani jurang yang dikenal pasti yang boleh membawa kepada pengalaman kakitangan yang lebih baik dan persekitaran kerja yang lebih bermakna. Dengan mengutamakan maklum balas kakitangan, KWAP menyasar untuk mewujudkan budaya tempat kerja di mana kakitangan berasa dihargai.

MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN

UNTUK WARGA KERJA KAMI

Model Kerja Hibrid sebagai Pekerjaan Masa Hadapan

KWAP komited dalam menyediakan keseimbangan kerja dan kehidupan yang sihat kepada kakitangannya serta memahami kepentingan fleksibiliti dalam persekitaran pekerjaan yang bergerak pantas pada masa kini. Berikut daripada pandemik, KWAP telah mengambil inisiatif memperkenalkan model kerja hibrid yang membenarkan kakitangannya untuk bekerja dari jauh sebanyak dua hari seminggu sementara mengekalkan tiga hari untuk berkerja dari pejabat. Bagi menggalakkan lagi nilai kolaborasi dalam pejabat, KWAP memperkenalkan *Blackout Wednesday*, di mana semua kakitangan mesti bekerja dari pejabat pada setiap hari Rabu dalam setiap minggu.

KWAP percaya bahawa interaksi secara bersemuka adalah penting dalam membina hubungan kukuh dan mengekalkan penglibatan kakitangan. Bagi menyokong matlamat ini, KWAP melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyokong pekerjaan hibrid, termasuk program utama seperti *HR Marketplace and Victory Team Mingling at Department* (VITAMIN D). VITAMIN D telah berjaya dilaksanakan buat kali keduanya dengan tahap penyertaan lebih besar daripada tahun sebelumnya di mana 20 jabatan mengambil bahagian. Program-program ini memberi peluang kepada kakitangan untuk berinteraksi antara satu sama lain dan mengukuhkan perhubungan serta membolehkan KWAP menjadi organisasi berkendiri yang kreatif dan membuka ruang untuk sesi jalinan antara pasukan.

Dengan mengutamakan kesejahteraan kakitangan dan keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan, KWAP terus mewujudkan budaya kerja yang menyokong dan melibatkan semua kakitangan yang menghargai fleksibiliti, kolaborasi dan produktiviti.

Menyokong Kesihatan Mental

KWAP komited dalam menyediakan persekitaran prihatin dan sihat untuk kakitangannya. Kelayakan Rehat Daripada Kerjaya (*Career Break*) adalah antara penawaran manfaat KWAP. Ia membolehkan kakitangan mengambil masa rehat, meneruskan minat peribadi atau mendapatkan kemahiran baru.

Bagi memastikan proses pelaksanaan yang lancar, KWAP telah menetapkan garis panduan jelas yang meliputi kriteria kelayakan, proses permohonan serta terma dan syarat Rehat Daripada Kerjaya. Kakitangan KWAP menerima baik inisiatif ini dan empat orang kakitangan telah memanfaatkan peluang ini untuk berehat seketika daripada bekerja pada 2022.

Sebagai tambahan kepada kelayakan Rehat Daripada Kerjaya, KWAP menawarkan sesi terapi menerusi program *Amity Wellness*, yang merupakan sebahagian daripada Program Bantuan Kakitangan (EAP). Inisiatif ini membuktikan komitmen KWAP terhadap kesejahteraan fizikal dan mental kakitangannya dan juga bukti kepada pelaburannya dalam mengekalkan tenaga kerja yang sihat dan produktif. Menurut laporan yang disediakan oleh rakan EAP kami, program *Amity Wellness* dimanfaatkan oleh seramai 14 kakitangan pada 2022.

KWAP percaya bahawa melabur dalam kesejahteraan warga kerja akan mendatangkan manfaat jangka panjang untuk organisasi dan kakitangannya. Dengan menawarkan pakej manfaat komprehensif, KWAP mencipta persekitaran yang menyokong dan mendorong kakitangannya untuk melaksanakan kerja mereka dengan cemerlang, seterusnya menghasilkan produktiviti dan kepuasan kerja yang lebih tinggi.

Pengiktirafan sebagai Majikan Pilihan

Penyertaan KWAP dalam anugerah pengiktirafan majikan sepanjang 2022 menunjukkan komitmen kami untuk menanda aras terhadap amalan terbaik industri. KWAP adalah penerima lima anugerah yang mengiktiraf pelaburan kami dalam warga kerja dan amalan sumber manusia yang kukuh. Anugerah ini merupakan penghargaan atas komitmen tidak berbelah bahagi KWAP dalam membangunkan budaya bertumpukan modal insan dan dalam menyediakan peluang hebat untuk kemajuan dan pembangunan kakitangan.

MIHRM 22nd Malaysia-International HR Awards 2022 daripada *Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM)* telah memberi pengiktirafan kepada:

- i. Anugerah Perak untuk ‘Employer of Choice (Public Sector Category)’
- ii. Anugerah Emas untuk ‘Young HR Talent Award’ yang memberi pengiktirafan kepada Siti Sabariah Binti Ahmad Murtazam



UNTUK WARGA KERJA KAMI

HR Excellence Awards 2022 daripada *Human Resources Online* yang mengiktiraf KWAP dengan:

- i. Anugerah Gangsa untuk ‘*Most People-Focused CEO*’ kepada Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed
- ii. Anugerah Gangsa untuk ‘*HR Leader of the Year*’ kepada Siti Ilmiah Binti Ramli
- iii. Anugerah Gangsa untuk ‘*Excellence in Workforce Mobility*’

KWAP juga diiktiraf antara 50 peneraju majikan graduan di bawah Graduate Brands Award 2022 di Malaysia. Pencapaian ini membolehkan KWAP meningkatkan dan membina reputasi sebagai majikan pilihan.

Anugerah-anugerah ini adalah bukti kepada usaha bersepada tenaga kerja KWAP yang berbakat dan sumbangan mereka dalam mewujudkan persekitaran kerja di mana semua ahli mempunyai keazaman untuk terus cemerlang. Pencapaian ini diterima ketika pemuliharan global daripada pandemik yang menunjukkan ketahanan dan komitmen KWAP untuk membangunkan tenaga kerja dan serta amalan pekerjaan.



Mengukuhkan Pengurusan Tindakan

Pada Mac 2023, KWAP menjalankan program Tatacara Berkerja yang bertujuan memberi pencerahan kepada kakitangan mengenai jangkaan KWAP berhubung prestasi, tatalaku dan tata kelola. Program ini juga termasuk panduan tentang cara-cara menangani isu-isu disiplin di tempat kerja. Inisiatif ini adalah untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan kakitangan akan kepentingan mematuhi dasar dan garis panduan KWAP serta tindakan yang dikenakan akibat daripada sebarang bentuk salah laku atau prestasi kurang memuaskan.

Selain daripada program di atas, KWAP telah mengundang pelatih luaran bagi menjalankan latihan dalaman untuk pengurus-pengurus tentang cara-cara mengurus salah laku, ketidakhadiran dan prestasi lemah kakitangan secara efektif. Latihan ini menunjukkan betapa besarnya komitmen KWAP dalam mewujudkan persekitaran kerja sihat dan mengekalkan standard yang tinggi daripada segi tatalaku kakitangan.

KWAP baru-baru ini melaksanakan Dasar Vaksinasi COVID-19, yang menggalakkan kakitangannya untuk divaksinasi daripada virus tersebut. Dasar ini sejajar dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai orang mendapat vaksinasi bagi melawan penularan virus ini. KWAP berharap bahawa menerusi dasar ini, ia boleh menyokong usaha vaksinasi negara dan mewujudkan persekitaran kerja lebih selamat bagi semua kakitangannya.


Tambahan lagi, KWAP telah menerima Akta Pekerjaan (Pindaan) 2022, yang melanjutkan cuti paterniti daripada tiga hari kepada tujuh hari. Oleh yang demikian, KWAP menunjukkan dedikasinya terhadap menggalakkan kesaksamaan antara jantina dan keseimbangan kerjaya dan kehidupan dalam kalangan kakitangannya dan pada masa sama menjajarkan dasarnya dengan matlamat kerajaan untuk menambah baik standard pekerjaan Malaysia. Lanjutan cuti paterniti ini membolehkan golongan bapa untuk lebih melibatkan diri dalam kehidupan anak mereka pada peringkat awal.

Semua inisiatif ini menunjukkan pendekatan proaktif KWAP dalam memastikan persekitaran kerja yang sihat, pengurusan kakitangan yang berkesan dan pematuhan kepada keperluan undang-undang.

MENUJU HARI ESOK YANG LEBIH MAMPAN


Maklumat Berstatistik (pada 31 Disember 2022)

Jumlah Tenaga Kerja




- Pejabat Kuala Lumpur (termasuk KWEST)
- Pejabat Cyberjaya
- Pejabat Prima Ekuiti

Purata Tahun Perkhidmatan



- 1-3 tahun
- 4-9 tahun
- >10 tahun

Agihan Tenaga Kerja mengikut Usia



- Bawah 30
- 31 - 40
- Atas 50
- 41 - 50

Agihan Generasi

2
Kakitangan
0.3%

Baby Boomers

131
Kakitangan
18.7%

Generasi X

411
Kakitangan
58.5%

Generasi Y

158
Kakitangan
22.5%

Generasi Z

Agihan Jantina



49%
Lelaki

342
Kakitangan





51%
Perempuan

360
Kakitangan


Purata Umur Kakitangan



35
Tahun

Pecahan Etnik**Pengambilan dan Atrisi****Tenaga Kerja****103**
Kakitangan**Tamat Perkhidmatan****33**
Kakitangan**Kelayakan Profesional**

- Sarjana/Pemegang Tauliah CFA
- Sarjana Muda/Kelayakan Profesional
- Diploma
- Sijil

Komposisi Warga Kerja**Purata Jam Pembelajaran/Warga Kerja****11.2** Hari**Purata Jam Pembelajaran/Warga Kerja****8.7** Hari**11.3** Hari**Pengurusan Kanan****Pengurusan Pertengahan****10.7** Hari**12.2** Hari**Pengurusan Rendah****Bukan Eksekutif**



MEMACU KE ARAH
PRESTASI
YANG LEBIH BAIK

Penambahbaikan proses perniagaan yang lebih menyeluruh.

ULASAN PELABURAN

EKONOMI, PASARAN & STRATEGI

ULASAN EKONOMI

Pada 2022, kebimbangan terhadap makroekonomi telah diberi perhatian lebih yang mengalihkan tumpuan daripada ekonomi global secara umum. Bank-bank pusat di seluruh dunia terpaksa bergelut dengan kejutan inflasi yang tinggi dan kesan daripada perang Rusia-Ukraine yang akhirnya membawa kepada dasar yang diperketatkan.

Prospek inflasi keseluruhan dalam ekonomi pasaran maju masih kekal kompleks disebabkan oleh harga minyak dan gandum yang tinggi. Selain itu, peningkatan baharu dalam harga gas dan elektrik pukal juga menjadikan inflasi terus meningkat. Kebanyakan bank-bank pusat G10 seperti US Federal Reserve (Rizab Persekutuan), European Central Bank (ECB) dan Bank of England (BoE) terus mengetatkan dasar monetari dan memulakan pengurangan dalam pegangan bon kerajaan mereka.

Dalam ekonomi pasaran baharu muncul, aspek monetari terus diperketatkan melalui peningkatan kadar faedah bagi menangani tekanan inflasi. Sumber makanan dan tenaga telah menyumbang kepada kenaikan inflasi keseluruhan, yang akhirnya menyebabkan bank-bank pusat Asia perlu mengambil langkah yang sama. Selain itu, bank-bank pusat ekonomi pasaran baharu muncul terdorong untuk mengikut kadar kenaikan faedah seperti Rizab Persekutuan. Sementara itu, strategi sifar-COVID di China serta sektor hartanah yang mencabar tidak begitu membantu negara-negara lain.

Fokus tahun 2022 adalah mengenai kadar faedah, bank-bank pusat dan inflasi. Meninjau ke tahun 2023, bank-bank pusat khususnya Rizab Persekutuan berkemungkinan akan memperlakukan kenaikan kadar faedah mereka untuk mengelakkan kebimbangan faktor negatif terhadap permintaan agregat. Dengan segala cabaran dalam ekonomi global, kelembapan pada tahun 2023 masih tidak dapat dielakkan.



8.7%

Pertumbuhan ekonomi tahun ke tahun
Malaysia 2022



Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7% pada 2022, yang tertinggi dalam tempoh lebih dari dua dekad berikutnya pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 3.1% yang dicapai pada 2021. Walaupun pertumbuhan global lebih perlana, ekonomi Malaysia kekal kukuh yang dipacu oleh permintaan domestik dan pasaran kerja yang bertambah baik, selari dengan pembukaan semula ekonomi dan peralihan ke fasa endemik.

Sementara itu, inflasi keseluruhan dikawal pada kadar 3.3% dalam tahun 2022 yang disumbangkan oleh harga komoditi global yang semakin menurun serta kawalan harga dan subsidi yang berterusan. Walau bagaimanapun, inflasi teras masih kekal tinggi pada purata 3.0% pada 2022, berbanding purata sebanyak 1.7% sebelum pandemik berikutnya permintaan yang terus mengukuh dalam persekitaran kos yang masih meningkat. Sejak dengan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 100 mata asas, secara kumulatif, antara Mei sehingga November 2022 kepada 2.75%.



3.3%

Inflasi keseluruhan Malaysia 2022

ULASAN PELABURAN EKONOMI, PASARAN & STRATEGI

ULASAN PASARAN

Pada peringkat global, 2022 merupakan satu tahun yang mencabar bagi para pelabur, dengan ekuiti global menyusut sebanyak USD14 trilion berikutan ketegangan geopolitik dan inflasi yang tidak terkawal. Ia adalah prestasi terburuk dalam masa 14 tahun, sejak krisis kewangan global yang menghapuskan 40% nilai saham pada 2008. Saham teknologi dan aset kripto paling terkesan setelah mencatat rekod tertinggi semasa tempoh pandemik.

Walaupun volatiliti dalam pasaran kewangan global terus meningkat, kegiatan ekonomi yang lebih kukuh, sentimen pelabur yang positif dan peralihan politik yang lebih teratur susulan daripada pilhanraya umum ke-15 mengurangkan kesan ke atas pasaran ekuiti tempatan.

Pasaran pendapatan tetap global menempuh salah satu tahun paling mencabar pada 2022 apabila lonjakan dalam inflasi menjadi penggerak utama prestasi kelas aset. Pasaran bon tempatan juga tidak terkecuali daripada cabaran global ini. Bon kerajaan Malaysia 10 tahun, yang ditutup pada kadar 3.59% bagi tahun 2021, telah meningkat kepada kadar 4.56% pada 2022 sebelum menurun kepada kadar 4.04% menjelang akhir tahun 2022. Pergerakan ini seajar dengan penurunan bon global yang disebabkan oleh pasaran pendapatan tetap susulan daripada kadar faedah dan inflasi yang lebih tinggi.

STRATEGI PELABURAN

Sejak penubuhan KWAP pada 2007, jumlah saiz Dana ini telah meningkat daripada RM41.94 bilion kepada RM158.10 bilion pada 31 Disember 2022. Kami kekal komited dalam meningkatkan saiz Dana dengan melaksanakan strategi alokasi aset yang disokong oleh kepelbagaiannya pelaburan domestik dan antarabangsa melalui ekuiti, pendapatan tetap, ekuiti persendirian, infrastruktur dan hartanah.

Pelaburan ini telah menyokong pertumbuhan saiz Dana, di samping caruman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan para majikan.

Pada 2022, KWAP membuat semakan Alokasi Aset Strategik (SAA), yang diluluskan oleh Panel Pelaburan di mana salah satu fokus terhadap semakan terkini ini adalah untuk meningkatkan alokasi dalam pasaran persendirian. Ia juga menyaksikan pengenalan alokasi terhadap kredit persendirian ke dalam strategi pembinaan portfolio KWAP. Pendekatan ini diambil bagi memastikan portfolio KWAP terus berdaya tahan dan boleh menjana pulangan optimum dalam jangka panjang.

Satu lagi faktor penting semasa semakan SAA ini dijalankan adalah aspek kecairan aset bagi memastikan KWAP mampu mencapai sasaran SAA yang ditetapkan menjelang 2025. Pelan transisi ini juga mengambil kira profil kecairan setiap kelas aset, serta kerumitan dan aspek pelaburan pasaran persendirian, di mana suntikan modal dijangka akan meningkat dalam tahun-tahun seterusnya.

Pada akhir 2022, jumlah aset pelaburan KWAP telah bertambah di tengah-tengah pertumbuhan global yang lebih perlahan dan pengeluaran daripada Dana. Pelaburan domestik KWAP sebanyak 81% daripada jumlah aset pelaburan, mencatat pulangan yang lebih baik berbanding indeks pasaran global. Satu lagi ciri strategi alokasi aset adalah kemampuan untuk mengubah alokasi pelaburannya. Strategi ini dapat dilihat melalui pendekatan Alokasi Aset Taktikal (TAA), di mana kelas-kelas aset awam mempunyai fleksibiliti bagi memanfaatkan trend pasaran semasa sama ada mengurangkan atau melebihkan alokasi aset mereka dengan aktif dan/atau mengambil peluang terhadap perubahan dalam jangka pendek.

ULASAN PELABURAN

ULASAN KELAS ASET

A) EKUITI

PRESTASI EKUITI

Pada 31 Disember 2022, alokasi ekuiti KWAP adalah sebanyak 46.1% daripada jumlah aset pelaburan KWAP. Ekuiti domestik mewakili 76.6% daripada jumlah alokasi ekuiti, sementara bakinya dilabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa. Daripada jumlah alokasi ekuiti, sebanyak 85.6% diurus secara dalaman manakala yang selebihnya diurus oleh pengurus dana luar (EFM) yang dilantik oleh KWAP.

Pada 2022, portfolio ekuiti mencatat jumlah pulangan sebanyak -2.47% berbanding penanda aras campuran sebanyak -7.46%, mengatasi jangkaan sebanyak 500 mata asas. Ia juga telah mengatasi penanda aras campuran bagi tempoh yang lebih lama seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:-

Bil.	2022	2021	3 tahun	10 tahun
Portfolio (%)	-2.47	7.69	4.18	4.36
Penanda Aras (%)	-7.46	1.27	-0.41	0.88
Lebihan Pulangan (%)	5.00	6.42	4.60	3.48

DIURUS SECARA DALAMAN

Portfolio Ekuiti Domestik Diurus Secara Dalaman

Fokus strategi defensif kami adalah melalui pengurusan pertumbuhan mampan jangka panjang portfolio secara aktif dan meningkatkan keupayaannya dalam menjana pendapatan terbukti berkesan pada tahun 2022. Kami telah mengharungi pasaran domestik yang mencabar ini secara berwaspada. Strategi keseluruhan adalah untuk kekal fokus dalam meningkatkan Nilai Aset Bersih (NAV) portfolio, dengan peningkatan pelaburan dalam syarikat-syarikat bermutu tinggi yang menjana aliran tunai yang kukuh dan mampan. Ini diterjemah kepada peningkatan dalam keseluruhan hasil dividen portfolio yang memberi sumbangan besar kepada keseluruhan pendapatan pada 2022. Strategi ini membolehkan kami mengurangkan kesan daripada pelbagai volatiliti dalam pasaran ekuiti domestik sepanjang tahun ini. Dalam pada itu, keuntungan modal diperoleh daripada kedudukan taktikal aktif dalam portfolio bukan teras bagi saham cair.

Portfolio ekuiti domestik dalam KWAP mencatat kadar pulangan berwajarnan masa (TWRR) sebanyak 1.62% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -5.40%, mengatasi jangkaan sebanyak 702 mata asas.

Portfolio Ekuiti Antarabangsa Yang Diurus Secara Dalaman

Portfolio ekuiti antarabangsa KWAP menghadapi pelbagai cabaran sepanjang 2022. Kesan berikutan pandemik COVID-19 serta ketegangan geopolitik yang meruncing telah menyumbang kepada persekitaran pasaran ekuiti yang sangat mencabar. Pendekatan agresif (*hawkish stance*) yang diambil oleh bank-bank pusat telah menyumbang kepada penurunan nilai saham antarabangsa.

Memandangkan kebimbangan terhadap inflasi tinggi dan risiko kemerosotan dalam pasaran maju, Portfolio Ekuiti Global (GEP) telah menyelaras naik alokasi tunainya dan mengalih kedudukannya daripada pertumbuhan kepada nilai. Keputusan ini telah mengurangkan kesan negatif ke atas portfolio dan melindungi keuntungan modal dalam separuh tahun pertama 2022.

Indeks MSCI World (MXWD Index) menyaksikan jumlah pulangan negatif sebanyak -15.04% dalam tahun ini, dengan S&P 500 dan MSCI Asia Pacific mencatat pulangan negatif, masing-masing sebanyak -19.44% and -14.57%. Sebaliknya, indeks FTSE 100 United Kingdom mengatasi prestasi penanda aras global dan menunjukkan jumlah pulangan positif sebanyak 2.9%.

Dari segi prestasi sektor, penjagaan kesihatan dan tenaga terus mencatat prestasi baik pada 2022 berikutan harga gas yang tinggi diikuti dengan sektor bahan. GEP berupaya mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 34 mata asas, mencatat jumlah pulangan sebanyak -14.70% berbanding pulangan Indeks MXWD dalam Ringgit Malaysia.

DIURUS SECARA LUARAN

Portfolio Ekuiti Domestik Diurus Secara Luaran

Pada 31 Disember 2022, jumlah portfolio ekuiti domestik yang diurus secara luaran oleh pengurus aset kami adalah sebanyak 4.4% daripada jumlah aset pelaburan KWAP, di mana pengurangan daripada 4.7% berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, terdapat empat mandat domestik yang terdiri daripada lapan EFM mengurus mandat Konvensional, tiga EFM mengurus mandat Syariah, satu EFM mengurus mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan tiga EFM mengurus mandat sasaran Pulangan Mutlak.

ULASAN PELABURAN

ULASAN KELAS ASET

Senarai Pengurus Dana Luar Domestik pada 31 Disember 2022

Konvensional

Principal Asset Management Sdn Bhd
Nomura Asset Management Malaysia Sdn Bhd
Abrdn Malaysia Sdn Bhd
Affin Hwang Asset Management Berhad
Kenanga Investors Berhad
Maybank Asset Management Sdn Bhd
Eastspring Investments Berhad
UOB Asset Management Sdn Bhd

Syariah

Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd
AmlIslamic Asset Management Berhad
AIIMAN Asset Management Berhad

Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

BNP Paribas Asset Management Malaysia Sdn Bhd

Pulangan Mutlak

Eastspring Investments Berhad
Abrdn Malaysia Sdn Bhd
Affin Hwang Asset Management Berhad

KWAP meneruskan usaha libat urus secara aktif dengan semua EFM domestik untuk mengkaji semula prestasi dan pematuhan operasi mereka setiap suku tahun. Bagi portfolio di bawah senarai pantau, pemantauan dibuat pada setiap bulan. Selain itu, kami juga mengadakan lawatan ke premis perniagaan dan lawatan secara maya sepanjang tahun.

Walaupun persekitaran pasaran mencabar pada 2022 di mana indeks FBM100 mencatat -5.40%, EFM mencatat TWRR agregat sebanyak -3.19% bagi 2022, mewakili prestasi mengatasi jangkaan sebanyak 222 mata asas.

Salah satu daripada inisiatif KWAP untuk tahun 2022 termasuklah melabur di dalam EFM yang berprestasi tinggi. Inisiatif ini adalah untuk mengukuhkan kedudukan KWAP dalam pasaran ekuiti domestik secara strategik. Ini dilakukan menerusi suntikan modal kepada EFM berprestasi tinggi dan penamatan EFM yang tidak mencapai prestasi yang ditetapkan.

Prestasi Mandat Luar Domestik pada 31 Disember 2022

Mandat	Alokasi (%)	TWRR (%)	Penanda aras (%)	Lebihan Pulangan (%)
Konvensional	76.4	-2.89	-5.40	2.51
Syariah	11.2	-6.31	-7.22	0.91
ESG	2.2	-1.02	-5.40	4.38
Pulangan Mutlak	10.2	-2.49	8.00	-10.49
Agregat Domestik	100.0	-3.19	-5.40	2.22

Portfolio Ekuiti Antarabangsa Diurus Secara Luaran

Pada 2022, portfolio antarabangsa KWAP yang diurus secara luaran telah distruktur semula dan diasingkan ke dalam tiga mandat iaitu Ekuiti Global - Konvensional, Ekuiti Global - ESG dan Ekuiti Global Faktor - Pelbagai (GEMF).

Senarai Pengurus Dana Luar Antarabangsa pada 31 Disember 2022

Ekuiti Global - Konvensional

State Street Global Advisors Limited
Invesco Asset Management Singapore Limited

Ekuiti Global - ESG

Nikko Asset Management Asia Limited
LGT Capital Partners

Ekuiti Global Faktor-Pelbagai

Invesco Asset Management Singapore Limited
Allianz Global Investors

Pada 31 Disember 2022, semua portfolio mengatasi jangkaan penanda aras masing-masing kecuali mandat portfolio Ekuiti Global - Konvensional disebabkan KWAP telah menukar mandat Asia Pasifik Kecuali Jepun kepada strategi mandat ekuiti global. Prestasi yang kurang memuaskan ini disebabkan oleh penukaran daripada strategi Asia Pasifik Kecuali Jepun yang sebelum ini berkuat kuasa pada Februari 2022.

Prestasi Mandat Luar Antarabangsa pada 31 Disember 2022 (dinyatakan dalam Ringgit Malaysia)

Mandat	Alokasi (%)	TWRR (%)	Penanda aras (%)	Lebihan Pulangan (%)
Konvensional ¹	41.9	-22.30	-11.90	-10.40
ESG	46.6	-14.13	-16.61	2.47
Faktor-Pelbagai	11.4	-11.21	-15.04	3.83
Agregat Antarabangsa	100.0	-14.66	-15.04	0.38

B) PENDAPATAN TETAP


PRESTASI PENDAPATAN TETAP

Dalam keadaan makro global yang tidak menentu pada 2022, portfolio pendapatan tetap KWAP masih menjana pulangan TWRR sebanyak 2.71%, mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 18 mata asas.

Pada masa hadapan, dengan kelulusan sebanyak lebih RM11.0 bilion pelaburan baharu bagi bon berdaulat Malaysia dan 33 bon korporat domestik, KWAP menjangka pulangan yang lebih tinggi. Ini berdasarkan pelaburan dalam bon jana yang terus memberikan kami pendapatan mampan walaupun berdepan dengan situasi mencabar sepanjang 2022.

BON BERDAULAT DOMESTIK

Pengasingan Portfolio mengikut Jenis Instrumen pada 31 Disember 2022



Walaupun dalam keadaan tahun yang tidak menentu bagi pasaran pendapatan tetap, portfolio bon berdaulat domestik KWAP mencatat pendapatan pelaburan tetap sebanyak RM1.44 bilion, dengan TWRR yang lebih baik dicatat daripada prestasi yang kurang memuaskan berbanding penanda aras sebanyak 28 mata asas kepada 11 mata asas pada 2022. Prestasi yang kurang memuaskan ini disebabkan oleh pegangan lebih rendah dalam durasi bon yang lebih panjang untuk melindungi portfolio kami daripada kerugian dinilai pada pasaran yang tidak menentu.

Jumlah pelaburan KWAP dalam bon kerajaan (Malaysia Government Securities [MGS], Government Investment Issuance [GII] dan Government Guaranteed [GG] bon) terus bertambah bagi tahun ini, apabila nilai pasarnanya meningkat sebanyak 5.6% berbanding tahun sebelumnya. Kira-kira 83% daripada pegangan adalah dalam MGS dan GII manakala selebihnya, iaitu sebanyak 17% adalah dalam bon GG. Jumlah pelaburan KWAP dalam bon berdaulat pada 31 Disember 2022 meningkat kepada 23.9% daripada jumlah aset pelaburan berbanding 22.8% pada tahun sebelumnya.

KWAP kekal aktif dalam pasaran utama dan sekunder domestik bagi penerbitan bon kerajaan (MGS, GII dan GG) dan bon dijamin kerajaan. Jumlah dagangan kumulatif tahunan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM12.39 bilion, dengan jumlah belian sebanyak RM8.64 bilion dan jumlah jualan sebanyak RM3.75 bilion.

Sejajar dengan pandangan KWAP bahawa kadar faedah akan berada dalam trend yang lebih tinggi, KWAP telah melindung nilai sebahagian kecil daripada portfolio pendapatan tetapnya menerusi swap kadar faedah (IRS) sepanjang tahun ini untuk mengawal nilai bon berdaulatnya. Beberapa instrumen ini telah ditamatkan menjelang akhir tahun apabila bank-bank global menghampiri penghujung pengetatan kitaran.

Bagi tahun 2023, KWAP menjangka volatiliti sepanjang 2022 akan berterusan apabila bank-bank pusat utama seperti Rizab Persekutuan dan ECB masih bergelut dalam mengawal tahap inflasi yang kekal tinggi ini. Kesan daripada kenaikan kadar agresif oleh bank-bank pusat utama ini dijangka akan memberi impak ketara kepada data ekonomi dengan jangkaan pertumbuhan global yang lebih rendah menjelang akhir 2023.

¹ Nota: Mandat Ekuiti Global - Konvensional ditukar daripada mandat Asia Pasifik Kecuali Jepun, berkuat kuasa Februari 2022.

ULASAN PELABURAN


ULASAN KELAS ASET

BON KORPORAT DOMESTIK

Pegangan portfolio KWAP dalam bon korporat domestik (pada nilai pasaran) bagi tahun 2022 meningkat kepada 8.1% daripada jumlah aset pelaburan daripada 7.1% yang dilapor pada akhir 2021 dengan 91.5% daripada pendedahan dalam instrumen patuh Syariah. Jumlah jualan dan tempoh matang sepanjang tahun ini adalah RM0.94 bilion berbanding pembelian baharu sebanyak RM2.64 bilion daripada pasaran utama dan sekunder.


Pada 2022, bon korporat domestik dalam KWAP mencatatkan pulangan TWRR sebanyak 1.89% berbanding penanda aras Indeks Semua Bon Korporat TRBPAM yang mencatatkan pulangan sebanyak 1.64% untuk tempoh yang sama, yang menghasilkan prestasi mengatasi 25 mata asas.

Pendedahan dalam Bon Korporat Domestik mengikut Jenis pada 31 Disember 2022




Komitmen kami telah dibuktikan dengan pegangan dalam bon-bon korporat bertaraf AAA yang berjumlah kira-kira dua pertiga daripada portfolio kami.

Pendedahan dalam Bon Korporat Domestik mengikut Sektor pada 31 Disember 2022



Pendedahan dalam Bon Korporat Domestik mengikut Penarafan pada 31 Disember 2022



PINJAMAN


Pendedahan KWAP dalam pinjaman adalah sebanyak 0.6% daripada jumlah aset pelaburan pada 31 Disember 2022. Tiada pinjaman baharu dikeluarkan pada tahun 2022. Pegangan pinjaman berkurang sebanyak RM1.97 bilion disebabkan tempoh kematangan dan pembayaran balik modal pinjaman sedia ada. Portfolio pinjaman KWAP mencatatkan pulangan TWRR sebanyak 6.31%, dengan prestasi mengatasi 186 mata asas pada 2022.

Pendapatan yang dijana daripada portfolio pinjaman pada 2022 adalah RM106.63 juta, selari dengan saiz portfolio yang menyusut pada 2022.


PASARAN WANG

Pada 31 Disember 2022, pelaburan pasaran wang KWAP adalah 5.9% berbanding 4.8% jumlah aset pelaburan KWAP pada awal 2022, di mana TWRR telah direkodkan sebanyak 1.85%. Daripada jumlah pelaburan pasaran wang ini, 70% adalah dalam pendedahan Ringgit Malaysia manakala selebihnya diagihkan dalam akaun USD, GBP, AUD dan EUR.

Pelaburan Pasaran Wang Ringgit Malaysia




Pelaburan Pasaran Wang Bagi Mata Wang Asing




PENDAPATAN TETAP ANTARABANGSA

Pada 31 Disember 2022, nilai pasaran portfolio pendapatan tetap antarabangsa KWAP adalah 0.3% berbanding 0.4% pada 2021 daripada jumlah aset pelaburan. Memandangkan kadar faedah meningkat pada peringkat global, TWRR untuk portfolio pendapatan tetap antarabangsa mencatatkan -6.53%. Berdasarkan jangkaan bank-bank pusat global yang akan memulakan kitaran kenaikan kadar faedah yang mungkin menyebabkan pulangan bon lebih tinggi, KWAP telah mengurangkan pendedahannya dalam bon antarabangsa dan menunggu masa yang sesuai untuk memasuki semula pasaran. Kami mengekalkan portfolio yang dipelbagaikan dari segi geografi dan mata wang dengan penumpuan melalui tujuh negara dan enam mata wang.

Pegangan Pendapatan Tetap Global pada 31 Disember 2022 Mengikut Negara



Pegangan Pendapatan Tetap Global pada 31 Disember 2022 Mengikut Mata Wang



ULASAN PELABURAN

ULASAN KELAS ASET


DIURUS SECARA LUARAN

KWAP mendapatkan perkhidmatan daripada pengurus dana luar (EFM) pendapatan tetap untuk sebahagian dananya sejak 2006. Khidmat pakar luar terus menjadi sebahagian daripada strategi kepelbagaian KWAP bagi menjana peningkatan pendapatan pelaburan. Portfolio EFM terdiri daripada dua mandat domestik, iaitu bon konvensional domestik dan sukuk domestik. Pada 31 Disember 2022, pendedahan pendapatan tetap yang diurus secara luaran adalah 3.6% jumlah aset pelaburan daripada saiz dana modal permulaan sebanyak RM150 juta pada 2006. Dari segi pendedahan, sebanyak 63.6% dilabur dalam bon konvensional domestik manakala 36.4% adalah dalam sukuk domestik.

Pada 31 Disember 2022, nilai pasaran pendapatan tetap KWAP adalah 9.8% daripada keseluruhan pelaburan pendapatan tetap KWAP berbanding 10.4% pada tahun sebelumnya. Dari segi prestasi, EFM pendapatan tetap domestik mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 7 mata asas berdasarkan TWRR pada 31 Disember 2022.

KWAP secara aktif memantau EFM melalui libat urus berterusan, penilaian prestasi berkala dan lawatan ke premis perniagaan EFM. Ketika pasaran bon mengalami volatiliti yang meningkat dalam persekitaran kadar faedah yang menaik, lebih banyak libat urus dan penilaian prestasi dengan EFM telah dijalankan menerusi mesyuarat secara bersemuka dan maya. Tujuannya adalah untuk memahami strategi yang dilaksanakan oleh EFM dengan lebih baik serta memastikan tahap prestasi portfolio. Sembilan lawatan ke premis EFM termasuk lawatan pematuhan telah dibuat untuk mengkaji operasi perniagaan dan pematuhan mereka kepada terma perjanjian pengurusan pelaburan (IMA) sepanjang 2022.

Pendedahan EFM mengikut Jenis Mandat



Senarai Pengurus Dana Luar Domestik pada 31 Disember 2022

Pengurus Dana Luar Domestik

Principal Asset Management Berhad

AmFunds Management Berhad

AHAM Asset Management Berhad

Amundi Malaysia Sdn Bhd

Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd

Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd

RHB Islamic International Asset Management Berhad

Maybank Asset Management Sdn Bhd

Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd


AIIMAN Asset Management Sdn Bhd

Selain daripada libat urus berterusan dengan EFM, KWAP juga menjalankan program Mandat Daripada Ketua Pegawai Eksekutif kepada EFM pada April 2022 yang bertujuan untuk berkongsi objektif pelaburan KWAP bagi tahun tersebut serta menegaskan jangkaan KWAP dari segi ketetapan prestasi dan menekankan keperluan mematuhi IMA. Selain itu, perkongsian usaha ESG dan jangkaan KWAP daripada EFM agar mendukung amalan-amalan ESG turut dikongsi.

C) EKUITI PERSENDIRIAN DAN INFRASTRUKTUR

Walaupun dengan persekitaran makro yang mencabar pada 2022, portfolio ekuiti persendirian dan infrastruktur KWAP kekal berdaya tahan dalam menghasilkan pulangan kukuh pada tahun ini menerusi pengurus-pengurus dananya yang cemerlang. Pempelbagaian strategi dan geografi memberi sedikit perlindungan bagi penurunan semasa tempoh kejatuhan nilai, manakala pendapatan direalisasi diperoleh daripada penjualan pegangan syarikat-syarikat portfolio. Sasaran telah dicapai dengan 12 komitmen pelaburan dana berjumlah lebih USD800 juta, merangkumi pelbagai strategi, sektor dan rantau.

Pendedahan Aset dan Pengagihan Pendapatan yang Direalisasikan



KWAP berjaya mencatat satu lagi tahun yang cemerlang bagi pendapatan direalisasi sebanyak RM490.24 juta daripada pelaburan ekuiti persendirian dan infrastruktur merangkumi strategi seperti sekunder, *buyout*, pertumbuhan, modal teroka dan infrastruktur. Dalam portfolio ini, KWAP juga menjana RM34.41 juta pendapatan direalisasi daripada pelaburan langsung dalam Vantage Solar Investment S.a.r.l, sebuah syarikat platform tenaga boleh diperbaharui. Sebelum ini, KWAP memegang kepentingan secara langsung dalam syarikat logistik; Swift Haulage Berhad, di mana sebahagiannya telah direalisasi dalam pasaran sekunder.

PRESTASI PORTFOLIO


Portfolio ekuiti persendirian menjana Kadar Pulangan Dalaman Bersih (IRR) sebanyak 17.1% (turun daripada 19.7% pada 2021) dan Gandaan Modal Dilabur Bersih (MOIC) sebanyak 1.6 kali (konsisten dengan tahun 2021), di semua empat strateginya iaitu sekunder, *buyout*, pertumbuhan dan modal teroka.

Sementara itu, portfolio infrastruktur menjana IRR bersih sebanyak 15.5% iaitu peningkatan daripada 14.5% pada 2021. MOIC bersih adalah konsisten dengan tahun sebelumnya pada 1.4 kali. Aset infrastruktur cenderung untuk menjadi pelaburan jangka panjang, stabil dan menjana tunai dengan profil risiko rendah, yang diterjemah kepada gandaan IRR lebih rendah berdasarkan tempoh pegangan yang dilanjutkan untuk aset-aset ini.

Sepanjang tahun 2022, KWAP telah melabur sebanyak RM1.65 bilion melalui portfolio ekuiti persendirian dan infrastruktur serta telah menerima pengagihan pendapatan pelaburan sebanyak RM0.88 bilion. Sebanyak kira-kira RM4.5 bilion komitmen telah diluluskan untuk pelaburan melalui dana pada tahun 2022 yang merangkumi 12 urus niaga bagi portfolio ini. Tumpuan tambahan termasuklah pembentukan Dana Perintis; iaitu peruntukan sebanyak RM500 juta dengan penumpuan khusus bagi membangunkan pasaran modal teroka serta syarikat baharu (*start-up*) dan usahawan Malaysia.

PELABURAN DANA EKUITI PERSENDIRIAN DAN INFRASTRUKTUR SECARA KESELURUHAN

Pendedahan Geografi Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur dalam Peratusan¹



¹ Nota: Baki pendedahan 0.3% dan 1.8% masing-masing dalam aset ekuiti persendirian dan infrastruktur, adalah dalam pasaran baharu muncul.



ULASAN PELABURAN

ULASAN KELAS ASET

Sebahagian besar pendedahan ekuiti persendirian KWAP bertumpu di rantau Amerika Utara. Portfolio infrastruktur di Amerika Utara juga lebih banyak berbanding di Eropah. Pendedahan ini adalah berdasarkan lebih banyak pasaran maju di rantau tersebut menawarkan banyak peluang kepada pelabur untuk membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat dengan pertumbuhan tinggi daripada pelbagai industri dan sektor. Pasaran Amerika Utara khususnya adalah menarik kepada pelabur sebagai inkubator bagi pembangunan baharu dalam teknologi, sains hayat dan industri berasaskan perkhidmatan serta ketelusannya terhadap peraturan harta intelek untuk pelabur. Tambahan pula, rantau ini mempunyai industri ekuiti persendirian dengan rekod yang baik dalam penghasilan pulangan yang menarik bagi pelabur.

Pasaran ekuiti persendirian Eropah yang berkembang terus menjadi tarikan pelabur dari seluruh dunia, dan KWAP juga tidak terkecuali. Ekonomi pasaran maju rantau ini, kerangka undang-undang yang kukuh, serta kepelbagaian budaya dan kepakaran memberi persekitaran pelaburan yang selamat dan menguntungkan. Pada 2022, KWAP meneruskan rekod kejayaannya di Eropah dalam enam komitmen dana; bertumpu kepada *buyout*, infrastruktur dan sektor modal teroka yang menyediakan kepelbagaian dalam seluruh bidang pelaburan utama.

Pendedahan Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur Mengikut Strategi 2022



Komitmen terhadap 67 dana dan empat pelaburan secara langsung pada 31 Disember 2022 terus dipertingkatkan melalui strategi mempelbagaikan dalam portfolio ekuiti persendirian dan infrastruktur. KWAP menumpukan sebahagian besar daripada program dana ekuiti persendiriannya secara strategik kepada strategi *mid buyout*, bertujuan untuk dilaburkan dalam syarikat-syarikat dengan potensi pertumbuhan kukuh. Pendekatan ini membolehkan KWAP mendapat pulangan lebih tinggi dengan profil risiko yang secara relatifnya lebih rendah, dengan pulangan meriah IRR sebanyak 22.0% dan MOIC sebanyak 1.5 kali.

Selain itu, strategi ini membantu KWAP mempelbagaikan portfolio dananya merangkumi sektor berbeza iaitu seperti teknologi maklumat (26%), perindustrian (15%), penjagaan kesihatan (13%), pengguna (8%), perkhidmatan kewangan (8%) dan lain-lain (30%).

Strategi sekunder KWAP sebaliknya mencatat pulangan tertinggi dengan IRR bersih sebanyak 25.7% dan MOIC bersih sebanyak 1.7 kali. Strategi sekunder melibatkan pelaburan dalam dana-dana matang yang dibuat untuk mengurangkan kesan keluk-J. Strategi ini membolehkan KWAP mendapat manfaat daripada agihan tunai tinggi yang dijana oleh dana-dana matang ini. Dengan membeli kepentingan dalam dana-dana matang ini, KWAP kemudiannya boleh mendapat akses kepada pelbagai peluang pelaburan mantap dengan rekod baik yang telah terbukti menghasilkan aliran tunai yang konsisten.

Pada 2022, KWAP membuat pelaburan pertamanya dalam bahagian infrastruktur teras tambahan, menerusi pengurusan dana yang berupaya menjana pulangan terbaik, melengkapi pelaburan infrastruktur terdahulu dalam segmen nilai tambah dan peluang. Pengembangan terpilih ke dalam segmen teras tambahan ini memberi kepelbagaian kepada portfolio infrastruktur KWAP. Ini menawarkan pulangan lebih stabil dalam keadaan ekonomi yang mencabar disebabkan oleh aset yang mempunyai profil pulangan risiko yang stabil dengan ciri-ciri untuk mengehadkan risiko turun naik nilai, seperti penguncupan jangka panjang, hasil berkaitan inflasi dengan peraturan serta sokongan padu kerajaan.

TINJAUAN PELABURAN



Dana Modal Teroka Tertumpu di Eropah

Dana Modal Teroka negara-negara Nordic ini mempunyai reputasi kukuh dan pengalaman yang luas dalam pelaburan di rantaunya, dengan akses dan rangkaian kepada salah satu daripada hab teknologi paling cepat membangun. Ini menandakan komitmen pertama KWAP dalam segmen bertumpukan modal teroka Eropah. Keputusan ini dibuat berdasarkan prestasi terbaik dana ini sepanjang tempoh 16 tahun dan reputasi mereka dalam menjana pulangan yang signifikan melalui rekod yang baik. Ini juga akan memberikan KWAP akses kepada peluang pelaburan bersama yang bermutu tinggi dan menjadi tumpuan. Pengurus dana telah melabur dan membangunkan 18 pelaburan *unicorn* dalam sembilan dana menerusi dana peringkat awal yang terkemuka.



Pelaburan Baharu Lain yang Signifikan

KWAP membuat pelaburan sulungnya ke dalam segmen pelaburan impak. Pelaburan impak adalah satu bentuk strategi pelaburan yang bertujuan untuk mengenal pasti peluang perniagaan signifikan sementara menangani keperluan masyarakat dan alam sekitar secara positif. Ia menjangkaui langkah pematuhan umum berkaitan ESG seperti penyaringan negatif untuk mengelakkan daripada kemudaratian. Sebagai alternatif, ia bertujuan untuk melabur dalam syarikat dan projek yang sejahtera dengan tema tertentu dan berpotensi untuk menghasilkan impak sosial dan alam sekitar yang signifikan dan memberikan pulangan kewangan. Matlamat menyeluruh pelaburan impak adalah untuk mendorong perubahan positif dalam masyarakat dan alam sekitar yang menggunakan penyelesaian berasaskan pasaran bagi menangani cabaran-cabaran sosial dan alam sekitar.

KWAP kini memberi lebih tumpuan kepada dana yang mendorong impak sosial dan alam sekitar yang boleh diukur berserta prestasi perniagaan dan pulangan yang kukuh dengan fokus utama sebanyak 70% dalam pasaran maju dan 30% dalam pasaran membangun serta 60% sasaran dalam ekuiti pertumbuhan dan 40% dalam *buyout*. Ini digerak berpandukan 17 Matlamat Pembangunan Mampan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan komitmen untuk melabur dalam Pendidikan, Keterangkuman Kewangan, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan Impak, Makanan & Pertanian serta Iklim & Pemuliharaan.



Pengurus *Buyout* Eropah yang Tersohor

Dalam usaha untuk terus meningkatkan perhubungan KWAP dengan pengurus luar, keputusan strategik untuk meningkatkan saiz pelaburan melalui pengurus dana sedia ada dibuat melalui pengurus dana yang pakar dalam segmen *buyout* Nordic. Ini menandakan peningkatan dana ketiga KWAP ke dalam penglibatan pelaburannya di Eropah yang mempunyai rekod strategi pelaburan kukuh. Dana ini diiktiraf terbaik dalam kalangan dana-dana lain, dengan tumpuan utama dalam sektor perkhidmatan kewangan, penjagaan kesihatan, teknologi dan pembayaran. Strategi pelaburan ini telah menghasilkan keputusan yang membanggakan, seperti mana strateginya sebelum ini yang telah mencatat prestasi kukuh apabila komitmen pertama KWAP kepada dana ini telah berjaya memulangkan modal yang dilabur. Ini sekaligus menunjukkan penggunaan dana yang berjaya. Ia juga membuktikan komitmen untuk mengenal pasti pengurus-pengurus dana berprestasi tinggi dengan strategi pelaburan yang kukuh sejahtera dengan matlamat dan objektif KWAP.

ULASAN PELABURAN

ULASAN KELAS ASET



Aerodyne Ventures Sdn Bhd

Bagi segmen pelaburan secara langsung, KWAP membuat komitmen terhadap pelaburan susulan dalam Aerodyne Ventures Sdn Bhd (Aerodyne) menerusi pusingan Pre-C. Pelaburan susulan ini membentuk sebahagian daripada mandat KWAP untuk menyediakan modal pertumbuhan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk berkembang secara global sebagai bukti keyakinan pelabur. Sasaran KWAP untuk menyokong kegiatan ekonomi kemahiran dan nilai tinggi dengan kesan limpahan positif kepada ekonomi tempatan adalah seiring dengan objektif Aerodyne. Hasil daripada pusingan ini sebahagian besarnya dirancang untuk pengembangan lanjut seperti penyelidikan dan pembangunan, membina teknologi baharu, menambah baik perisian dalaman, melaksanakan penggabungan dan pengambilalihan strategik, serta menyokong usaha penembusan pasaran.



edotco Group Sdn Bhd

Pada 2022, edotco Group Sdn Bhd (edotco Group) mencapai kejayaan cemerlang dalam pelbagai bidang, termasuk pengembangan dalam industri menerusi pengambilalihan lebih banyak pencawang ke dalam portfolionya. Pengambilalihan ini yang digabungkan dengan peningkatan operasi telah menghasilkan peningkatan dalam hasil dan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan bagi edotco Group.

Selain itu, edotco Group telah mencatat banyak kemajuan dalam pencapaian inisiatif kelestariannya. Dengan pelancaran rangka tindakan kemampanannya dengan beberapa pendekatan inovatif untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2030. Entiti Malaysia bagi edotco Group juga telah berjaya melancarkan terbitan sukuk pertamanya yang telah menarik minat ramai pelabur pendapatan tetap Malaysia, dengan nisbah bida kepada perlindungan yang kukuh sebanyak 5.2 kali. Hasil daripada pencapaian ini, edotco Group terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam industri telekomunikasi.



Dana Perintis

Pada bulan November 2022, strategi pelaburan Dana Perintis telah diluluskan oleh Panel Pelaburan. Ini menandakan satu pencapaian bagi komitmen KWAP dalam bidang modal teroka Malaysia. Dana Perintis akan berfungsi sebagai kerangka pelaburan yang meneruskan usaha penyepadan ESG dalam pelaburan dan mendorong pemindahan pengetahuan dan jaringan industri dalam membangunkan bakat-bakat tempatan. Dengan pelancaran Dana Penjana Nasional pada 2020 dan pengumuman bajet 2023 yang mengetengahkan peranan penting Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dalam ekonomi negara, Dana Perintis akan menyokong usaha berterusan kerajaan untuk membangunkan ekosistem modal teroka tempatan ke arah menjadi hab modal teroka serantau pilihan. Ini juga akan dilaksanakan pada semua peringkat modal teroka yang memberi pendedahan kepada banyak industri, serta mengambil peluang di dalam negara dan serantau.

D) PELABURAN HARTANAH

KWAP telah melabur dalam 18 harta tanah melalui pasaran domestik dan antarabangsa, empat tapak tanah dan pembangunan di dalam negeri, serta dua dana harta tanah. KWAP terus mengamalkan prinsip ESG dalam pelaburannya dengan 10 daripada harta tanah miliknya telah diberikan pensijilan akreditasi alam sekitar dan kecekapan tenaga seperti berikut:

Harta Tanah KWAP yang Mempunyai Pensijilan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga

Harta Tanah	Pensijilan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga	Penarafan
Malaysia		
Menara Integra, Kuala Lumpur	<i>Leadership in Energy & Environmental Design (LEED) US</i>	Platinum Shell & Core
Menara Cap Square, Kuala Lumpur	<i>Green Building Index (GBI) Malaysia</i>	Diperakui
Australia		
747 Collins Street, Melbourne	<i>National Australian Built Environment Rating System (NABERS)</i>	NABERS Tenaga: 6.0 NABERS Air: 5.0
179 Turbot Street, Brisbane (Harta tanah ini telah dijual pada Februari 2022)	<i>National Australian Built Environment Rating System (NABERS)</i>	NABERS Tenaga: 5.5 NABERS Air: 4.0
United Kingdom		
100 Cheapside, London	<i>Building Research Establishment Environmental Assessment Method (BREEAM) UK</i>	Cemerlang
	<i>Leadership in Energy & Environmental Design (LEED) US</i>	Platinum
	<i>Energy Performance Certificate UK (EPC)</i>	B
Amazon Coalville, Bardon	<i>Energy Performance Certificate UK (EPC)</i>	A
Symons House, Leeds	<i>Energy Performance Certificate UK (EPC)</i>	A
Crown House, Sheffield	<i>Energy Performance Certificate UK (EPC)</i>	B
800 Bristol Road, Birmingham	<i>Energy Performance Certificate UK (EPC)</i>	B
Jerman		
Zalando Distribution Centre, Erfurt	<i>German Sustainable Building Council (DGNB)</i>	Emas

KWAP membuat sasaran untuk meneruskan usaha dalam memenuhi prinsip ESG untuk pelaburan hartanahnya.

ULASAN PELABURAN

ULASAN KELAS ASET

PRESTASI DAN TINJAUAN PELABURAN


Pada tahun 2022, pelaburan harta tanah KWAP menjana hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan sebanyak 4.0%. Untuk beberapa tahun sebelum ini, purata hasil pendapatan bersih atas kos pelaburan portfolio harta tanah KWAP adalah pada kadar yang baik iaitu sebanyak 5.0% dari tahun 2018 hingga 2022.

Portfolio Hartanah KWAP - Hasil Pendapatan Bersih atas Kos Pelaburan dari 2018 hingga 2022



Pelaburan harta tanah KWAP pada tahun ini mencatat purata pulangan pelaburan lima tahun sebanyak 3.68% yang mana lebih rendah daripada penanda aras sebanyak 6.41% susulan daripada pengembangan hasil dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat.


Portfolio Hartanah KWAP – Jumlah Pulangan Purata 5-Tahun¹




Kadar purata penghunian harta tanah KWAP pada 31 Disember 2022 adalah 89.7%.

Dari segi geografi, KWAP telah mempelbagaikan pendedahannya di dalam empat negara utama iaitu Malaysia, Australia, United Kingdom (UK) dan Jerman, di mana pendedahan terbesar adalah di UK sebanyak 44.3%.

Pendedahan Geografi setakat 31 Disember 2022²



Pendedahan Segmen Aset setakat 31 Disember 2022²



Dari segi segmen aset, pelaburan harta tanah kami dipelbagaikan dalam segmen pejabat, logistik, peruncitan, penginapan dibina khusus untuk pelajar (PBSA) dan kediaman. Buat masa ini, pejabat dan logistik membentuk sebahagian besar portfolio masing-masing sebanyak 42.6% dan 25.5%.

Pada Mei 2022, KWAP mengembangkan portfolionya dalam segmen bukan teras dan tidak langsung dengan membuat pelaburan dananya yang pertama melalui Blackstone Real Estate Partners Asia III Fund dengan jumlah komitmen modal sebanyak USD50 juta. Pada Jun 2022, KWAP membuat pelaburan dana keduanya dalam Sime Darby Property Industrial Development Fund (SDPIDF) sebanyak RM200 juta.

Susulan daripada kelulusan oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada September 2021, KWAP menjalankan kegiatan pembayaran balik menerusi pinjaman pemegang saham untuk pembayarannya yang sedia ada bagi portfolio logistiknya di Zalando Distribution Warehouse, Jerman. Pembayaran balik telah selesai pada Jun 2022.

¹ Nota: Penanda Aras adalah CPI Campuran + 4% (purata 5-tahun)


² Nota: Pendedahan berdasarkan ekuiti yang dilabur

PELABURAN KWAP

Bil.	Hartanah	Geografi	Segmen Aset	Tarikh Pembelian	Tempoh
HARTANAH DOMESTIK					
1	Menara Integra, Kuala Lumpur	Malaysia	Pejabat	31 Mac 2015	Pegangan Kekal
2	Menara Cap Square, Kuala Lumpur	Malaysia	Pejabat	15 Disember 2016	Pegangan Kekal
3	Mydin Commercial Centre, Skudai, Johor	Malaysia	Peruncitan	22 Januari 2019	Pegangan Pajak (tamat pada 4 September 2911)
4	Lot 20010, Jalan Stonor	Malaysia	Kediaman (Tanah)	3 Disember 2015	Pegangan Pajak
5	Lot 392, Jalan Changkat Kia Peng	Malaysia	Kediaman (Tanah)	30 Oktober 2015	Pegangan Kekal
6	Compass, Kota Seri Langat, Selangor	Malaysia	Logistik (Tanah)	18 September 2020	20% Kepentingan dalam Usahasama
7	Andaman Island, Pulau Pinang	Malaysia	Kediaman (Tanah)	30 Mac 2017	Pegangan Kekal
HARTANAH ANTARABANGSA					
8	747 Collins Street, Melbourne	Australia	Pejabat	30 September 2013 dan 8 Februari 2018	Pegangan Kekal
9	133 Lenore Drive, Erskine Park, Sydney	Australia	Logistik	30 November 2014	Pegangan Kekal
10	38 - 46 Bernara Road, Prestons, Sydney	Australia	Logistik	30 Julai 2015	Pegangan Kekal
11	133a, Lenore Drive, Erskine Park, Sydney	Australia	Logistik	23 Disember 2015 dan 14 April 2017	Pegangan Kekal
12	Amazon Coalville, Bardon	United Kingdom	Logistik	30 April 2021	Pegangan Kekal
13	10 Gresham Street, London	United Kingdom	Pejabat	24 Oktober 2012	Pegangan Pajak
14	100 Cheapside, London	United Kingdom	Pejabat	20 Disember 2019	Pegangan Pajak
15	The Chimes, Uxbridge, London	United Kingdom	Runcit	20 Jun 2014	Pegangan Kekal
16	800 Bristol Road, Birmingham	United Kingdom	Penginapan Pelajar	8 Ogos 2018	Pegangan Kekal
17	The Mill House, Edinburgh	United Kingdom	Penginapan Pelajar	8 Ogos 2018	Pegangan Kekal Scottish
18	Symons House, Leeds	United Kingdom	Penginapan Pelajar	30 Jun 2020	Pegangan Kekal
19	Crown House, Sheffield	United Kingdom	Penginapan Pelajar	30 Jun 2020	Pegangan Kekal
20	82, Albion Gate, Albion Street, London	United Kingdom	Kediaman	27 Februari 2015	Pegangan Pajak
21	9 Sherwood Court, Seymour Place, London	United Kingdom	Kediaman	27 Februari 2015	Pegangan Pajak
22	Zalando Distribution Warehouse, Erfurt	Jerman	Logistik	5 Mei 2017	Pegangan Kekal

ULASAN PELABURAN

PENDEDAHAN PELABURAN SECARA GEOGRAFI



Pendedahan
Pelaburan
Mengikut
Geografi
dalam

43
NEGARA
merentasi
benua¹

Petunjuk untuk Kelas Aset

- Ekuiti
- Pendapatan Tetap
- Ekuiti Persendirian / Infrastruktur
- Hartanah

¹ Nota: Pendedahan Pelaburan Mengikut Geografi adalah berdasarkan rangkuman risiko negara.

ULASAN PELABURAN ANAK SYARIKAT

A) KWEST SDN BHD

Ditubuhkan pada 2017, KWEST adalah anak syarikat milik penuh KWAP yang berperanan sebagai platform pelaburan untuk pembangunan harta tanah. Tumpuan KWEST adalah untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi dalam parameter risiko yang boleh diterima pakai. Ia juga menyediakan rangkaian aset pembangunan/pembangunan semula tanah belum diusahakan (*greenfield*) dan tanah telah diusahakan (*brownfield*) sebagai sebahagian aset di bawah pengurusan harta tanah KWAP.

Pada masa ini, KWEST mempunyai dua projek besar yang masih dalam pembangunan iaitu:

- i. Andaman di Seri Tanjung Pinang 2, di bawah Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB), usaha sama antara Eastern & Oriental Berhad (E&O) dan KWEST sebanyak 80% dan 20%; dan
- ii. Compass@Kota Seri Langat, usaha sama antara Permodalan Nasional Berhad (PNB) (60%), AREA Industrial Development Holdings (20%) dan KWEST (20%).

Mengejar semula selepas dua tahun berikutan gangguan pandemik, projek-projek ini mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) tergabung sebanyak RM23 bilion, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM881 juta. KWEST telah mencatat kemajuan signifikan bagi pembangunan semasa ini bersama-sama dengan rakan usaha samanya.

Andaman (Fasa 2A), Pulau Pinang

Andaman (Fasa 2A) adalah projek pembangunan penggunaan bercampur bersepadu seluas 253 ekar di Pulau Pinang dengan horizon pembangunan sehingga 20 tahun dan GDV sebanyak RM22 bilion. KWEST dan E&O (dikenali bersama sebagai PMSB) adalah pemaju induk untuk pembangunan utama ini, di mana KWEST memiliki sebanyak 33.18 ekar tanah pegangan bebas.

Pelancaran produk sulung pada Januari 2022 yang dinamakan sebagai The Meg, terdiri daripada 1,020 unit apartmen yang menyediakan perabot lengkap yang disasarkan untuk eksekutif muda dan pembeli rumah pertama dengan anggaran GDV sebanyak RM650 juta. The Meg telah mendapat sambutan menggalakkan dengan 89% daripada unit-unit ini telah terjual dengan nilai jumlah jualan sebanyak RM587.8 juta pada 31 Disember 2022, serta perkembangan mengikut jadual untuk siap pada suku keempat tahun 2025.

Andaman Bridge yang menghubungkan Pulau Pinang ke Andaman telah siap pada suku keempat 2022 dan menyediakan akses terus ke galeri jualan dan unit contoh Andaman. Ini akan diikuti oleh jambatan kedua yang menghubungkan Andaman ke Gurney Drive di Georgetown yang disasar akan disiapkan pada 2024.

Berikutan kejayaan pelancaran The Meg, PMSB menyasarkan dua lagi pelancaran pada 2023 untuk mempelbagaikan campuran produk dan menawarkan sasaran pasaran yang lebih luas. Ini termasuk Arica, yang merupakan apartmen berkepadatan rendah yang mempunyai 380 unit dengan sasaran GDV sebanyak RM369 juta yang menyasarkan keluarga muda, serta 69 unit rumah atas tanah untuk keluarga lebih besar, dengan sasaran GDV sebanyak RM242 juta.



Andaman Island telah dianugerahkan Pensijilan Bersyarat Perbandaran (Platinum) GreenRE (Hartanah Hijau) pada Disember 2022. Ini menandakan komitmen PMSB untuk mewujudkan pembangunan penggunaan bercampur bersepadu yang mampan. The Meg dan Arica juga dijangka akan menerima akreditasi yang sama pada 2023.

ULASAN PELABURAN ANAK SYARIKAT

Compass@KSL (Compass)

Compass yang terletak di Kota Seri Langat, Banting, Selangor, adalah taman perindustrian seluas 220 ekar yang akan memenuhi keperluan para pengusaha yang semakin bertambah dengan pembangunan jangka sederhana bertempoh lapan tahun dan GDV sebanyak RM1.2 bilion. Compass dimajukan bersama oleh PNB, AREA Industrial Development Holdings dan KWEST.

Fasa pertama Compass dilancarkan pada suku ketiga 2022, termasuk City Sales Gallery yang terletak di Shah Alam dan pelancaran SME Precinct (Plot 1 dan Plot 2), yang terdiri daripada 62 kilang jenis teres, berkembar dan berasingan dengan GDV sebanyak RM504 juta. Pada 31 Disember 2022, 32% daripada unit kilang ini telah dijual dengan nilai jualan sebanyak RM99.8 juta.

Pada tahun 2021, 50 ekar tanah telah dijual kepada Best Eternity Recycle Technology Sdn Bhd, syarikat kitar semula kertas pada harga RM108 juta, dengan 30 ekar transaksi dalam perancangan untuk diselesaikan pada 2023 bersama ahli industri lain (anggaran GDV sebanyak RM82 juta).

Fasa kedua Compass termasuk taman perindustrian yang diurus (MIP) seluas 80 ekar yang mana akan menjadi jenis pertama seumpamanya di negeri Selangor. Dengan GDV sebanyak RM541 juta, MIP ini berkemampuan untuk mampan secara kendiri dalam persekitaran selamat, berpagar dan dikawal, yang juga disatukan dengan kemudahan pusat perniagaan, penginapan pekerja dan lot kedai komersial.

Hala Tuju dan Tinjauan 2023

KWEST akan meneruskan pelaburan sinergistik dan meneroka projek-projek potensi untuk Penjagaan Usia Tua dan Kehidupan Warga Emas dengan kerjasama unit-unit lain dalam KWAP seiring dengan visi KWAP untuk menjadi dana persaraan yang boleh dipercayai yang menyokong pembinaan negara melalui penyampaian manfaat secara mampan.

Bagi projek-projek yang telah diberi komitmen, KWEST berhasrat untuk menghasilkan lebih banyak pelancaran dan pembangunan baharu sepanjang 2023. Untuk pelaburan baharu, KWEST menyasar untuk mengembangkan pelaburannya ke dalam pasaran domestik dan juga pasaran antarabangsa utama yang kukuh seperti di UK dan Australia.

Sejajar dengan memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) ke arah pembangunan mampan, KWEST akan membuat Kerangka ESG, selari dengan Hala Tuju Kemampuan KWAP.


B) PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), yang ditubuhkan pada tahun 2012, adalah merupakan anak syarikat milik penuh KWAP di United Kingdom (UK) dan beroperasi sebagai rakan pelaburannya di rantau Eropah. Sejak penubuhannya hingga 2020, ia telah diberi mandat untuk mengurus portfolio ekuiti di rantau Eropah.

Portfolio pertama Prima Ekuiti yang memberi fokus kepada pelaburan ekuiti di UK pada 2012 telah menyumbang pulangan sebanyak 32.0% sejak penubuhannya, melebihi pulangan Indeks FTSE100 sebanyak 21.4% pada tempoh yang sama. Ini diikuti oleh mandat kedua pada 2014, melalui portfolio ekuiti Euro yang telah menyumbang pulangan sebanyak 48.6%, melebihi pulangan Indeks Euro MSCI sebanyak 17.9% untuk tempoh yang sama. Sementara itu, portfolio Pulangan Mutlak telah diwujudkan pada Jun 2018 dengan modal permulaan sebanyak EUR75.0 juta. Ia menjadi langkah pertama ke arah pelaburan yang lebih tertumpu kepada pelaburan bertema jangka lebih panjang melalui horizon pelaburan tiga tahunnya.

Pada akhir 2020, portfolio ekuiti UK dan Euro telah memberi pulangan lebih daripada GBP140.1 juta kepada KWAP sejak penubuhannya.

Pada 2021, Prima Ekuiti meluaskan liputan pelaburan dan aktiviti pengurusan asetnya ke dalam kelas asset lain. Di bawah model yang dipertingkatkan ini, Prima Ekuiti menjalankan aktiviti tambahan untuk aset Ekuiti Persendirian dan Hartanah daripada KWAP serta menyokong tiga kelas aset dalam usaha KWAP untuk mencapai sasaran SAA antarabangsa.



Memandangkan pejabat Prima Ekuiti terletak di UK, tenaga kerjanya berupaya menjalin hubungan profesional dan menjalin hubungan terus dengan para pengurus dana global dan kelas aset terbaik dalam bidang ekuiti persendirian dan harta tanah untuk tujuan pelaburan dan penyelidikan. Selain itu, disebabkan oleh pelbagai aset KWAP yang sedia ada dan pengurus-pengurus dana berlokasi di UK dan Eropah, Prima Ekuiti telah berjaya menghubung dan mengurus aset-aset tempatan dengan cekap berdasarkan perbezaan masa dan jarak yang dekat.

Dalam tahun 2022, Prima Ekuiti telah mengembangkan skop pelaburannya dengan mewujudkan meja urus niaga pusat untuk KWAP di mana mereka boleh berdagang dalam kelas aset ekuiti yang dijalankan di Malaysia dan UK. Dengan skop pengembangan merentasi pelbagai kelas aset, Prima Ekuiti telah membuat kajian baharu termasuklah kajian pelbagai aset dan kaedah ESG di mana kedua-duanya telah menyumbang kepada pelaburan yang memberi hasil dalam seluruh portfolio pelaburan KWAP. Ia termasuk pengembangan di pejabat UK di mana Prima Ekuiti memainkan peranan penting dalam dana pelaburan harta tanah global KWAP yang pertama yang merupakan salah satu pengurus aset dana tempatan yang terbesar di Eropah.

TINJAUAN PELABURAN 2023

Meninjau ke tahun 2023, kadar faedah yang tinggi dijangka akan terus memperlakukan pertumbuhan global. Tahap penyederhanaan inflasi akan menentukan arah pertumbuhan global. Inflasi yang naik tanpa henti akan menghalang bank pusat daripada menghentikan kenaikan kadar faedah yang mana mungkin mendatangkan risiko kemelesetan yang lebih teruk. Oleh itu, pasaran kewangan mungkin akan mengalami ketidaktentuan pada tahun 2023 di mana pertentangan antara inflasi lebih tinggi untuk tempoh lebih lama dengan risiko kemelesetan ekonomi akan berterusan.

Ekonomi Malaysia diunjur akan menyederhana pada 2023 di tengah-tengah kelembapan ekonomi global serta impak daripada keadaan kewangan yang lebih ketat akibat kenaikan kadar faedah kumulatif oleh bank-bank pusat sepanjang tahun lalu. Penggunaan persendirian akan kekal menjadi penggerak bagi pertumbuhan walaupun normalisasi dijangkakan melalui permintaan yang akan berkurang dan wujudnya hasil daripada kesan kenaikan OPR ke atas ekonomi. Sementara itu, pemulihan sektor pelancongan yang berterusan serta pelaksanaan projek berbilang tahun akan memberi sokongan kepada pertumbuhan domestik pada 2023.

KWAP optimistik dalam kewaspadaan terhadap pasaran kewangan global dan domestik berdasarkan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada 2023. Daripada senario tersebut, kami akan terus berusaha melindungi nilai pelaburan antarabangsa. Kami akan terus meminimumkan kadar faedah dan risiko mata wang melalui pelbagai instrumen lindung nilai.

KWAP akan mengekalkan tumpuan untuk membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat yang mempunyai asas kukuh serta dan kedudukan kewangan yang sihat dan juga syarikat yang mengamalkan prinsip tadbir urus dan ESG yang baik. Pendekatan pelaburan KWAP bukan hanya berdasarkan strategi tetapi ia juga menunjukkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi demi mencapai pertumbuhan ekonomi mampan dan lestari untuk Malaysia. Satu pendekatan yang lebih tertumpu kepada pasaran domestik sedang dijalankan di mana ia akan mengutamakan peluang pelaburan yang khususnya memenuhi keperluan tenaga boleh diperbaharui, ekonomi digital, ekonomi perak, jaminan makanan dan pendidikan di Malaysia. Dengan mengutamakan sektor-sektor penting ini, KWAP berazam untuk memainkan peranan kepimpinan yang berpengaruh dalam ekosistem pasaran kewangan dan modal di Malaysia.

Selain daripada pencapaian pelaburan, Prima Ekuiti juga mementingkan pematuhan dan tadbir urus yang dititikberatkan pada standard yang paling tinggi dan hasilnya, kami menerima pensijilan Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ABMS) ISO 37001 selepas audit SIRIM QAS dijalankan pada 2022. Selain itu, Prima Ekuiti terus menyumbang kepada pembangunan bakat-bakat dari Malaysia di mana kami telah menjalankan program latihan amali untuk 11 pelatih dengan jayanya bersama penyertaan lain dalam program-program pelaburan yang diterajui pelajar.

Melangkah ke tahun 2023, pelan induk korporat Prima Ekuiti akan dimulakan dan melibatkan:

- i. Pengenalan semula pengurusan dana di mana Prima Ekuiti akan mengurus portfolio Ekuiti Global UK/ Kesatuan Eropah KWAP;
- ii. Penambahan bilangan aliran urus niaga ke Jabatan Ekuiti Persendirian dan Hartanah KWAP. Prima Ekuiti juga membuat sasaran untuk mengekalkan penukaran yang tinggi bagi aliran urus niaga ini; dan
- iii. Penjenamaan dan penyusunan semula Prima Ekuiti untuk komunikasi lebih baik dengan KWAP berhubung perubahan dalam perkhidmatannya.

ULASAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN PERSARAAN

Peranan utama KWAP sebagai agensi kerajaan meliputi pemprosesan dan pembayaran manfaat pencecutan termasuklah ganjaran, pencecutan, ex gratia, tuntutan berkaitan serta pengurusan perkhidmatan pelanggan. Semua peranan ini dimandatkan melalui perjanjian agensi yang telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan KWAP. Daripada segi prestasi, Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA) bagi tahun 2022 telah menetapkan keperluan utama termasuk prestasi peratusan minimum pada tahap 95%. Pengawasan terhadap prestasi SLA dipantau dan disemak oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi mesyuarat jawatankuasa yang diadakan pada setiap bulan.

KWAP mencatat prestasi menjangkaui peratusan minimum SLA, dengan purata skor berwajaran sebanyak 98.42% dari Januari sehingga Disember 2022, walaupun bilangan SLA bertambah daripada tujuh kepada 10 dengan keperluan-keperluan yang lebih ketat. Sebagai perbandingan, skor wajaran bagi tahun 2021 adalah pada purata 98.26%.

PENAMBAHBAIKAN PROSES PERNIAGAAN



1. Papan Pemuka Business Intelligence (BI)

Pelaksanaan papan pemuka BI telah mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada ASEAN Social Security Association (ASSA) dalam kategori Teknologi Maklumat semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah ASSA ke-39 yang diadakan dari 23 hingga 24 November 2022 di Luang Prabang, Laos. Sejak ia dilancarkan pada 2017, pelaksanaan BI telah banyak mempengaruhi dalam penambahbaikan proses perniagaan, produktiviti dan pematuhan terhadap keperluan SLA.



2. Pelaksanaan Portal Semakan Maklumat Pesara di Hospital Kerajaan

KWAP melancarkan platform aplikasi berdasarkan webnya, Portal Semakan Maklumat Pesara, pada Mei 2022 yang membolehkan kakitangan berkuasa di hospital dan klinik kerajaan untuk membuat pengesahan kelayakan pesara dan tanggungan mereka dalam mengakses kelayakan manfaat perubatan. Pelaksanaan portal ini bertujuan untuk menambah baik pengalaman pelanggan di hospital dan klinik tersebut bagi memberikan proses pendaftaran yang lebih mudah serta mengurangkan masa menunggu.

Pesara yang telah memuat turun aplikasi MyPesara di peranti mudah alih mereka juga boleh menikmati fungsi e-Kad Pesara yang tersedia dalam aplikasi tersebut. e-Kad Pesara diterima di hospital kerajaan yang merupakan alternatif kepada kad pencecutan fizikal yang perlu ditunjukkan ketika mengakses perkhidmatan penjagaan kesihatan awam.



3. Penambahbaikan Sistem eHemodialisis

Sebagai sebahagian daripada usaha ke arah kecemerlangan operasi, KWAP melancarkan penambahbaikan sistem eHemodialisis ke atas modul-modul utama pada 14 Oktober 2022. eHemodialisis adalah sistem yang digunakan oleh pusat-pusat hemodialisis untuk mengesahkan kelayakan para pesara dan tanggungan mereka serta menghantar tuntutan perkhidmatan yang diberikan kepada KWAP. Penambahbaikan ini telah melancarkan lagi fungsi yang sedia ada seperti pembaharuan lesen operasi secara dalam talian, pengemaskinian nombor akaun bank pusat dialisis, alat pemantauan untuk penyerahan invoice serta ciri-ciri yang dipertingkatkan bagi fungsi percetakan surat jaminan. Selain itu, ia juga telah menambah baik ketelusan proses, mempercepatkan tempoh masa pemprosesan dan mengurangkan risiko kesilapan.



4. Meja Bantuan Perkhidmatan Persaraan

Sebahagian daripada aktiviti berkaitan pencen termasuklah menjawab sebarang pertanyaan teknikal daripada pihak berkepentingan luar seperti Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), pusat dialisis, hospital dan agensi kerajaan lain. Pada 2022, portal Meja Bantuan Perkhidmatan Persaraan diperkenalkan untuk memudahkan proses yang membolehkan permohonan dan pertanyaan dirakam, dipantau dan dikemas kini secara berpusat. Ini membantu untuk menyelesaikan sebarang isu yang tidak selesai atau tertangguh serta mengurangkan tempoh masa pemprosesan.



5. Automasi Proses Robotik

Automasi Proses Robotik (RPA) membolehkan penggunaan proses automasi yang boleh dikonfigurasi tanpa memerlukan kepakaran teknikal dalam pemprograman automasi. Dengan pelaksanaan alat-alat RPA Automasi Di Mana-Mana Sahaja (*Automation Anywhere RPA*) pada 2021, kami telah memperkenalkan automasi untuk proses-proses yang berulang, mengambil masa, memerlukan ketepatan dan melibatkan tugas di luar waktu kerja. Pada 2022, tiga proses baharu telah diautomasi iaitu pemantauan aplikasi, pengekstrakan data elektronik harian dan proses ketetapan semula kata laluan. Banyak proses telah dikenal pasti untuk pelaksanaan RPA pada tahun-tahun akan datang.




6. Borang Maklum Balas Berkenaan Pengurusan Perhubungan Pelanggan Dalam Talian

Borang Maklum Balas Berkenaan Pengurusan Perhubungan Pelanggan Dalam Talian diperkenalkan sebagai alternatif mudah untuk membuat sebarang pertanyaan atau dokumen kepada KWAP. Berbanding cara tradisional seperti mengisi borang atau menghantar e-mel, borang dalam talian memudahkan penyiapan dan penyerahan yang cepat dengan format rasmi dan templat untuk mengelakkan kesalahan dan menambah baik masa pemprosesan. Ciri-ciri mesra pengguna termasuk pilihan *drop-down*, kemasukan data dalam talian dan pelampiran dokumen sokongan. Masa pemprosesan dan produktiviti juga ditambah baik melalui ciri-ciri borang maklum balas ini.

ULASAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN PERSARAAN


TINJAUAN KERANGKA PENGALAMAN PELANGGAN (CX)



* Sasaran dan pencapaian dalam boleh dipertingkatkan apabila KWAP menambah baik kerangka kerja ini dan strategi pengalaman pelanggan di masa hadapan.

DEMOGRAFI PENCEN PADA 31 DISEMBER 2022


Tinjauan Penerima Pencen




Penerima Pencen Mengikut Kategori dan Tahun




Penerima Pencen Mengikut Jantina



Penerima Pencen Mengikut Lokasi





Penerima Pencen Terbitan



ULASAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN PERSARAAN

Penerima Pencen Mengikut Agihan Usia¹



Program Libat Urus Secara Bersemuka KWAP



Jumlah Program
35

¹ Sesetengah peratusan tidak menjumlahkan tepat 100% kerana pembundaran perpuluhan.

PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

Penggunaan Aplikasi MyPesara Dari 2017

291,863

Muat Turun

>100%

pertumbuhan tahun-ke-tahun
muat turun Aplikasi MyPesara



79%

Pengguna
Android



19%

Pengguna
iOS

4.58/5


Penarafan

5,350

Maklum Balas


1,205

Temujanji Dibuat
menerusi Aplikasi
MyPesara



Papan Pemuka Aplikasi MyPesara

Pengguna Berdaftar



79%

Pesara

21%

Bukan Pesara

134,307

Jumlah Pengguna
Berdaftar

Pengguna Pesara Aplikasi MyPesara

Pengguna Utama

61-65
tahun

105,902 Pengguna

Jantina



59% Lelaki



41% Perempuan

Pengguna Bukan Pesara Aplikasi MyPesara

Pesara pengguna baru melalui MyPesara

28,405 Pengguna

Jantina



63% Lelaki



37% Perempuan

ULASAN PERNIAGAAN PENGURUSAN CARUMAN


Salah satu daripada peranan utama KWAP adalah untuk mengurus sumbangan penceran yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Bahagian Kerajaan (agensi-agensi pencerum) dan Majikan (Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi).

Bagi tahun 2022, KWAP menerima jumlah caruman sebanyak RM2.64 bilion. Amaun ini merangkumi RM0.50 bilion daripada Kerajaan Persekutuan, RM0.77 bilion daripada Bahagian Kerajaan daripada agensi yang mencarum dan RM1.37 bilion caruman daripada Majikan.


Berbanding tempoh sebelumnya, jumlah caruman adalah lebih rendah sebanyak RM0.30 bilion disebabkan oleh pengurangan caruman daripada Bahagian Kerajaan berpunca daripada agensi pencerum yang tidak langsung mencarum pada 2022.

Walau bagaimanapun, caruman Majikan mencatatkan peningkatan konsisten di mana RM1.31 bilion telah diperoleh pada 2020, RM1.34 bilion pada 2021 dan RM1.37 bilion pada 2022. Ini disebabkan oleh kenaikan sederhana dalam gaji kakitangan kerajaan.

JUMLAH CARUMAN 2020-2022



CARUMAN SUKU TAHUNAN PADA 2022



AGIHAN CARUMAN MENGIKUT NEGERI



487 MAJIKAN
Pada 31 Disember 2022

KWAP mencatat sebanyak 487 majikan berdaftar dalam 2022, dengan 381 majikan di Semenanjung Malaysia, berbanding 106 di Sabah dan Sarawak. Kuala Lumpur dan Selangor merupakan negeri dengan bilangan majikan paling banyak di Semenanjung Malaysia dengan 63 majikan setiap negeri, diikuti oleh Sarawak dengan 57 majikan.


10 PENCARUM TERTINGGI PADA 31 DISEMBER 2022

Bil.	Majikan	RM (juta)
1	Universiti Teknologi Mara	167.90
2	Majlis Amanah Rakyat	102.18
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	73.48
4	Universiti Putra Malaysia	48.55
5	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	46.19
6	Universiti Teknologi Malaysia	43.38
7	Universiti Malaya	41.33
8	Hospital Universiti Sains Malaysia	36.47
9	Universiti Sains Malaysia	34.05
10	Pusat Perubatan Universiti Malaya	28.61

Universiti Teknologi Mara (UiTM) merupakan pencarum tertinggi diikuti oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ini disebabkan oleh bilangan kakitangan berdaftar yang ramai, di mana UiTM mempunyai 14,889 kakitangan, MARA dengan 9,203 kakitangan dan UKM seramai 6,916 kakitangan.


ULASAN PERNIAGAAN PENGURUSAN CARUMAN

Bilangan Majikan Mengikut Kategori



Jumlah majikan yang berdaftar dengan KWAP adalah konsisten dalam tempoh tiga tahun lepas dengan 487 pada 2022, 485 pada 2021 dan 486 pada 2020.

Bilangan Kakitangan Mengikut Kategori



Pengurangan sebanyak 1.2% dalam jumlah kakitangan berdaftar direkodkan pada 2022 dengan jumlah 176,913 berbanding 178,385 yang dicatat pada tahun 2021. Pengurangan dalam jumlah kakitangan ini merupakan jumlah daripada persaraan awal, kematian dan pengurangan dalam pendaftaran baharu.

Kebanyakan daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dilaksanakan secara dalaman dengan hanya satu inisiatif Virtual Interaction With Employers Programmes (VIWEP) yang menelan kos sebanyak RM1,440. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran seperti kekurangan pekerja dan masa, serta kurang penglibatan bersama pihak-pihak berkepentingan, kemajuan yang baik telah dibuat untuk semua KPI.

Kutipan caruman majikan meningkat daripada RM1.34 bilion pada 2021 kepada RM1.37 bilion pada 2022, dengan kadar pematuhan sebanyak 98%.

Fokus utama pada tahun ini adalah untuk mencapai program pematuhan bersama majikan, yang menyumbang kepada penambahbaikan untuk kadar pematuhan majikan berdaftar. Pengenalan kepada Senarai Semak Pematuhan Kendiri juga telah membantu KWAP dalam memastikan pematuhan yang berkesan daripada majikan. Sejumlah 24 senarai semak telah diedarkan dengan skor sebanyak 83.3% diterima berkenaan keberkesanan program.

Satu siri program libat urus telah dikendalikan sepanjang tahun ini bagi memastikan pematuhan dan mewujudkan kesedaran berhubung Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan pekeliling perkhidmatan yang berkaitan. Sejumlah 31 lawatan pematuhan telah diadakan dengan majikan yang terdiri daripada 12 badan-badan berkanun, sembilan pihak berkuasa tempatan dan 10 agensi-agensi. Selain itu, 11 sesi libat urus telah dijalankan dengan pelbagai Kementerian, Pejabat Setiausaha Negeri, Pihak Berkuasa yang Melantik dan peminjaman agensi-agensi baru.

Lapan bengkel VIWEP telah diadakan pada 2022 dengan jumlah penyertaan 155 majikan dan 358 peserta, untuk menyediakan latihan dan panduan kepada majikan berkaitan pelbagai bahagian caruman dan untuk mengecilkan jurang pengoperasian antara majikan dengan KWAP. Program ini mencapai purata keberkesanannya untuk sesi sebanyak 88%. Tujuh sesi diadakan secara maya manakala satu lagi sesi dijalankan secara hibrid di pejabat KWAP KL.

Penambahbaikan lanjut dari segi pengurusan data, tadbir urus data dan sistem caruman terutamanya berhubungan dengan ICMS, telah menjadi tumpuan KWAP sepanjang tahun ini dengan objektif untuk mencapai kecekapan lebih tinggi dalam kutipan caruman dan menjalankan pemantauan yang lebih baik oleh KWAP. Kegiatan pembersihan data, penyelarasian data dan pemetaan data dalam ICMS telah berjaya dijalankan dengan kadar kejayaan sebanyak 94.14% untuk pembersihan data dan 100% untuk penyelarasian data dan pemetaan data. Antara cabaran yang dihadapi oleh KWAP untuk mencapai objektif ini adalah memastikan kecukupan sumber yang diperlukan seperti kakitangan yang mempunyai kemahiran khusus dan tempoh masa yang ketat.

Melangkah ke hadapan, KWAP memberi fokus pada penambahbaikan berterusan dalam mengurus caruman. Untuk ini, inisiatif terancang seperti pengenalan struktur mikro organisasi pengurusan caruman dan pembangunan sistem caruman baharu akan dilaksanakan pada masa akan datang.

ULASAN PERUSAHAAN DIGITAL

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun ini untuk menerima pakai transformasi digital dan memberikan lebih banyak manfaat kepada KWAP. Penambahbaikan infrastruktur IT dan keselamatan IT, penggunaan sistem perniagaan yang dipertingkatkan, penetapan Penyelesaian kepada Data Perniagaan dan pengaktifan Bahagian Digital merupakan antara inisiatif-inisiatif yang diambil.



Keselamatan Siber yang Berdaya Tahan

Sebagai usaha berterusan untuk menambah baik pertahanan keselamatan siber, tahap kesukaran simulasi pancingan data telah dipertingkatkan mengikut tanda aras keselamatan global yang disyorkan. Apabila KWAP untuk pertama kalinya meningkatkan tahap kesukaran semasa simulasi pancingan data pada awal tahun ini, peratus cenderung pancingan data yang dicatat adalah 15.6%. Walau bagaimanapun, ia menurun kepada 4.2% menjelang akhir 2022 berbanding akhir 2021, di mana peratusan yang dicatat adalah 5.7%. Ini menunjukkan trend penambahbaikan yang berterusan dalam kesedaran kakitangan berhubung dengan keselamatan siber. Pengesahan Pelbagai Faktor (MFA) juga telah dikuatkuasakan ke atas semua kakitangan sebagai lapisan tambahan pengesahan keselamatan, manakala Mobiliti Perniagaan dan Keselamatan telah dijalankan dan dikonfigurasi untuk melindungi data digital pada peranti mudah alih. Instrumen dan perkhidmatan keselamatan siber yang canggih juga telah diguna pakai untuk melindungi titik penyelesaian.

Selain itu, bagi memastikan pengurusan keselamatan maklumat organisasi mencapai piawaian global, KWAP berjaya memperbaharui pensijilan ISO 27001 pada 2022 di mana ia telah diiktiraf dengan ISO 27001 sejak 2013. Selain itu, KWAP juga telah berjaya membanteras 56 kes penipuan digital dalam bentuk 10 aplikasi mudah alih MyPesara palsu, 45 laman web palsu yang menyamai KWAP dan anak syarikatnya, Prima Ekuiti (UK) Limited serta peniruan akaun media sosial yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan bagi melindungi landskap digitalnya.

Penaiktarafan Infrastruktur Teknologi

Untuk meningkatkan produktiviti kakitangan yang bekerja dari jarak jauh, KWAP membuat pelaburan dalam penaiktarafan infrastruktur untuk menyokong sepenuhnya budaya kerja dari jauh. Penaiktarafan ini termasuk pengalihan platform mesyuarat dalam talian daripada *Skype for Business* kepada *Microsoft Teams*, peluasan jalur lebar internet dan peningkatan keupayaan sumber Infrastruktur Komputer Meja Secara Maya. Untuk memudahkan lagi kakitangan bekerja dari jarak jauh, KWAP memperbaharui baki 20% daripada komputer ribanya, sekaligus menyelesaikan usaha tahun sebelumnya. Ini bagi memastikan bahawa semua kakitangan dilengkapi dengan peranti-peranti terkini. Sebagai tambahan, pemasangan peralatan persidangan video di dalam bilik-bilik mesyuarat di pejabat Kuala Lumpur dan Cyberjaya juga dilaksanakan dalam usaha untuk membolehkan mesyuarat hibrid diadakan.

ULASAN PERUSAHAAN DIGITAL



Peningkatan Sistem Perniagaan

Dari segi sistem perniagaan, KWAP telah berjaya melaksanakan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) bagi menyokong mesej pembayaran dengan piawaian ISO 20022. ISO 20022 adalah piawaian yang diiktiraf secara global untuk pertukaran data elektronik antara institusi-institusi kewangan. Berbanding piawaian ISO 15022 sebelumnya, piawaian baharu ini menambah baik kandungan data, menyediakan format pemesesan yang tersusun dan mempunyai keupayaan untuk beradaptasi dengan teknologi moden dengan lebih mudah. Melalui pelaksanaan ini, proses mesej pembayaran KWAP adalah lebih cekap dengan data bermutu tinggi dan mematuhi strategi migrasi Bank Negara Malaysia dalam mempertingkatkan sistem RENTAS mengikut piawaian baharu.



Penyelesaian Untuk Data Perniagaan

Perniagaan menggunakan data untuk membuat keputusan lebih cekap dan tersusun di mana ianya menunjukkan penilaian yang berguna. KWAP berjaya menyelesaikan analisis lengkap ke atas infrastruktur dalam pelbagai data sedia ada, demi memanfaatkan sepenuhnya data-data yang dihasilkan pada setiap hari. Berdasarkan penemuan daripada analisis ini, penambahbaikan akan dibuat untuk menangani data perniagaan yang semakin bertambah. Selain itu, penubuhan unit Penyelesaian untuk Data Perniagaan memberi tumpuan kepada kemunculan penyelesaian baharu seperti analitik data, pelaporan maju dan kecerdasan buatan (AI) akan membolehkan akses kepada data yang berkualiti tinggi untuk memberi analisis tepat, meningkatkan pengalaman pelanggan dan meningkatkan kecekapan melalui automasi kerja.



Pengaktifan Bahagian Digital untuk Memacu Kecemerlangan Digital

KWAP juga mengaktifkan Bahagian Digital dalam suku keempat 2022 untuk meningkatkan kecemerlangan digital dalam seluruh organisasi. Bahagian ini terdiri daripada Strategi dan Perkhidmatan Digital, Infrastruktur Digital, Keselamatan Digital, Sistem Perniagaan Digital dan Pengurusan Data Digital. Transformasi ini bertujuan membolehkan segala aktiviti pendigitalan untuk menjadi lebih fokus, sejajar dengan perniagaan dalam melaksanakan inisiatif digital dan pada masa yang sama untuk memberi sokongan dalam operasi harian yang perlu kepada pihak-pihak berkepentingan.



MEMPERKUKUHKAN **TADBIR URUS KORPORAT**

Menambah baik tadbir urus Kumpulan dan penyeliaan kerangka
subsidiari dengan pematuhan yang lebih baik.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI LEMBAGA



**DATUK JOHAN BIN
MAHMOOD MERICAN**

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(a) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*

Datuk Johan telah dilantik sebagai Pengurus Lembaga KWAP pada 27 Februari 2023.

Beliau adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Sebelum pelantikan tersebut, beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan sejak Mac 2022.

Datuk Johan pernah menyandang pelbagai jawatan Kerajaan termasuk Pengarah Belanjawan, Pejabat Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan; Timbalan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU); dan Ketua Pegawai Eksekutif di Talent Corporation Malaysia. Sebelum beliau berkhidmat dalam Kerajaan pada tahun 2004, beliau telah bertugas selama sembilan tahun dalam sektor swasta dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan.

Datuk Johan merupakan Akauntan Bertauliah di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan berkelulusan Ijazah Ekonomi dari University of Cambridge.

**ENCIK ADNAN ZAYLANI
BIN MOHAMAD ZAHID**

*Wakil Bank Negara Malaysia
Seksyen 6(4)(b) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*

Encik Adnan Zaylani telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2021.

Encik Adnan merupakan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertanggungjawab untuk menyelia pasaran kewangan dan sektor pelaburan. Beliau memulakan kerjayanya di Bank Negara Malaysia sebagai peniaga pertukaran asing dan pengurus portfolio pada tahun 1994 dan memainkan peranan penting dalam menguruskan rizab antarabangsa, *National Trust Fund* dan beberapa dana sektor awam yang lain. Beliau juga menyelia operasi pasaran kewangan dan terlibat sebagai penasihat kerajaan mengenai pengurusan aliran tunai dan strategi hutang, seterusnya menyertai jerayawara Sukuk antarabangsanya pada 2015 dan 2016. Beliau dilantik sebagai Penolong Gabenor untuk pasaran kewangan, pelaburan, pentadbiran pertukaran asing dan pengurusan mata wang pada tahun 2016 sebelum melanjutkan pengajian pada tahun 2017. Setelah menamatkan pengajiannya pada tahun 2018, beliau mengambil alih sebagai Penolong Gabenor Sektor Pembangunan sehingga 31 Mac 2022 dan kini menyelia pasaran kewangan dan sektor pelaburan.

Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank; dan Pengurus Jawatankuasa Pasaran Kewangan yang merupakan bank pusat industri untuk pembangunan pasaran kewangan.

Encik Adnan memiliki Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari Blavatnik School of Government, University of Oxford, Ijazah Sarjana Sains ('MSc') dalam Ekonomi Pasaran Global dan Sarjana Muda Sains ('BSc') dalam bidang Ekonomi, London School of Economics.

DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN @ MOHD ZAINUDDIN

*Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 6(4)(c) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007*



Dato' Anis Rizana telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 14 Julai 2020.

Beliau berkelulusan Diploma Analisis Pelaburan dari Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1990 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Western Michigan University, Kalamazoo, Amerika Syarikat pada tahun 1992 dan Diploma Pentadbiran Awam dari National Institute of Public Administration (INTAN) pada tahun 1995. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Pusat Pengajian Siswazah Pengurusan Universiti Putra Malaysia dan telah menghadiri Program Pengurusan Kepimpinan Lanjutan di INTAN, Program Pengurusan Lanjutan (AMP) di Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat dan Program Pembangunan Kepimpinan Lanjutan di Razak School of Government.

Dato' Anis Rizana kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan), MOF. Beliau memulakan kerjayanya pada awal tahun 1993 dengan sektor swasta dalam firma broker saham dan industri pembuatan sebelum menyertai sektor awam pada tahun 1994. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Kewangan pada tahun 1999. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha dalam pelbagai bahagian di bawah MOF seperti Bahagian Kewangan, MOF Inc.; Bahagian Penswastaan dan Penyelaras; Bahagian Pengurusan Pinjaman & Dasar Kewangan, Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa dan Bahagian Pengurusan Belanjawan. Pada tahun 2008, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha di Bahagian Pelaburan, MOF Inc. dan Bahagian

Penswastaan dan seterusnya beliau berkhidmat selama dua tahun di Malaysia Airports Holdings Berhad sebagai Pengurus Besar, Perancangan Korporat di bawah Program Cross Fertilization (antara Khazanah Nasional Berhad dan Jabatan Perkhidmatan Awam), dan berkhidmat sebagai Ketua Unit Sekretariat Rangsangan Ekonomi, MOF. Pada tahun 2009, Dato' Anis Rizana juga berkhidmat sebagai Pegawai Fungsi Khas kepada Ketua Setiausaha Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya pada tahun 2012, beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Ganjaran, Wang Awam dan Perkhidmatan Pengurusan.

Dato' Anis Rizana berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (NKRA Menentang Rasuah) pada tahun 2014 sebelum dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan dan seterusnya memikul tanggungjawab sebagai Ketua Kluster Pembangunan dan Penyelidikan Dasar di INTAN, Bukit Kiara. Pada tahun 2018, beliau dilantik sebagai Ketua Kluster Ekonomi dan Kluster Kewangan Awam di INTAN. Selepas itu beliau dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2019 sebelum berada dalam kedudukannya yang terkini.

Beliau kini merupakan Pengarah di Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Pelaburan Hartanah Berhad, Aset Tanah Nasional Berhad, Malaysia Petroleum Resources Corporation dan Ahli Suruhanjaya Tenaga. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah di syarikat swasta di bawah bidang kuasa MOF.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI LEMBAGA

DATUK HAJAH NIK AMLIZAN MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif (Ahli Ex-Officio)

Seksyen 6(4)(d) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA

*Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007*



Datuk Hajah Nik Amlizan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 2 November 2020.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sejak September 2018. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Pelaburan KWAP dan berkhidmat bersama-sama organisasi ini dengan memikul pelbagai peranan sejak mula menyertai KWAP pada tahun 2007.

Kerjaya profesional beliau menjangkaui 30 tahun, meliputi bidang perkhidmatan kewangan dan dana persaraan, mengawasi fungsi pelaburan merentasi semua kumpulan aset dan beliau juga turut mempunyai pengalaman luas di dalam industri pengurusan dana, perubahan transformasi dan pengurusan perubahan serta tadbir urus korporat.

Beliau kini adalah Naib Penggerusi Majlis Pelabur Institut Malaysia, ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti, dan Ahli Institut Integriti Malaysia.

Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Prima Ekuiti (UK) Limited dan KWEST Sdn. Bhd. – kedua-duanya adalah anak syarikat milik penuh KWAP, dan ahli Lembaga Pengarah edotco Group Sdn Bhd. Beliau juga kini berkhidmat sebagai mentor untuk Yayasan Kepimpinan Wanita Malaysia.

Datuk Hajah Nik Amlizan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi/Perakaunan dari Claremont McKenna College, Amerika Syarikat pada tahun 1991.

Datuk Dr. Yacob bersara pada 5 Jun 2022 dan kemudiannya dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 3 Ogos 2022, selepas pelantikan semulanya sebagai Akauntan Negara Malaysia.

Datuk Dr. Yacob juga merupakan Akauntan Bertauliah (Malaysia), Felo Akauntan Pengamal Bertauliah (Australia) dan Akauntan Kewangan Awam Bertauliah (UK). Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dalam JANM. Beliau mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman berkhidmat dalam pelbagai jabatan kerajaan.

Kini, Datuk Dr. Yacob berkhidmat sebagai Pengarah Institusi Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (HASiL).

Datuk Dr. Yacob memiliki Ijazah Perakaunan dari Universiti Malaya, dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

**DATUK SITI ZAINAB
BINTI OMAR**

*Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007*



Datuk Siti Zainab merupakan ahli Lembaga sejak 1 Mac 2016.

Datuk Siti Zainab mengikuti pengajian undang-undang dan memperoleh LLB (Hons.) dari University of Essex, United Kingdom. Beliau diterima masuk dalam Bar England & Wales (Gray's Inn) pada tahun 1986. Pada tahun 1998, beliau telah menyertai Badan Peguam Malaysia sebagai Peguam Bela & Peguam Cara.

Beliau kini berkhidmat sebagai Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara. Datuk Siti Zainab memulakan kerjayanya dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara dan juga di banyak Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos serta Kementerian Kerja Raya. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka. Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Peguam Cara Perbendaharaan dan sebagai Peguam Cara Perbendaharaan pada tahun 2009.

Beliau mempunyai banyak pengalaman dalam bidang undang-undang yang meliputi perkara-perkara domestik dan antarabangsa. Beberapa bidang kepakaran beliau adalah berkaitan perkara penswastaan dan bidang undang-undang khusus lain seperti undang-undang perlembagaan, kewangan dan undang-undang Islam, korporat, kontrak dan undang-undang pembinaan. Beliau juga terlibat dan mengetuai banyak rundingan antarabangsa yang melibatkan Kerajaan Malaysia.

Semasa memegang jawatan, beliau telah diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan khas termasuk jawatan pengarah dalam badan-badan berkanun kerajaan dan syarikat-syarikat seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad, Usahasama SPNB-LTAT Sdn Bhd, Indah Water Konsortium Sdn Bhd, Sepang International Circuit Sdn Bhd, Syarikat Air Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Beliau juga dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa dalam Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang dalam Kewangan Islam yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia. Beliau kini merupakan Penggerusi Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan dan ahli Lembaga Pengarah Malaysia Rail Link (MRL) Sdn Bhd.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI LEMBAGA

DATO' MOHD SHAIFUL BIN IBRAHIM

Wakil Kerajaan Persekutuan
Seksyen 6(4)(e) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007



DATO' AZMI BIN ABDULLAH

Wakil Sektor Swasta
Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007



Dato' Mohd Shaiful telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 15 Disember 2022. Beliau kini adalah Pengarah Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam sejak 2020.

Dato' Mohd Shaiful mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam perkhidmatan kerajaan, khususnya dalam bidang Pendidikan Suruhanjaya Perkhidmatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau adalah Timbalan Kanan Pengarah di bawah Cawangan Operasi Perkhidmatan, Perkhidmatan Bahagian, Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pencen.

Dato' Mohd Shaiful berkelulusan Ijazah Perpustakaan dan Sains Maklumat dari Universiti Teknologi MARA dan Sarjana Teknologi Maklumat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga memiliki Diploma Awam Pentadbiran daripada Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN).

Dato' Azmi merupakan ahli Lembaga sejak 20 September 2012.

Beliau kini merupakan Pengarah Ireka Corporation Berhad. Beliau juga menganggotai ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad lain.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank yang pertama, di mana beliau telah berkhidmat selama empat tahun. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera-Commerce Bank Berhad, di mana beliau telah berkhidmat lebih dari 26 tahun dalam pelbagai jabatan. Beliau memperolehi B.A. (Kepujian) Ijazah Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan telah dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat dalam Pentadbiran Perniagaan dari UKM pada 16 Ogos 2006.

**YM RAJA TEH MAIMUNAH BINTI
RAJA ABDUL AZIZ**

Wakil Sektor Swasta

*Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007*



YM Raja Teh Maimunah dilantik sebagai ahli Lembaga sejak 15 Mei 2019. Beliau sebelum ini dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2019.

YM Raja Teh Maimunah mempunyai lebih 25 tahun pengalaman perkhidmatan kewangan merangkumi Perbankan Pelaburan, Borong, Islam dan Digital. Kini, beliau menjawat jawatan Pegawai Eksekutif ALS Digital Berhad. Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Urusan Perbankan Borong, Kumpulan Ambank dan Ketua Pegawai Eksekutif AmlInvestment Bank, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad, serta dalam masa yang sama bertindak sebagai Ketua Pegawai Operasi Inovasi Digital dan Transaksi Perbankan Kumpulan Hong Leong. Terdahulu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, Ketua Pegawai Korporat dan Ketua Perniagaan Antarabangsa di Kuwait Finance House Malaysia, Pengarah Kanan Bank Alkhair Bahrain (sebelum ini dikenali sebagai Unicorn Investment Bank) dan Ketua Pelaburan Perbankan di RHB Sakura Merchant Bank

(kini RHB Investment Bank). YM Raja Teh Maimunah juga pernah berkhidmat dalam Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (agensi pengurusan aset dan pemulihan hutang negara Malaysia) semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998 dan juga CIMB Investment Bank selama hampir 10 tahun di dalam bahagian hutang, permulaan ekuiti dan jualan ekuiti. Beliau memulakan kerjayanya di KPMG Peat Marwick Consultants.

Beliau telah dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat Undang-undang dari University of East London, United Kingdom dan memperoleh LLB (Kepujian) dari universiti yang sama.

YM Raja Teh Maimunah merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah untuk Amanah Warisan Negara dan Penasihat Perbankan dan Kewangan Islamik kepada Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia. Beliau juga menganggotai Lembaga Penasihat untuk PichaEats yang merupakan sebuah perusahaan sosial.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI LEMBAGA



DATO' SRI SHARIFAH SOFIANNY BINTI SYED HUSSAIN

Wakil Sektor Swasta

*Seksyen 6(4)(f) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007*

Dato' Sri Sharifah Sofianny dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2021 dan seterusnya dilantik sebagai Penggerusi KWEST pada 8 Mac 2021.

Kerjaya profesional Dato' Sri Sharifah telah berkembang daripada pengurusan kewangan korporat dalam salah sebuah syarikat minyak dan gas terbesar dunia, pembrokeran dan dagangan ekuiti, kepada mewujudkan struktur kewangan bagi korporat ternama dalam industri perbankan global.

Dari 1 Oktober 2015 hingga 30 September 2018, Dato' Sri Sharifah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah PETRONAS berprestij, satu-satunya syarikat Fortune 500 di Malaysia, membawa bersama beliau banyak pengalaman dalam industri minyak dan gas sejak beliau di Shell International. Sejak awal kerjayanya di Shell Malaysia, beliau menunjukkan keupayaan kewangan dan perundingan yang meliputi perairan serantau dan antarabangsa.

Dato' Sri Sharifah meninggalkan Shell Malaysia selepas 11 tahun yang cemerlang untuk memulakan kerjaya dalam pembrokeran saham yang beliau usahakan dengan jayanya selama 15 tahun di JF Apex, Maybank Investment Bank, dan Kenanga Investment Bank.

Kepimpinan dan visi peribadi beliau telah meninggalkan kesan yang berkekalan kepada perniagaan yang beliau terajui. Beliau telah menjadi pemangkin kepada perubahan organisasi yang telah membawa hasil yang lebih cekap dan menguntungkan, dengan mewujudkan peningkatan tumpuan dan akauntabiliti dalam pasukannya.

Kelebihan Dato' Sri Sharifah telah diiktiraf dalam kebolehannya untuk menggerakkan pemain industri, melangkaui sempadan melalui pembinaan hubungan kerja, dan melalui visi dan inovasi organisasinya, menambah nilai yang signifikan kepada perkhidmatan perniagaan pelanggannya. Beliau juga terkenal dengan penglibatan aktifnya dengan pelbagai NGO.

Pada 4 Mac 2021, beliau dilantik menjadi ahli Majlis Pekerjaan Negara (NEC) oleh Perdana Menteri Malaysia. Majlis ini ditubuhkan untuk menangani situasi pengangguran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan mewujudkan pekerjaan baharu bagi mereka yang terjejas.

Dato' Sri Sharifah berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dari University of Missouri, Columbia, Amerika Syarikat dan juga merupakan alumni London Business School yang berprestij.

**ENCIK ABDUL RAHMAN
BIN MOHD NORDIN***Wakil Pencarum**Seksyen 6(4)(g) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*

Encik Abdul Rahman telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2021.

Kini beliau merupakan Setiausaha Agung CUEPACS, dan telah memegang jawatan ini sejak tahun 2019. Beliau juga merupakan Presiden KESUKMA (Kesatuan Kakitangan Am Universiti Kebangsaan Malaysia) Universiti Kebangsaan Malaysia.

PELETAKAN JAWATAN/PERSARAAN AHLI LEMBAGA

Bil.	Nama Lembaga	Tarikh Peletakan Jawatan/ Bersara
1	Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman	16 Januari 2022
2	Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah	12 Disember 2022
3	Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin	4 Januari 2023

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN

**DATO' MOHAMAD NASIR
BIN AB LATIF**

Pengerusi Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(a) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007



Dato' Mohamad Nasir dilantik sebagai Penggerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 1 Mac 2021.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjayanya dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1982 dan memegang beberapa jawatan sebelum dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada Mei 2013. Jawatan yang disandangnya termasuk Pegawai Penguatkuasa Negeri antara 1990 hingga 1995, Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi antara 1995 hingga 2003, dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa pada Julai 2009 sebelum menjadi Ketua Pelaburan KWSP pada 2013. Beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP pada 31 Disember 2019.

Dato' Mohamad Nasir kini merupakan Penggerusi RHB Islamic Bank Berhad, PLUS Malaysia Berhad dan United Plantation Berhad. Beliau juga merupakan Lembaga Pengarah Malaysia Resources Corporation Berhad, RHB Bank Berhad dan Yinson Holdings Berhad.

Dato' Mohamad Nasir berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1989. Beliau kemudiannya memperoleh Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 dan Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Sterling, United Kingdom pada tahun 1999.

**ENCIK MOHAMMAD
REEZAL BIN AHMAD**

Wakil Kementerian Kewangan
Seksyen 7(2)(c) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007



Encik Mohammad Reezal dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 1 Mac 2021.

Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha, (Dasar Cukai Tidak Langsung & GST), Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Sebelum memegang jawatan terkini, beliau adalah Timbalan Ketua Ekonomi (Makroekonomi) di Fiskal dan Bahagian Ekonomi, MOF selepas memegang jawatan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, MOF.

Encik Mohammad Reezal memulakan kerjayanya pada tahun 1999 sebagai seorang Akauntan dalam Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian pada tahun 2000, beliau menyertai MOF sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Ekonomi dan Analisis Antarabangsa. Beliau pernah menjadi Ketua Strategi, Pejabat Dasar Fiskal di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, MOF. Dari tahun 2000 hingga 2022, beliau telah berkhidmat dengan MOF dan memegang pelbagai jawatan terutamanya berkaitan penggubalan dasar fiskal dan pengurusan makroekonomi. Beliau juga memantau prestasi kewangan dan tadbir urus badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Beliau turut berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Dasar dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala berkaitan pemantauan pematuhan pada perjanjian perdagangan pelbagai hala dan rundingan perdagangan antarabangsa.

Encik Mohammad Reezal kini memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Westports Malaysia Sdn Bhd dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS), Tokyo, Jepun pada tahun 2011.

**DATO' NOORAZMAN BIN ABD AZIZ***Wakil Sektor Swasta**Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan Wang
Persaraan 2007*

Dato' Noorazman merupakan ahli Panel Pelaburan sejak 23 Julai 2019 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Beliau kini merupakan Pengurus UEM Sunrise Berhad dan menganggotai Lembaga Pengarah UEM Edgenta Berhad, PLUS Malaysia Berhad, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan CTOS Digital Berhad.

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengurus Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, cabang yayasan Kumpulan UEM, dan Pengurus Lembaga Pemegang Amanah Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF). Pada tahun 2005, Dato' Noorazman telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Jurubank Asia pertama bagi Kewangan Islam.

Dato' Noorazman memulakan kerjayanya sebagai penganalisis pelaburan di Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1982. Beliau meninggalkan PERNAS tiga tahun kemudian untuk memulakan kerjaya cemerlang selama 25 tahun bersama Citigroup dalam bidang perbankan korporat, pelaburan, perpendaharaan dan pasaran kewangan. Dalam tempoh inilah beliau dipinjamkan ke Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di mana beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan Ketua Pegawai Operasi Bursa Saham Kuala

Lumpur Berhad. Selepas tempoh pinjaman tersebut, beliau menyertai Citibank Berhad semula sebagai Pengarah Urusan, Ketua Korporat dan Bank Pelaburan. Pada tahun 2005, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad dan kemudiannya menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Berhad. Beliau meninggalkan BIMB Holdings pada 2007 untuk mengasas bersama dan menjadi Pengarah Urusan di FajrCapital Limited, firma ekuiti persendirian berasaskan Syariah berpangkalan di Dubai dan seterusnya menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sehingga beliau bersara pada Jun 2019.

Dato' Noorazman juga menganggotai lembaga penasihat firma ekuiti persendirian Ancora Fund Management Co., Indonesia dan Creador Sendirian Berhad yang berpangkalan di Malaysia.

Dato' Noorazman memegang Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Louisiana State University, Amerika Syarikat. Beliau mempunyai keahlian dalam badan-badan profesional seperti Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF), Malaysia, Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM), dan Australian Institute of Corporate Directors (AICD), Australia.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL AHLI PANEL PELABURAN

ENCIK MOHAMED NAZRI BIN OMAR

Wakil Sektor Swasta

*Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*



DATO' MOHAMED ROSS BIN MOHD DIN

Wakil Sektor Swasta

*Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*



Encik Mohamed Nazri merupakan ahli Panel Pelaburan sejak 1 Mei 2016 sebagai wakil daripada sektor swasta.

Encik Mohamed Nazri kini merupakan Pengarah Urusan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad sejak 1 Mei 2014. Beliau memulakan kerjayanya di Citibank Berhad dan seterusnya berkhidmat di Macquarie Bank Limited serta RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai “RHB Investment Bank Berhad”). Encik Mohamed Nazri berkhidmat dalam beberapa jawatan sementara di Kuwait Finance House (M) Bhd, termasuk Pengarah Perbankan Pelaburan dan Ketua Pasaran Modal dan Nasihat.

Encik Mohamed Nazri memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan dari Cornell University, Amerika Syarikat.

Dato' Mohamed Ross dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2021.

Dato' Mohamed Ross memulakan kerjayanya di HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC) pada awal tahun 1972 dan berkhidmat dalam pelbagai kapasiti meliputi Perbankan Korporat dan Runcit serta Pengurusan Cawangan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Perbendaharaan Malaysia dan Ketua Audit Kumpulan Malaysia antara 1987 dan 1996. Dalam tempoh ini, beliau juga berkhidmat selama setahun di Hong Kong, London dan New York dalam bidang Pertukaran Asing dan Perbendaharaan. Sebagai Pengarah Urusan pada tahun 2003, beliau bertanggungjawab ke atas francais perniagaan persisiran Islam HSBC di Malaysia sehingga beliau bersara pada 31 Disember 2007.

Selepas bersara, Dato' Mohamed Ross telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dan Penasihat Kanan HSBC Amanah Takaful Malaysia Sdn Bhd sehingga Disember 2008. Pada masa yang sama dan sehingga April 2016, beliau juga merupakan Pengarah Bebas HSBC Amanah Malaysia Berhad, di mana beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Risiko dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan.

Dato' Mohamed Ross menyertai CIMB Group Holdings Berhad sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada April 2016. Pada masa yang sama, beliau juga dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad juga sebagai Penggerusi pada Mei 2017. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Kumpulan dan ahli Jawatankuasa Lembaga Risiko & Pematuhan serta Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Kumpulan.

Dato' Mohamed Ross kini juga menganggotai dua Lembaga Penasihat yang menyelia Dana Ekuiti Persendirian (Program Ekuinas OFM) sebagai ahli Bebas. Di samping itu, beliau juga memegang jawatan sebagai Pemegang Amanah dalam Lembaga Zakat Selangor dan Pengarah Bebas dalam Lembaga di sebuah syarikat Pengurusan Aset.

**ENCIK ANTHONY LIM
CHOON ENG**

*Wakil Sektor Swasta
Seksyen 7(2)(e) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*

Encik Anthony Lim dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 1 Mac 2021.

Selama 33 tahun kerjayanya, pengalaman Encik Anthony merentasi perbankan korporat dan pelaburan, pasaran modal dan pertuduhan, serta pengurusan risiko dan ekuiti persendirian. Beliau memulakan kerjayanya bersama Kumpulan Perbankan ANZ, Australia pada tahun 1987 sebagai peniaga dalam pasaran kadar faedah dan pasaran modal dan kemudiannya menyertai St. George Bank, Australia yang meliputi pasaran pendapatan tetap dan derivatif. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1994 dan dilantik sebagai Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Futures Sdn Bhd untuk menubuhkan perniagaan derivatif kewangan di bawah Kumpulan Maybank.

Pada tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif/Ketua Kumpulan, Pengurusan Risiko dari 2005 hingga 2009 sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi, Maybank Investment Bank (terdahulu dikenali sebagai Aseambankers Malaysia Berhad) yang bertanggungjawab ke atas kewangan, teknologi maklumat, operasi dan pematuhan kawal selia dan pengurusan risiko. Beliau kemudiannya menyertai Implico GmbH, Jerman dan Malaysia dari 2010 hingga 2014 sebagai Pelabur/Pengarah Ekuiti Persendirian. Pada 2011, beliau menyertai Sumitomo Mitsui Banking Corporation Berhad, Malaysia sebagai Pengarah Bebas dan Penggerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk bank yang sama dari 2015 hingga 2020.

Encik Anthony Lim berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Kewangan Gunaan dari Macquarie University, Sydney dan merupakan Felo Institut Perbankan dan Kewangan Australia, Australia. Beliau merupakan Jurubank Bertauliah dengan Institut Jurubank Bertauliah Asia dan telah menghadiri kedua-dua Program Pengurusan Lanjutan dan Program Kepimpinan Kanan di Wharton School of Business, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.

**DATUK HAJAH NIK
AMLIZAN MOHAMED**

*Ketua Pegawai Eksekutif
Setiausaha Panel Pelaburan
Seksyen 7(2)(d) Akta Kumpulan
Wang Persaraan 2007*

Datuk Hajah Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 2 November 2020. Profil penuhnya tersedia di muka surat 88.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL PENGURUSAN KANAN



**DATUK HAJAH NIK
AMLIZAN MOHAMED**

Ketua Pegawai Eksekutif

Datuk Hajah Nik Amlizan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pada 2 November 2020. Profil penuhnya tersedia di muka surat 88.



**ENCIK HAZMAN HILMI
BIN SALLAHUDDIN**

Ketua Pegawai Pelaburan

Encik Hazman Hilmi dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada 3 Januari 2022. Sebelum ini beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) dan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AMAL Malaysia Airlines yang merupakan sebuah syarikat milik penuh anak syarikat Malaysia Aviation Group. Sebelum itu, beliau telah berkhidmat selama 12 tahun di Khazanah Nasional Berhad di mana beliau memegang pelbagai jawatan di organisasi tersebut, termasuk sebagai Naib Presiden Khazanah Europe Investment Limited yang berpengkalan di London, Naib Presiden Khazanah Turkey Regional Office yang berpengkalan di Istanbul. Beliau mempunyai pengalaman yang merangkumi pelbagai sektor dalam ekuiti swasta dan pelaburan modal teroka yang bertumpukan pada strategi, pelaksanaan pelaburan, perjanjian rundingan dan perancangan bagi penciptaan nilai.

Beliau berkelulusan MEng (Kepujian Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan, Ekonomi dan Pengurusan dari Balliol College, Universiti Oxford serta MSc dalam Penyelidikan Operasi dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom.



**ENCIK HAIZAD RIZAL
BIN A AZIZ**

Ketua Pegawai Kewangan

Encik Haizad Rizal mempunyai pengalaman melebihi dua dekad dalam perkhidmatan kewangan dan telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Sime Darby Oils, SME Bank Group dan Johawaki Group sebelum ini. Beliau mulakan kerjayanya di Ireland selama sembilan tahun dengan BDO Simpson Xavier, Daiwa Europe Fund Managers dan KPMG Ireland. Selepas itu, beliau menyertai RHB Banking Group pada tahun 2009 di mana beliau menyandang pelbagai jawatan.

Beliau juga merupakan Felo Akauntan Bertauliah (FCA) dari Institute of Chartered Accountants (ICAI), Ireland dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan dari Dublin Business School. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan dan Kepimpinan di Said Business School, Universiti Oxford.



**ENCIK MAZ MIRZA BIN
MOHD AMNURASHID**

Ketua Pegawai Digital

Encik Maz Mirza telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Digital Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] yang pertama pada 3 Oktober 2022.

Encik Maz Mirza mempunyai pengalaman selama 25 tahun dalam bidang Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber. Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Teknologi Maklumat di Puspakom sebelum menyertai Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) sebagai Ketua Jabatan Teknologi Maklumat. Pada awal kerjayanya, beliau juga telah berkhidmat di beberapa anak syarikat Kumpulan Sime Darby selama 13 tahun.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Komputer daripada University of Cambridge, United Kingdom pada tahun 1997.



**ENCIK AZLAN
BIN HUSSIN**

Ketua Jabatan Ekuiti

Encik Azlan mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam pengurusan portfolio. Sebelum ini, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Amanah Asset Management Berhad di mana beliau berjaya mengembangkan aset di bawah pengurusan kepada RM4 bilion daripada saiz awal sebanyak RM300 juta.

Encik Azlan memulakan kerjayanya dengan SBB Asset Management (SBBAM) sebagai Penganalisis Pelaburan dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Naib Presiden Pelaburan menguruskan portfolio berjumlah RM800 juta.

Seterusnya, beliau menyertai AmanahRaya-JMF Asset Management sebagai Pengurus Besar untuk Pelaburan Ekuiti di mana beliau menguruskan portfolio bernilai RM1 bilion dari dana amanah, kerajaan negeri, korporat dan termasuk KWSP. Beliau juga bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan garis panduan pelaburan keseluruhan untuk AmanahRaya Berhad.



**ENCIK MOHAMED KHABIR
BIN REEZA MUSTAFFA**

Ketua Jabatan Pendapatan Tetap

Encik Mohamed Khabir mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam pasaran kewangan yang meliputi pelbagai institusi seperti kawal selia, pembangunan serta pengurusan dana.

Beliau memulakan kerjayanya di Bank Negara Malaysia dan kemudian berpindah ke SME Development Bank di mana beliau mengetuai Jabatan Perbendaharaan dan Pelaburan.

Beliau kini merupakan Ketua di Jabatan Pendapatan Tetap KWAP di mana beliau menyelia pengurusan pelbagai produk termasuklah bon, derivatif serta pasaran wang bagi portfolio domestik dan antarabangsa.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Teknologi Mara dan merupakan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM).



**ENCIK SAIFULBAHRI
BIN HASSAN**

*Ketua Jabatan Ekuiti
Persendirian*

Encik Saifulbahri mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam sektor berkaitan teknologi, dari perkhidmatan IT hingga pembuatan. Beliau mempunyai pendedahan melebihi 15 tahun di dalam pelaburan ekuiti persendirian dan modal terokaan melalui pelbagai peringkat dari pembangunan perusahaan hingga keperluan pendanaannya. Beliau juga aktif dalam meluaskan ekosistem pelaburan persendirian domestik dan antarabangsa dengan mempengaruhi penubuhan polisi hingga membina hubungan eko-sistem antarabangsa.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of Missouri-Kansas City, Amerika Syarikat dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan dari Islamic International University, Malaysia.



**ENCIK AHMAD SHAKIR
BIN MOHD ASRI**

*Ketua Jabatan Pelaburan
Hartanah*

Encik Ahmad Shakir mempunyai lebih 15 tahun pengalaman dalam pelbagai jawatan, dengan lebih daripada 10 tahun dalam bidang pelaburan merentasi kelas aset yang berbeza. Baru-baru ini, beliau telah menyertai Jabatan Hartanah pada 2019 selepas berkhidmat sebagai Pegawai Utama di Prima Ekuiti (UK) Limited, anak syarikat milik KWAP di United Kingdom. Terdahulu, beliau telah menyertai KWAP sebagai Pengurus Dana Ekuiti pada 2014 selepas hampir tujuh tahun di Bank Negara Malaysia.

Beliau telah lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari University of Warwick, United Kingdom. Encik Ahmad Shakir juga merupakan pemegang CFA.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL PENGURUSAN KANAN



**ENCIK NAZAIFUL AFFENDI
BIN ZAINAL ABIDIN**

*Ketua Jabatan Strategi Portfolio
dan Penyelidikan*

Encik Nazaiful Affendi mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam pasaran modal termasuk peranan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Kewangan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Kewangan/Ekonomi, dari institusi yang sama. Selain itu, beliau telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN Ke-4 yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.



**ENCIK MOHD FAIZAL
BIN MOHD YUSOF**

*Ketua Jabatan Strategi
Korporat*

Encik Mohd Faizal mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam perakaunan, strategi dan perancangan korporat, kewangan korporat dan khidmat nasihat kewangan. Beliau memulakan kerjayanya di PricewaterhouseCoopers di mana beliau mempunyai lebih tujuh tahun pengalaman dalam menyediakan audit berkanun kewangan dan khidmat nasihat kepada syarikat multinasional, entiti awam dan swasta terutamanya dalam sektor perladangan, pengguna & perindustrian, pembangunan harta tanah dan infrastruktur.

Beliau menyertai Felda Global Ventures (FGV) pada tahun 2010 di mana beliau bersama-sama mengetuai pasukan kewangan korporat dalam latihan Tarawan Awal Permulaan (IPO) Malayan Sugar Manufacturing (MSM) Berhad dan FGV Berhad. Beliau kemudian menyertai KWAP sebagai Naib Presiden Kewangan Korporat pada tahun 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari Royal Melbourne Institute of Technology University dan merupakan ahli CPA Australia sejak 2005.



**ENCIK KHAIRUL AZWA
BIN KAMALUL BAHRIN**

*Ketua Jabatan Pengurusan
Risiko dan Pematuhan*

Encik Khairul Azwa mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan dari University of Wales, Cardiff, UK dan Ijazah LL.B (Kepujian), University of Liverpool, UK. Beliau adalah Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM), Global Association of Risk Professionals.



**TUAN SYED ALI HAIDAR
BIN SYED SHAHABUDDIN**

*Ketua Jabatan Undang-Undang
dan Kesetiausahaan*

Tuan Syed Ali Haidar mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun bekerja dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Bahagian Perundangan KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan ijazah LL.B (Hons) University of Glamorgan, Wales, United Kingdom dan memperolehi Sijil Amalan Guaman, (CLP), Malaysia.

- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI DIGITAL
- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI PELABURAN

- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI KEWANGAN
- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**PUAN SITI ILMIAH
BINTI RAMLI**

Ketua Jabatan Sumber
Manusia

Puan Siti Ilmiah mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai pengamal undang-undang di organisasi bukan keuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan asing di Malaysia. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperolehi ijazah LL.B (Kepujian) dari University of London, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia.



**ENCIK MOHD NASIR
BIN AB. HADI**

Ketua Pejabat Integriti dan
Tadbir Urus

Sebelum menyertai KWAP, Encik Mohd Nasir merupakan Ketua Pendidikan Integriti dan Komunikasi, Kumpulan Integriti Petronas sejak tahun 2013.

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai pengamal anti-rasuah sewaktu berkhidmat dengan MACC sejak tahun 1984 hingga tahun 2005. Beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 2001 hingga 2003.

Beliau mempunyai lapan tahun pengalaman sebagai pengamal Perhubungan Perindustrian sewaktu berkhidmat dengan Bahagian Hal Ehwal Dalam Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari 2005 hingga 2013. Beliau telah menjadi Ahli Panel Mahkamah Perindustrian Kuala Lumpur dari tahun 2010 hingga tahun 2012.

Beliau merupakan Ahli Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeO) sejak tahun 2012 dan Presiden ACeO dari tahun 2016 hingga 2018. Beliau merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda [LL.B (Kepujian)] dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).



**ENCIK HAMKHUSHAIRI
BIN JAHARI**

Ketua Jabatan Audit Dalam

Encik Hamkhushairi mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun bekerja dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Pengurus Kanan Audit Negara di Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Pengurus Risiko Kanan di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sebagai Penyelia Kanan untuk beberapa tahun.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memperolehi Sijil Audit Dalam dan Risiko Perniagaan daripada Institut Juruaudit Dalam Berkanun, United Kingdom. Beliau adalah Akauntan Berkanun di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Institut Juruaudit Dalam Berkanun, United Kingdom.

KEPIMPINAN KAMI

PROFIL PENGURUSAN KANAN



**ENCIK MUHAMAD HAFIZ
BIN ABAS**

*Ketua Jabatan Perkhidmatan
Persaraan*

Encik Muhammad Hafiz berpengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang audit dalam, pengurusan risiko serta pengurusan operasi. Sebelum berkhidmat dengan KWAP, beliau merupakan ketua pengurusan risiko di RHB Insurance Berhad dan juruaudit dalam di Public Bank Berhad.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Ekonomi dari New York University, Amerika Syarikat dan memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.



**PUAN NAJIHAH
BINTI MOHAMAD NORWI**

*Ketua Jabatan Akaun dan
Kewangan*

Puan Najihah mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun sebagai akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang Akauntan Bertauliah dengan lulusan CPA Australia dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.



**PUAN FAROZA
BINTI MOHAMED SOHOR**

Ketua Jabatan Caruman

Puan Faroza mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam Tadbir Urus, Transformasi, Penambahbaikan Proses Perniagaan, Sistem Maklumat Pengurusan dan Pengurusan Data.

Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Sistem Maklumat Pengurusan di Asian Finance Bank Berhad (AFB), sebuah Bank Islam yang disokong oleh Qatar Islamic Bank Group dan kini dikenali sebagai MBSB Bank Berhad.

Beliau telah berkhidmat di AmBank Malaysia di mana beliau mengurus dan menerajui pinjaman berkanun tidak berbayar dan laporan pengurusan untuk perbankan pelanggan dengan melaksanakan peningkatan aplikasi perniagaan untuk produk konvensional dan perbankan Islam.

Beliau memegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Sains Gunaan Pelaburan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2008 dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dari Oklahoma State University, Oklahoma Amerika Syarikat pada tahun 1996. Beliau juga memperolehi Diploma Perbankan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 1992.



**ENCIK MD HAYRANI
BIN MIRESO**

*Ketua Jabatan Operasi
Pelaburan*

Encik Md Hayrani menyertai KWAP pada tahun 2007. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun bekerja sebagai akauntan serta perpendaharaan dan pendapatan tetap dalam industri perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pengurus di Bahagian Perpendaharaan, Jabatan Perpendaharaan dan Pelaburan di Bank Simpanan Nasional.

Beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau adalah ahli Akauntan Berkanun di bawah Institut Akauntan Malaysia dan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (AGI Malaysia).

- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI DIGITAL

- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI PELABURAN

- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI KEWANGAN

- MELAPOR KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**ENCIK ABDUL RAZAK
BIN JABAR**

*Ketua Jabatan Strategi
Digital dan Perkhidmatan*

Encik Abdul Razak mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam industri Teknologi Maklumat. Sebelum KWAP, beliau merupakan perunding kanan di sebuah syarikat tempatan dan syarikat multinasional yang melaksanakan perisian dan sistem dalam industri perkhidmatan kewangan.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat) dari Charles Sturt University, Australia. Beliau juga merupakan Juruaudit Utama Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001 yang diperakui, dan mempunyai sijil di ITIL v3 Foundation dan COBIT v5.



**PUAN NOR FARIDAH
BINTI AMIN**

*Ketua Jabatan Komunikasi
Strategi*

Beliau merupakan graduan Pemasaran dengan pengalaman melebihi 20 tahun di dalam bidang jualan, pemasaran dan promosi, komunikasi dan pengurusan acara.

Sebelum menyertai KWAP, beliau pernah berkhidmat di Asia Unit Trusts Berhad dan Prudential BSN Takaful, bagi mengendalikan pemasaran, penjenamaan dan komunikasi.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pemasaran dari Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

PELETAKAN JAWATAN/PERSARAAN BARISAN PENGURUSAN KANAN

Bil.	Nama Pengurusan Kanan	Tarikh Peletakan Jawatan/Bersara
1	Encik Nik Ahmad Fauzan Bin Nik Mohamed	31 Ogos 2022
2	Puan Tursina Binti Yaacob	14 Julai 2022

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dengan pelbagai latar belakang, mewakili Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pencarum yang penting untuk pencapaian strategik keseluruhan KWAP.

Seksyen 6 Akta 662 (Akta KWAP) menetapkan bahawa Lembaga harus terdiri daripada ahli-ahli berikut, yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- i. Pengerusi, yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- ii. Seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- iii. Seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- iv. Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli *ex-officio*;
- v. Tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- vi. Tiga (3) orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- vii. Seorang wakil daripada pencarum kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap Ahli Lembaga ada dibentangkan di muka surat 86 hingga 93 Laporan Tahunan ini.

Pada tahun 2022, tempoh pelantikan untuk Datuk Dr Yacob Bin Mustafa telah berakhir berikutan persaraan beliau pada 5 Jun 2022. Sehubungan itu, Menteri Kewangan telah meluluskan pelantikan semula Datuk Dr Yacob selaku ahli Lembaga KWAP pada 3 Ogos 2022, sejajar pelantikan semula beliau selaku Akauntan Negara Malaysia.

Berikut adalah ahli-ahli Lembaga baharu yang dilantik pada 2022:

- i. Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam yang baharu, yang dilantik pada 1 Mac 2022 bagi menggantikan Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman yang telah bersara pada 16 Januari 2022; dan
- ii. Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim dilantik pada 15 Disember 2022, bagi menggantikan Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah yang tamat perkhidmatannya dengan Kerajaan Malaysia pada 12 Disember 2022.

PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta KWAP dan sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan amalan terbaik seperti disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG) dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP adalah berbeza dan terpisah.

Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan dan memastikan keberkesanan mesyuarat Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap operasi harian, pentadbiran dan pengurusan KWAP yang termasuk pemantauan keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan mengikut Akta KWAP.

Seksyen 9 (1) Akta KWAP menyatakan bahawa Lembaga hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif dengan terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditetapkan ke atas beliau oleh Akta ini atau sebagaimana yang diberikan atau ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pengurusan dalam mengendalikan pentadbiran harian KWAP dan para pekerjanya. Ketua Pegawai Eksekutif juga ialah seorang ahli *ex-officio* Lembaga serta Setiausaha Panel Pelaburan.

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA

Di bawah Seksyen 6 Akta 662, Lembaga harus bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan KWAP. Lembaga adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan mengawasi pengurusan KWAP dengan memberi fokus terhadap melindungi dan meningkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan.

Selaras dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai sebahagian daripada fungsinya, Lembaga merangka dan menentukan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar dan prosedur-prosedur untuk memastikan KWAP mencapai objektif dengan berjaya dan cemerlang.

INISIATIF SEAJAR DENGAN PRINSIP-PRINSIP TADBIR URUS YANG BAIK UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT PELABURAN BERKAITAN KERAJAAN (PGG)

Demi peningkatan berterusan dalam kepimpinan dan prestasi Lembaga serta Panel Pelaburan, KWAP telah melaksanakan Penilaian Keberkesan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEA) pada suku keempat 2022, agar peranan mereka dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Ini juga sejajar dengan Prinsip-prinsip Tadbir Urus Baik Bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada April 2022, yang menyatakan bahawa “penilaian ke atas ahli Lembaga yang dijalankan oleh pakar-pakar bebas dilaksanakan sekali pada setiap tahun”.

Lembaga menggalas beberapa tugas khusus seperti mengawasi pengendalian operasi yang betul, mengenal pasti bidang risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalam seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga. Lembaga dipandu oleh Piagam yang mewujudkan jadual rasmi hal-hal berkaitan dan menggariskan jenis-jenis maklumat yang diperlukan untuk perhatian dan perbincangan di mesyuarat Lembaga. Piagam Lembaga dikaji semula secara berkala pada setiap dua tahun dan/ atau pada bila-bila masa diperlukan.

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN

Menstruktur Lembaga yang Berprestasi Tinggi

KWAP berhasrat untuk mewujudkan struktur Lembaga yang selaras dengan keperluan organisasi. Bagi membolehkan Lembaga beroperasi dengan berkesan dan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya kepada hal-hal berkaitan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga membantu dalam memenuhi fungsi pengawasan. Terma rujukan bagi setiap Jawatankuasa Lembaga mentakrif peranan jawatankuasa dengan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga. Ahli-ahli Lembaga dipilih berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Akta KWAP. Prestasi Lembaga secara keseluruhan dan bagi setiap ahli dinilai dan ditaksir dengan kerap.

Memastikan Keberkesan Operasi dan Interaksi Lembaga

Keberkesan operasi dan interaksi Lembaga memerlukan mesyuarat yang produktif. KWAP memastikan semua maklumat Lembaga adalah berkualiti dan terkini, selaras dengan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik agar Lembaga boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diterima. Kepercayaan terbina melalui interaksi positif, dinamik dan komunikasi terbuka dalam Lembaga dan dengan pihak Pengurusan.

Memenuhi Peranan dan Tanggungjawab Asas Lembaga

Lembaga memberi panduan kepada pihak Pengurusan dalam membangunkan strategi korporat dan hala tuju dasar dan menetapkan sasaran bagi prestasi dan pengurusan. Ia mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh di samping mengamalkan fungsi pemantauan. Ia juga mengawasi kemajuan pemimpin masa hadapan organisasi dan modal insan bagi memastikan kesinambungan dan menguruskan risiko organisasi. Lembaga memastikan tanggungjawab kepada pihak berkepentingan dipenuhi dengan menerima pakai perspektif pemegang saham apabila membuat keputusan serta mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang sah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Mesyuarat Lembaga

Akta KWAP menetapkan Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun. Walaubagaimanapun, seperti lazimnya, Lembaga berusaha untuk bermesyuarat secara kerap dengan minimum lapan kali setahun, untuk perancangan dan hala tuju strategik KWAP, perancangan perniagaan dan bajet, laporan prestasi serta untuk mengkaji semula prestasi KWAP. Mesyuarat tambahan diadakan untuk membincangkan hal-hal yang penting dan memerlukan perhatian segera. Notis yang mencukupi diberikan tepat pada masanya bagi semua mesyuarat berjadual dan tambahan bagi Lembaga.

Pada tahun kewangan 2022, 11 mesyuarat Lembaga dan dua Mesyuarat Lembaga Khas telah diadakan. Prosiding untuk semua mesyuarat Lembaga termasuk isu berbangkit, soalan-soalan yang dikemukakan dan maklum balas berkaitan turut dibentangkan dan direkod dalam minit-minit mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa berkenaan. Sekiranya perlu, keputusan akan dibuat melalui pengedaran pekeliling. Keputusan melalui pengedaran pekeliling memerlukan kelulusan majoriti mudah yang akan dilaporkan semasa mesyuarat Lembaga yang berikutnya untuk makluman.

Kehadiran mesyuarat bagi Ahli-ahli Lembaga untuk tahun 2022 dibentangkan dalam jadual berikut:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin ¹ Pengerusi	11/13
2	Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah ²	3/11
3	Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa	12/13

Bil.	Nama	Kehadiran
4	Datuk Siti Zainab Binti Omar	9/13
5	Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin	11/13
6	Dato' Azmi Bin Abdullah	13/13
7	Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid	10/13
8	YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz	8/13
9	Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain	13/13
10	Encik Abdul Rahman Bin Haji Mohd Nordin	12/13
11	Dato' Mohd Shaiful Bin Ibrahim ³	- (Tiada mesyuarat Lembaga diadakan selepas 15 Disember 2022)
12	Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman ⁴	- (Tiada Mesyuarat Lembaga diadakan sebelum 16 Januari 2022)
13	Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed	13/13

¹ Peletakan jawatan sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan pada 4 Januari 2023 dan pemberhentian menjadi Ahli Lembaga KWAP pada hari yang sama.

² Dilantik pada 1 Mac 2022; perkhidmatan dengan Kerajaan Malaysia berakhir pada 12 Disember 2022 dan tamat menjadi Ahli Lembaga pada hari yang sama.

³ Dilantik pada 15 Disember 2022.

⁴ Bersara daripada Perkhidmatan Kerajaan pada 16 Januari 2022 dan tamat menjadi Ahli Lembaga KWAP pada hari yang sama.

Pihak Lembaga juga bertanggungjawab untuk kejayaan jangka masa panjang KWAP dan kepada pihak berkepentingan dalam memastikan KWAP diurus dengan berkesan dan mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan. Pihak Lembaga menunaikan tanggungjawab ini melalui mesyuarat Lembaga dan memberi fokus kepada beberapa bidang khusus seperti strategi, tadbir urus dan prestasi.

Cadangan-cadangan utama diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

- i. Kad Skor Korporat dan Keputusan Kewangan KWAP bagi 2021;
- ii. Pelan Perniagaan dan Kad Skor Korporat KWAP bagi 2023;
- iii. Cadangan untuk Meluluskan Strategi Pelaburan 2023 dan Sasaran Pulangan;
- iv. Penyata Kewangan Teraudit KWAP bagi Tahun Kewangan 2021;
- v. Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2023;
- vi. Pelaksanaan Cadangan Inisiatif Privasi Data (Fasa 2);
- vii. Kelulusan Pelan Tindakan 5-Tahun KWEST Sdn Bhd;
- viii. Cadangan untuk Meluluskan Pelan Perniagaan untuk Prima Ekuiti (UK) Limited;
- ix. Cadangan untuk Mempertingkatkan Struktur Tadbir Urus Prima Ekuiti (UK) Limited;
- x. Cadangan mengenai Program MySTEP 2022 untuk KWAP;
- xi. Pelaksanaan Struktur Organisasi yang Dipertingkatkan;
- xii. Cadangan untuk Mengemaskini Polisi Perakaunan untuk KWAP;
- xiii. Kemaskini dan Kelulusan Cadangan Semakan yang Menyasarkan Pelan Pelaksanaan Model Operasi;
- xiv. Cadangan Semakan ke atas Terma-terma Rujukan untuk Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga KWAP;
- xv. Cadangan Penyelarasian Semula Jawatankuasa-jawatankuasa Barisan Pengurusan dan Kumpulan-kumpulan Bekerja;
- xvi. Cadangan Pelan Strategi Penjenamaan KWAP;
- xvii. Cadangan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat; dan
- xviii. Cadangan untuk Meluluskan Kerangka Pengalaman Pelanggan (CX) KWAP

Selain daripada kelulusan kertas kerja, pihak Lembaga KWAP juga membincangkan laporan-laporan yang dibentang bagi pemberitahuan secara bulanan atau suku tahunan seperti berikut:

- i. Makluman mengenai laporan-laporan prestasi dan aktiviti- aktiviti pelaburan;
- ii. Makluman mengenai laporan-laporan kewangan;
- iii. Makluman mengenai ulasan prestasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- iv. Laporan suku tahunan caruman pencen;
- v. Laporan Kemajuan Pelaksanaan TERAS 5; dan
- vi. Laporan suku tahunan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PANEL PELABURAN

Akta KWAP memerlukan penubuhan Panel Pelaburan, badan yang bertanggungjawab bagi hal-hal berkaitan dengan pelaburan dana, diwujudkan di bawah Seksyen 7(1) Akta KWAP. Panel Pelaburan secara amnya bertanggungjawab mengesyorkan dasar-dasar dan strategi-strategi pelaburan yang relevan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, Panel Pelaburan mempunyai kuasa dan had seperti yang dinyatakan di bawah Akta KWAP, Dasar Pelaburan KWAP, Garis Panduan Pelaburan dan/atau lain-lain dasar berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut, sebagaimana ditetapkan dalam Seksyen 7(2) Akta, dan akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- i. Pengerusi yang juga merupakan Pengerusi Lembaga atau seorang individu lain yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan (Seksyen 7(2)(a) Akta KWAP);
- ii. Wakil daripada Kementerian Kewangan (Seksyen 7(2)(c) Akta KWAP);
- iii. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi Setiausaha Panel Pelaburan (Seksyen 7(2)(d) Akta KWAP); dan
- iv. Empat (4) orang individu lain daripada sektor awam atau swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan (Seksyen 7(2)(e) Akta KWAP).

Profil ringkas bagi setiap Ahli Panel Pelaburan dibentang pada muka surat 94 sehingga 97 dalam Laporan Tahunan ini.

Tugas Utama dan Tanggungjawab Panel Pelaburan

Panel Pelaburan ditadbir oleh Seksyen 7(1) Akta ini dan bertanggungjawab terutamanya bagi meluluskan hala tuju strategik KWAP berkaitan dengan semua hal-hal pelaburan termasuk strategi dasar pelaburan, garis panduan dan pengagihan aset, serta hala tuju atau keputusan-keputusan untuk semua cadangan-cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya jika diperlukan, Panel Pelaburan akan melaporkan aktiviti-aktivitinya kepada Lembaga dan akan bertindak mengikut dasar umum yang mungkin dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Pada tahun 2022, 12 mesyuarat Panel Pelaburan dan empat mesyuarat Panel Pelaburan Khas telah diadakan. Ringkasan kehadiran mesyuarat Ahli-ahli Panel Pelaburan dibentangkan seperti dalam jadual berikut:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Mohamad Nasir Bin Ab Latif – Pengerusi	16/16
2	Encik Mohammad Reezal Bin Ahmad	13/16
3	Dato' Noorazman Bin Abd Aziz	15/16
4	Dato' Mohamed Ross Bin Mohd Din	15/16
5	Encik Mohammed Nazri Bin Omar	9/16
6	Encik Anthony Lim Choon Eng	16/16
7	Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed	15/16

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga dalam menjalankan tugasnya, ahli Lembaga telah mewujudkan pelbagai jawatankuasa bagi menyelia perkara-perkara khusus berkaitan operasi KWAP iaitu Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Integriti, Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga menurut Terma Rujukan yang disediakan dalam Piagam Lembaga.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, pelbagai perkara telah dibincangkan, disahkan, diluluskan dan dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Susulan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga memberi pihak Lembaga ringkasan keputusan utama, perkara-perkara perbincangan dan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga serta mesyuarat-mesyuarat Panel Pelaburan telah dibentangkan kepada pihak Lembaga untuk makluman. Oleh itu, ahli-ahli bukan jawatankuasa sentiasa dimaklumkan dengan usaha yang dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga.

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) ditubuhkan bagi menyelia proses laporan kewangan dan kerangka kawalan dalam Kumpulan KWAP selain membantu Lembaga dalam menilai kecukupan kawalan dalam proses-proses dan prosedur-prosedur yang dilaksanakan agar sejajar dengan undang-undang, peraturan dan kawal selia yang berkaitan serta arahan-arahan dan garis panduan yang dibina oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan.

Keahlian

Sehingga kini, BAC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- i. Dato' Azmi Bin Abdullah – Pengerusi;
- ii. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa – Ahli;
- iii. Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin - Ahli;
- iv. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain – Ahli; dan
- v. Datuk Siti Zainab Binti Omar – Ahli¹

Dato' Azmi Bin Abdullah adalah ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA).

Empat mesyuarat BAC dan empat mesyuarat BAC Khas telah diadakan sepanjang tahun 2022.

Kehadiran Mesyuarat BAC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Azmi Bin Abdullah - Pengerusi	8/8
2	Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa	6/8
3	Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin	8/8
4	Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain	8/8
5	Datuk Siti Zainab Binti Omar ¹	2/2

Ringkasan Akitiviti BAC:

Antara perkara-perkara utama dibincang oleh BAC pada tahun 2022 adalah:

- i. Penyata Kewangan Disatukan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021;
- ii. Perancangan Audit Dalam 2022;
- iii. Keputusan Kad Skor Jabatan Audit Dalam 2021;
- iv. Inisiatif-inisiatif Jabatan Audit Dalam pada 2022;
- v. Laporan Aktiviti Audit; dan
- vi. Kajian semula audit dalam dan isu audit beberapa jabatan dalam KWAP.

¹ Dilantik pada 26 Ogos 2022.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA INTEGRITI

Jawatankuasa Lembaga Integriti (BIC) ditubuhkan bagi membantu Lembaga dalam menyelia pelaksanaan fungsi-fungsi integriti, pencegahan rasuah, dan tadbir urus di dalam KWAP dan/atau anak-anak syarikat KWAP, mengikut kes dan pemantauan isu-isu berkaitan, dan memastikan tindakan-tindakan yang mencukupi untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus yang baik di dalam organisasi.

Keahlian

Sehingga kini, BIC terdiri daripada lima ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- i. Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah - Pengerusi¹;
- ii. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa - Ahli;
- iii. Datuk Siti Zainab Binti Omar - Ahli;
- iv. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin – Ahli; and
- v. YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz-Ahli²

Dua mesyuarat BIC telah diadakan sepanjang tahun 2022.

Kehadiran Mesyuarat BIC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah - Pengerusi	2/2
2	Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa	1/1
3	Datuk Siti Zainab Binti Omar	2/2
4	Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin	2/2
5	YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abdul Aziz ²	1/1

Ringkasan Aktiviti BIC:

Isu-isu utama yang dibincangkan oleh BIC pada tahun 2022 ialah:

- i. Cadangan Semakan Terma Rujukan (TOR) bagi BIC;
- ii. Cadangan Penggunaan Polisi Anti-Rasuah KWAP oleh Anak-anak Syarikat; dan
- iii. Cadangan mengenai Inisiatif Pejabat Integriti dan Tadbir Urus bagi 2023.

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO DAN PEMATUHAN

Jawatankuasa Lembaga Risiko dan Pematuhan (BRCC) ditubuhkan bagi membantu Lembaga menyemak strategi-strategi pengurusan risiko, menentukan selera risiko, menyemak kerangka pengurusan risiko, polisi-polisi dan had, menyemak pendedahan risiko dan menyelia keseluruhan pengurusan risiko.

Keahlian

Sehingga kini, BRCC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- i. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain – Pengerusi;
- ii. Dato' Azmi Bin Abdullah – Ahli
- iii. Encik Adnan Zaylani Bin Mohd Zahid – Ahli
- iv. YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz - Ahli
- v. Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin – Ahli³

Enam mesyuarat BRCC telah diadakan sepanjang tahun 2022.

¹ Dilantik pada 15 Mac 2022 dan meletakkan jawatan pada 12 Disember 2022.

² Dilantik pada 26 Ogos 2022.

³ Dilantik pada 26 Ogos 2022.

Kehadiran Mesyuarat BRCC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain	6/6
2	Dato' Azmi Bin Abdullah	6/6
3	Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid	4/6
4	YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz	6/6
5	Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin ¹	2/2

Ringkasan Aktiviti BRCC:

Isu-isu utama yang dibincangkan oleh BRCC pada tahun 2022 ialah:

- i. Cadangan untuk Kemaskini Dokumen Kerangka Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) (daripada COSO 2004 kepada ISO 31000);
- ii. Cadangan untuk Meluluskan Semakan ke atas Peruntukan Potongan Kerugian untuk Portfolio Ekuiti;
- iii. Cadangan untuk Menggabungkan Polisi-polisi Risiko Pelaburan dan Makluman mengenai Gabungan Garis Panduan Risiko Pelaburan;
- iv. Cadangan Semakan ke atas Terma-terma Rujukan (TOR) BRCC KWAP;
- v. Laporan dan Cadangan untuk Inisiatif Privasi Data (Fasa 2);
- vi. Cadangan untuk Meningkatkan Polisi Risiko Pelaburan dan Makluman mengenai Garis Panduan Risiko Pelaburan yang telah disemak (Fasa 2A);
- vii. Kelulusan Kawalan Risiko Pasaran; dan
- viii. Kelulusan Semakan Keahlian Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan (RCC) dalam TOR;

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Selaku jawatankuasa Lembaga, Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (BNRC) secara umumnya bertanggungjawab menyemak, menilai dan menasihati, mencadangkan dan/atau memaklumkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam Terma Rujukan BNRC. BNRC bertanggungjawab kepada Lembaga mengenai prestasinya.

Keahlian

Sehingga kini, BNRC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga, iaitu Pengurus dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- i. Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin - Pengurus
- ii. Dato' Azmi Bin Abdullah – Ahli
- iii. Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid – Ahli
- iv. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin – Ahli
- v. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain – Ahli²

Enam mesyuarat BNRC dan satu mesyuarat khas BNRC diadakan sepanjang tahun 2022.

Kehadiran Mesyuarat BNRC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin	7/7
2	Dato' Azmi Bin Abdullah	6/7
3	Encik Adnan Zaylani Bin Mohamad Zahid	7/7
4	Encik Abdul Rahman Bin Haji Mohd Nordin	7/7
5	Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain ²	3/3

¹ Dilantik pada 26 Ogos 2022.

² Dilantik pada 26 Ogos 2022.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Ringkasan Aktiviti BNRC:

Antara cadangan-cadangan yang dibincangkan dan disahkan oleh BNRC pada tahun 2022 adalah:

- i. Pencapaian Kad Skor Korporat KWAP bagi tahun 2022;
- ii. Pembaharuan Beberapa Kontrak Pekerjaan Ketua Jabatan di KWAP;
- iii. Cadangan Program MySTEP 2022 untuk KWAP;
- iv. Cadangan Struktur Organisasi secara keseluruhan untuk KWAP;
- v. Pelaksanaan Struktur Organisasi yang Dipertingkatkan;
- vi. Cadangan untuk Polisi Pengambilan KWAP; dan
- vii. Cadangan Mengguna pakai Pindaan kepada Akta Kerja 1955.

JAWATANKUASA LEMBAGA PEROLEHAN

Jawatankuasa Lembaga Perolehan (BPC) ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi berkenaan dengan penilaian cadangan perolehan yang berkaitan dengan operasi.

Keahlian

Sehingga kini, BPC terdiri daripada lima orang Ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan empat ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- i. Datuk Siti Zainab Binti Omar – Pengerusi;
- ii. Encik Adnan Zaylani Bin Mohd Zahid – Ahli;
- iii. Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain – Ahli;
- iv. Encik Abdul Rahman Bin Mohd Nordin – Ahli; and
- v. YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz – Ahli¹

Tiga mesyuarat BPC dan dua mesyuarat khas BPC telah diadakan sepanjang tahun 2022.

Kehadiran Mesyuarat BPC:

Bil.	Nama	Kehadiran
1	Datuk Siti Zainab Binti Omar Pengerusi	5/5
2	Encik Adnan Zaylani Bin Mohd Zahid	4/5
3	Dato' Sri Sharifah Sofianny Binti Syed Hussain	5/5
4	Encik Abdul Rahman Bin Haji Mohd Nordin	5/5
5	YM Puan Raja Teh Maimunah Binti Raja Abd Aziz ¹	1/2

JAWATANKUASA LEMBAGA TATATERTIB

Keahlian

Sehingga kini, Jawatankuasa Lembaga Tatatertib (BDC) terdiri daripada empat Ahli Lembaga iaitu seorang Pengerusi dan tiga ahli lain yang akan dilantik oleh Lembaga pada bila-bila masa yang diperlukan:

- i. Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin - Pengerusi

Tiada mesyuarat BDC diadakan sepanjang tahun 2022.

Tugas dan Tanggungjawab BDC

BDC bertanggungjawab ke atas sebarang prosiding disiplin dan mengenakan penalti ke atas kakitangan seperti yang dinyatakan di bawah Polisi Tatatertib KWAP.

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI-AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Seperti yang ditetapkan di bawah Akta KWAP, Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, ahli-ahli layak untuk dilantik semula. Imbuhan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2022, ahli Lembaga telah menerima imbuhan sebanyak RM1,107,526 manakala Panel Pelaburan pula sebanyak RM545,040.

¹ Dilantik pada 26 Ogos 2022.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Sejak dengan peranan KWAP yang lebih meluas dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan sejak 16 tahun lepas, profil risiko KWAP turut berkembang dari segi saiz dan kerumitan dalam organisasi. Sehubungan itu, KWAP juga telah membangunkan kapasiti dan kemampuan pengurusan risikonya.

Dalam menguruskan risiko, KWAP mematuhi model tiga baris pertahanan di mana:

- i. Tanggungjawab utama, atau barisan pertahanan pertama, adalah dengan unit perniagaan individu;
- ii. Barisan pertahanan kedua terdiri daripada fungsi pengurusan risiko, pematuhan dan kawalan; dan
- iii. Barisan pertahanan ketiga ialah fungsi audit dalam.

Kami kekal berhemat dalam pengurusan risiko aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan kami, berpandukan arahan daripada pihak atasan seperti dinyatakan dalam Penyata Selera Risiko KWAP.

Bil.	Polisi Penyata Panduan Utama
1	Lembaga dan Panel Pelaburan mempunyai pengawasan dan tanggungjawab umum ke atas Dana dan meluluskan Penyata Selera Risiko yang dibentangkan sebagai pernyataan tahap tinggi, luas, berdasarkan prinsip untuk menyokong sifat risiko KWAP yang kompleks, tidak tetap, dinamik, dan bertindih. Panel Pelaburan bertanggungjawab ke atas keputusan pelaburan KWAP sementara Lembaga bertanggungjawab terhadap tahap risiko keseluruhan yang diambil oleh KWAP. Panel Pelaburan dan Lembaga KWAP akan mengambil maklum tentang hal ini apabila menjalankan aktiviti.
2	Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa terdapat keperluan untuk mengurus pelaburan Dana secara aktif dengan matlamat untuk mengembangkan saiz dana, mencapai pulangan pelaburan yang diselaraskan risiko yang mampan sementara memastikan perlindungan dan kecukupan kecairan di dalam portfolio Dana. Matlamat ini perlu dicapai menerusi strategi pelaburan yang dinamik, diimbangi oleh amalan pengurusan risiko yang mantap, ditambah dengan keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dengan selera risiko. Risiko ini harus dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.
3	Lembaga dan Panel Pelaburan mengiktiraf bahawa wujudnya kesanggupan dan keupayaan mengambil risiko. Tahap risiko yang sanggup diambil oleh KWAP perlu mengambil kira objektif strategik, jangkaan pemegang berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik, Strategi Pelaburan dan Kerangka Pengurusan Risiko.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Bil.	Polisi Penyata Panduan Utama
4	Lembaga dan Panel Pelaburan menyatakan bahawa KWAP hanya boleh mengambil risiko yang dapat dinilai dan diuruskan secara munasabah, maka risiko sedemikian, secara keseluruhan dan dalam pengurusan perniagaan harian, tidak akan menyebabkan kerugian kewangan ketara atau penjejasan bukan kewangan ketara dan mengakibatkan Dana gagal memenuhi objektif strategiknya.
5	Bagi portfolio pelaburannya, pilihan kelas aset, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan KWAP adalah berpandukan prinsip-prinsip utama berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Tahap munasabah yang tinggi dalam keyakinan bagi memelihara nilai modal ii. Tahap munasabah yang tinggi bagi kecairan aset atau portfolio aset iii. Pulangan pelaburan diselaraskan risiko yang munasabah
6	Kemampuan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlu disesuaikan dengan keupayaan dalaman KWAP bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Di mana perlu dan jika dikehendaki, KWAP akan mendapat kepakaran daripada pihak luar. KWAP harus terus berusaha meningkatkan keupayaan dalaman dan mengembangkan kapasiti melalui peningkatan set kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.
7	KWAP akan menasarkan untuk menyelaraskan tahap jumlah dana risiko dengan Portfolio Rujukan daripada 50% Ekuiti Malaysia dan 50% Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili sasaran risiko pasif KWAP.
8	KWAP akan menasarkan untuk mengehadkan jumlah tahap dana risiko kepada Portfolio Rujukan sebanyak 60% Ekuiti Malaysia dan 40% Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili jumlah had risiko KWAP (iaitu kedua-dua risiko pasif dan aktif).
9	KWAP menerima bahawa ia sepatutnya mempunyai tidak kurang daripada 50% peluang untuk mencapai gaji inflasi sepanjang sepuluh tahun, dan KWAP menerima bahawa ia sepatutnya mempunyai tidak kurang daripada 75% peluang melebihi inflasi dalam tempoh yang sama.

Risk Appetite Statement (RAS) mentakrifkan sikap menyeluruh KWAP terhadap aktiviti pelaburan dan bukan pelaburan, serta membimbing strategi KWAP dan proses membuat keputusan. RAS juga menetapkan kemampuan dan keupayaan KWAP untuk mengambil risiko dalam konteks objektif pelaburan dan toleransi risiko dengan mengenal pasti perkara-perkara berikut:



- i. Matlamat jangka panjang Dana, iaitu untuk memenuhi liabiliti pencen pentadbiran.
- ii. Pengawasan dan tanggungjawab Lembaga terhadap risiko yang diambil oleh Dana.
- iii. Keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dan risiko.
- iv. Keperluan pelaporan berkala kepada Lembaga dan Panel Pelaburan.
- v. Kriteria utama untuk aktiviti pelaburan seperti keselamatan, kecairan dan risiko pulangan diselaraskan yang munasabah untuk jangka masa panjang.
- vi. Keperluan bagi KWAP untuk terus meningkatkan kapasiti dalaman dan keupayaan mengurus risiko.

Polisi RAS dilengkapi dengan struktur tadbir urus yang teguh dengan garis pelaporan bebas antara unit yang mengambil risiko dan “kawalan”. Ia dipertingkatkan lagi dengan beberapa siri prinsip panduan, iaitu:



KWAP melabur dalam modal insan, mempunyai dasar yang jelas dan memastikan proses operasi yang kukuh dan berhemat dengan pelaburan yang besar dalam sistem untuk memastikan kawalan dan automasi yang mencukupi. Kawalan tadbir urus yang tersedia memastikan pemisahan garis pelaporan antara jabatan di KWAP untuk menghalang konflik kepentingan dan integriti fungsi-fungsi yang berbeza.

Garis pelaporan digambarkan dalam Carta Organisasi pada muka surat 20.

AKTIVITI-AKTIVITI PADA TAHUN 2022

Ceramah Kesedaran dan Amalan Pengurusan Risiko dalam KWAP

- Meningkatkan kesedaran risiko dan mengemas kini organisasi dan kakitangan tentang perkembangan dan amalan terbaik merentasi semua aspek telah menjadi aktiviti tetap di KWAP.
- KWAP telah memulakan dan menyiapkan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk menggalakkan kesedaran dan amalan pengurusan risiko dalam organisasi.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Analisis Risiko yang Dipertingkatkan

- Mewujudkan kerangka ujian tekanan yang berstruktur dan tertakrif bagi menjalankan analisis senario berdaya maju. Proses ujian tekanan KWAP merangkumi penjanaan senario, penterjemahannya kepada parameter risiko menerusi kuantifikasi makroekonomi, serta penilaian impak senario tersebut ke atas pasaran dan untung rugi KWAP. Semua ini mendorong kepada pembentukan pelan tindakan bagi menangani risiko dan merebut peluang.
- Pada 2022, kami telah melaksanakan beberapa ujian tekanan yang meliputi pelbagai risiko baharu muncul.

Inisiatif TERAS 5: Kerangka Tadbir Urus Korporat KWAP yang Diperhalusi

- Selain Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 serta Piagam Lembaga dan Panel Pelaburan, KWAP telah mewujudkan beberapa garis panduan dan melaksanakan beberapa inisiatif berkaitan Tadbir Urus Korporat.
- Kerangka Tadbir Urus Korporat baharu yang diluluskan oleh Lembaga pada 2022, dijangka dapat mempertingkatkan tadbir urus korporat KWAP dengan memperkemaskan dan memperkuuhkan pelbagai elemen tadbir urus.
- Objektif Kerangka Tadbir Urus Korporat ini adalah untuk menyediakan satu kajian ke atas struktur tadbir urus korporat, prinsip-prinsip dan amalan-amalan berkaitan aktiviti perniagaan KWAP.
- Kerangka ini juga bertujuan mempromosikan pendekatan tadbir urus korporat yang lebih telus, bersepada dan cekap selain menyediakan panduan jelas tentang autoriti di dalam KWAP.

Inisiatif TERAS 5: Penyelarasan Semula Jawatankuasa Pengurusan dan Kumpulan Kerja di KWAP

- KWAP telah mencatat banyak pencapaian sepanjang beberapa tahun lalu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan organik memerlukan KWAP untuk menetapkan struktur jawatankuasa yang cekap dan kukuh yang boleh memenuhi keperluan fasa seterusnya dalam lonjakan pertumbuhan kami.
- Oleh itu, KWAP telah menjalankan penilaian teliti ke atas struktur Jawatankuasa Pengurusan dan Kumpulan Kerja yang sedia ada bagi menentukan penjajaran dan keberkesanannya dalam mempertingkatkan kecekapan tadbir urus, pengurusan dan operasi. Penyusunan semula ini merasionalisasi struktur jawatankuasa dan mengurangkan bilangan jawatankuasa sebanyak 33 peratus. Ini dicapai secara mengurangkan jawatankuasa dengan tanggungjawab yang bertindih, jawatankuasa yang akan bersara dengan tanggungjawab yang tidak lagi perlu, sementara memastikan pengawasan yang betul untuk perbincangan jawatankuasa. Tindakan menetapkan saiz yang betul bagi jawatankuasa dan keahlian adalah perlu bagi memastikan kepakaran yang wajar bagi memaksimumkan kecekapan dan keberkesanannya jawatankuasa.
- Struktur Jawatankuasa Pengurusan dan Kumpulan Kerja yang disemak semula telah diluluskan oleh Lembaga pada 2022. Ia bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanannya dalam membuat keputusan di peringkat pengurusan dan meningkatkan kecekapan operasi di seluruh organisasi.

Lawatan ke Tapak Hartanah/Syarikat Bersekutu/Pelaburan Berpotensi KWAP

- KWAP telah membuat lawatan ke tapak harta tanah dan pejabat-pejabat pengurusan dana bagi memastikan bahawa penilaian dan penyeliaan risiko yang bebas dijalankan ke atas harta tanah tersebut serta pelaburan firma ekuiti persendirian.
- Pada 2022, KWAP telah melaksanakan lawatan ke empat Pengurus Dana Ekuiti Persendirian (PE) dan empat harta tanah bagi membincangkan hal-hal berkaitan potensi risiko dengan Pengurus Aset, penasihat pelaburan serta Pengurus Dana kami mengenai pengurusan pelaburan, risiko dan pematuhan selain memastikan bahawa pengenalpastian, kawalan dan pengurangan risiko disediakan.

Kadar lawatan telah dikurangkan berikutkan daripada sekatan perjalanan.

TEKNOLOGI DAN INOVASI DALAM JABATAN PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

KWAP memanfaatkan teknologi secara meluas bagi menguruskan pelbagai analisis portfolio dan senario dalam memenuhi keperluan pengurusan risiko portfolio KWAP. KWAP menggunakan sistem risiko pelaburan yang diintegrasi bersama sistem pengurusan pelaburan serta penyedia data pasaran untuk tujuan analisis risiko, di mana langkah-langkah risiko utama digunakan untuk pelaporan kepada pengurusan.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan kekal sebagai salah satu tumpuan utama kami dalam pengurusan krisis luar jangka dan perancangan senario. KWAP telah mengautomasi kerangka pengurusan kesinambungan perniagaan serta melaksanakan proses pengurusan kesinambungan perniagaan yang praktikal dan mampu.

PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN

Prinsip asas dalam menguruskan risiko di KWAP dipandu oleh prinsip-prinsip dan komponen-komponen utama Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang dijelaskan dalam kedua-dua Kerangka ERM dan Polisi ERM bagi menyokong pengurusan risiko yang cemerlang dan holistik di dalam KWAP.

Ekonomi global telah menyaksikan pelbagai perubahan dan melalui perubahan dalam model kawal selia dan perniagaannya. Pengurusan Risiko telah berevolusi daripada fungsi reaktif dan bebas kepada fungsi yang lebih kritikal dengan kapasiti yang lebih besar serta hubungan lebih rapat dalam membuat keputusan yang strategik dan piawaian serta amalan terbaik.

KWAP telah mewujudkan kerangka ERM pada tahun 2012 dengan menggunakan Kerangka Bersepadu ERM - Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway (COSO ERM 2004). Dengan evolusi pengurusan risiko daripada hanya satu disiplin yang terhad kepada satu bidang dengan pendekatan yang komprehensif dan daripada pelbagai disiplin, muncul keperluan untuk terus meningkatkan rangka kerja, polisi-polisi dan amalan-amalan ERP KWAP. Kerangka ini perlu dipertingkatkan bagi merangkumi tadbir urus dan budaya pengurusan

risiko yang lebih kukuh, yang mencerminkan perluasan perniagaan dan operasi semasa KWAP. Selain itu, terdapat juga keperluan dalam menekankan kepentingan pengurusan risiko perusahaan untuk perancangan strategik dan menerapkannya dalam keseluruhan organisasi.

Oleh yang demikian, untuk menyesuaikan diri dan menangani perubahan dalaman dan luaran, KWAP telah memulakan projek berbilang tahun untuk menerima Piawaian ERM 31000:2018 *International Organisation for Standardisation* (ISO) bagi menggantikan Piawaian ERM terkini. Piawaian ISO ini menekankan penciptaan dan perlindungan nilai sebagai pamacu utama pengurusan risiko. Ia bermatlamat untuk menyediakan panduan yang lebih jelas, ringkas dan tepat yang akan membantu KWAP menggunakan prinsip-prinsip pengurusan risiko untuk meningkatkan perancangan serta membuat keputusan yang lebih baik.

Pada 2022, KWAP berjaya menyemak dan memperkemaskan kerangka ERM terkini agar selaras dengan piawaian ISO. Dokumen yang telah disemak ini menjelaskan prinsip-prinsip, komponen-komponen utama serta proses-proses yang menghasilkan pengurusan risiko yang berkesan.

Bagi memanfaatkan Profil Risiko Korporat (CRP) untuk melengkapkan kerangka dan polisi ERM, CRP telah digunakan sebagai platform yang menyediakan pendekatan yang konsisten dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan melaporkan risiko yang melintang berhubung dengan:

- i. Pengenalpastian dan penilaian risiko menggunakan alat pengurusan risiko;
- ii. Pelaksanaan kawalan dan pelan tindakan mitigasi yang berkesan untuk menguruskan risiko;
- iii. Pemantauan yang konsisten dan pelaporan risiko tepat pada masanya kepada jawatankuasa penyeliaan masing-masing; dan
- iv. Menggalakkan pemilikan risiko dan akauntabiliti dalam seluruh organisasi, merentasi semua jabatan dan kakitangan semua peringkat.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

CRP membentangkan pelbagai jenis risiko dengan butiran yang relevan, termasuk tahap risiko yang sepadan dan prospek risiko untuk tempoh tiga bulan bagi setiap kategori risiko, dijadualkan dalam risiko *heatmap* dan papan pemuka risiko.

Di samping itu, bagi memberi konteks dan pemahaman jelas tentang bidang risiko, CRP menggariskan huraian risiko dan tindakan mitigasi untuk menanganinya dan ancaman berpotensi pada peringkat korporat dan operasi untuk setiap kategori risiko yang diketengahkan dalam pelaporan.

CRP dilaporkan dan dibincang semasa mesyuarat bulanan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO), mesyuarat suku tahunan Jawatankuasa Lembaga Risiko (RC), dan dipanjangkan kepada mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Integriti dan Risiko (BIRC).

Pelaporan dan perbincangan tentang CRP yang tepat pada masanya adalah penting dalam mengenal pasti dan menilai kemampuan dan keupayaan pengurusan risiko sedia ada. Apabila risiko utama dikenal pasti dan didokumenkan, tumpuannya adalah untuk mengintegrasikan maklumat risiko ke dalam struktur dan perancangan tadbir urus jabatan sedia ada, serta dalam kitaran pelaporan masing-masing di mana risiko utama dapat disampaikan dengan berkesan.

Semua risiko berkaitan aktiviti-aktiviti organisasi dapat ditangani dengan teratur, dan seterusnya, menghasilkan manfaat dalam membuat keputusan strategik bermaklumat yang lebih baik, berjaya membawa perubahan dan meningkatkan kecekapan operasi.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian tidak dijangka daripada perubahan negatif dalam nilai aset yang timbul daripada pergerakan dalam harga atau kadar pasaran. Pemacu risiko pasaran utama dalam aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP ialah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko mata wang asing.

Pengurusan risiko pasaran dalam KWAP berpandukan polisi, garis panduan, sistem risiko dan kawalan risiko berkaitan Risiko Pasaran yang tersedia, yang mana ini dilaksanakan untuk menyokong pengurusan risiko pasaran kukuh dan holistik. Selain itu, KWAP menyediakan semakan risiko bebas ke atas cadangan-cadangan pelaburan, serta pelaporan risiko pelaburan berkala kepada pengurusan kanan.

Kawalan Risiko Pasaran

Kawalan Risiko Pasaran mewakili satu siri had risiko yang dilaksanakan untuk menguruskan aktiviti pengambilan risiko pasaran. Ia disemak dan diselaraskan secara berkala untuk mencerminkan perubahan dinamik strategi dan persekitaran pelaburan KWAP. Kawalan risiko pasaran utama digambarkan seperti di bawah:

Had Nilai Pada Risiko	untuk menguruskan potensi kerugian yang boleh berlaku akibat pergerakan dalam kadar dan harga pasaran sepanjang tempoh tertentu dalam tahap keyakinan yang diberikan.
Had Durasi yang Diubah suai	untuk menguruskan sensitiviti dan perubahan nilai sekuriti atau portfolio sebagai tindak balas kepada perubahan dalam kadar faedah. Ia juga mengikuti tanggapan bahawa kadar faedah dan harga bon bergerak secara berasingan. Ia juga merupakan analisis sensitiviti yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan 1% dalam kadar faedah terhadap harga bon
Latihan Ujian Tekanan	untuk menilai tahap kerapuhan portfolio pelaburan terhadap peristiwa tekanan pasaran yang lepas serta senario sebarang kebarangkalian

Produk Lindung Nilai Dan Derivatif

Pelbagai jenis kontrak derivatif digunakan untuk mengurus pendedahan risiko pasaran ke atas pelaburan KWAP, terutamanya pergerakan kadar faedah. Instrumen derivatif yang digunakan untuk mengurus pendedahan ini adalah pertukaran silang mata wang (*Cross Currency Swaps*), swap kadar faedah (*Interest Rate Swaps*) dan kontrak hadapan mata wang asing (*FX Forward*). KWAP umumnya menggunakan *FX Forward* bagi melindungi nilai dan menguruskan turun naik mata wang untuk pelaburan luar negara KWAP.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN PERSENDIRIAN

Setakat 31 Disember 2022, pendedahan keseluruhan KWAP dalam pelaburan persendirian adalah 10.3% daripada jumlah dana KWAP. Pelaburan persendirian KWAP terdiri daripada pelaburan-pelaburan ekuiti persendirian, infrastruktur dan harta tanah.

Ekuiti Persendirian dan Infrastruktur

Pengurusan risiko dana-dana ekuiti persendirian, infrastruktur dan pelaburan-pelaburan langsung lazimnya tertumpu kepada penilaian pra-pelantikan pengurus dan strategi-strategi pelaburan. Pencarian pengurus yang betul adalah kunci kepada portfolio pelaburan yang berjaya dan efektif. Aktiviti-aktiviti pasca pelaburan tertumpu kepada pengurusan dan pemantauan risiko operasi untuk dana-dana yang berpotensi mendatangkan risiko serta kemungkinan kepada hapus kira dan kerugian disebabkan ketidakpatuhan kepada had risiko. Keupayaan untuk keluar daripada dana ekuiti persendirian pasca pelaburan adalah sangat terhad berikutkan ciri-ciri ketidakcairan kelas aset.

KWAP terus membina pengetahuan dan kemahirannya dalam meningkatkan pengurusan risiko pasaran-pasaran ini yang telah berkembang dan menarik minat pelabur berbanding aset-aset tradisional seperti ekuiti dan bon. Setakat 31 Disember 2022, jumlah pendedahan KWAP dalam ekuiti persendirian dan infrastruktur adalah 4.0% dan 1.9% daripada jumlah dana KWAP.

Harta Tanah

KWAP mempunyai pelaburan harta tanah berpelbagai di dalam dan luar negara. Pembinaan portfolio adalah penting dalam sektor ini yang bergantung kepada kepelbagaian geografi dan jenis aset yang dapat memberikan kepelbagaian risiko dan mengurangkan jumlah risiko harta tanah individu ke tahap risiko portfolio yang lebih rendah. Pelaburan harta tanah ini bersifat jangka panjang di mana risikonya lebih tertumpu kepada penstrukturran berbanding urusniaga. Selain terdedah kepada pergerakan harga harta tanah, pengurusan pajakan sewa dan kos operasi juga penting dalam mengekalkan aliran pendapatan yang berterusan. Aktiviti pengurusan risiko untuk portfolio pelaburan harta tanah tertumpu kepada penilaian pra-pelaburan menerusi semakan risiko bebas serta pemantauan pasca pelaburan menerusi had risiko. Setakat 31 Disember 2022, jumlah pendedahan KWAP dalam harta tanah adalah 4.4% daripada jumlah dana KWAP.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kebarangkalian kehilangan prinsipal atau pendapatan daripada kegagalan peminjam, rakan niaga atau penerbit sekuriti memenuhi obligasi kontrak selaras dengan syarat yang dipersetujui.

Pengurusan risiko kredit bertujuan mengekalkan pendedahan risiko kredit pada tahap yang boleh diterima dan memastikan bahawa pulangan yang diterima seajar dengan risiko yang diambil. KWAP bertanggungjawab membangunkan, mempertingkatkan dan menyampaikan polisi-polisi, garis panduan dan kaedah-kaedah pengurusan risiko kredit yang berkesan dan konsisten di seluruh KWAP bagi memastikan piawaian yang sewajarnya tersedia untuk mengenalpasti, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko-risiko tersebut. Ini dilaksanakan terutamanya menerusi Polisi-Polisi Pengurusan Risiko Kredit dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Kredit. Amalan-amalan industri terbaik diterapkan menerusi kemaskini berterusan mengenai polisi-polisi, garis panduan, dan proses-proses risiko kredit dengan matlamat mengurangkan penjejasan dan kerugian kredit.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

KWAP telah menyenaraikan had-had dan garis panduan berkaitan untuk:

Skop Risiko Kredit	Kredit
Risiko Dimanfaatkan Bagi memastikan aktiviti pemanfaatan KWAP kekal dalam tahap risiko yang boleh diterima berdasarkan jumlah tahap KWAP, tahap kelas aset dan tahap portfolio	Penumpuan Risiko kerugian yang timbul daripada kedudukan signifikan dalam pendedahan aset, produk atau pasaran tunggal
Nilai Kredit Berisiko (CvAR) Membuat beberapa simulasi pendedahan untung/rugi, di mana hasil akhir pengagihan adalah profil risiko kredit portfolio tersebut	Penarafan Dalam Model skor penarafan kredit dalaman untuk bon korporat, pinjaman dan pihak tanpa penarafan dalam kes di mana sesuatu pendedahan tidak mempunyai penarafan kredit luar
Risiko Pihak Rakan Niaga Risiko kepada setiap pihak dalam kontrak bawanya pihak rakan niaga tidak dapat memenuhi obligasi kontrak	Analisis Kredit Menjalankan penilaian terperinci bagi mengukur kemampuan pengeluar memenuhi obligasi hutangnya dengan mengekalkan pendedahan risiko kredit pada parameter yang boleh diterima
Risiko Pengeluar Kemungkinan kerugian disebabkan oleh penjejasan atau penurunan penarafan kredit pengeluar sekuriti	Semakan Kredit Penilaian cadangan kredit akan disemak sebelum dibentangkan kepada pihak pengurusan dan jawatankuasa

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi kekal sebagai fungsi teras yang amat penting dalam KWAP. Kegagalan fungsi pematuhan dalam kes berprofil tinggi di Malaysia dan luar negara telah menekankan impak ketidakpatuhan terhadap kewangan dan reputasi. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan isu-isu risiko pematuhan iaitu risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi akibat kegagalan mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod tatalaku dan piawaian atau amalan terbaik.

Objektif utama pematuhan bukan sahaja untuk memelihara reputasi KWAP agar sentiasa berdaya saing, tetapi juga untuk mengekalkan dan meningkatkan reputasi dan nilai saham KWAP. Bagi mencapai objektif ini, misi dasar KWAP adalah untuk menilai dan menguruskan risiko pematuhan organisasi bagi memenuhi kehendak kesemua pihak berkepentingan. Kerangka Pematuhan menyediakan asas kepada aspirasi ini yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan disemak semula pada tahun 2022 di mana asas-asas fungsi pematuhan dirangka. Dalam menguruskan pelaksanaan Kerangka Pematuhan, Pematuhan juga menggunakan Model Tiga Barisan Pertahanan dalam mengurus risiko pematuhan dalam KWAP.

Skop Pematuhan

a

Pematuhan Kawal Selia

Ini merangkumi kawal selia dan garis panduan luar yang wajib dipatuhi oleh KWAP seperti Akta Parlimen, Keputusan Kementerian Kewangan, kawal selia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan lain-lain badan kawal selia. Kehendak-kehendak kawal selia ini akan diterapkan ke dalam proses-proses dan amalan-amalan dalaman bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kawal selia tersebut.

b


Pematuhan Dalam

Ini merangkumi pematuhan kepada Kerangka, Polisi-Polisi, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh KWAP.

Tugas memastikan pematuhan kawal selia/dalaman diamanahkan kepada Unit Perniagaan selaku barisan pertahanan pertama, dan sebarang potensi ketidakpatuhan harus dikenalpasti sebelum peristiwa tersebut berlaku, dan perlu ditangani serta dilaporkan kepada pasukan Pematuhan.

Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berhubung kait dengan perkembangan pematuhan dalam peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta polisi dan prosedur KWAP. Rajah di bawah menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



Pengenal-pastian	Mengenalpasti peraturan kawal selia yang relevan dan kehendak-kehendak dalam yang perlu dipatuhi oleh unit-unit perniagaan.
Penilaian	Menilai peraturan kawal selia yang relevan serta kehendak-kehendak dalam bagi memastikan pematuhan unit-unit perniagaan.
Perakuan	Pengesahan separuh tahun dan/atau tahunan menerusi Senarai Semak Pematuhan Kendiri dan pengisytiharan sebarang insiden ketidakpatuhan semasa tempoh laporan.
Pemantauan dan Pelaporan	Memantau kawalan dan proses. Melaporkan sebarang insiden ketidakpatuhan kepada Barisan Pengurusan.
Pengesahan	Menjalankan semakan pematuhan berkala bagi menilai kebenaran Senarai Semak Pematuhan Kendiri yang telah diluluskan menerusi semakan sampel.

Nilai Pematuhan

Seiring dengan perubahan model perniagaan, kemunculan teknologi baharu dan peningkatan pelaburan baharu kelas aset, kecekapan operasi juga menerima tumpuan hebat. Sebelum ini, KWAP tidak pernah terdedah kepada banyak risiko. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga dan pengurusan kanan telah menyatakan sokongan dan kerjasama penuh bagi menjadikan pematuhan sebagai satu keutamaan. Pihak Lembaga dan pengurusan kanan melakukannya dengan menetapkan arahan daripada peringkat atasan bagi mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengamalkan tingkah laku beretika. Semua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan pengurusan kanan tidak memberi kompromi terhadap pelanggaran pematuhan ini. Unit Pematuhan menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Budaya pematuhan ini juga telah diperluaskan kepada EFM kami. EFM kami perlu mengisytiharkan secara bulanan pematuhan mereka kepada Perjanjian Pengurusan Pelaburan KWAP dan melaporkan dengan segera kepada KWAP mengenai sebarang pelanggaran terhadap Mandat Pelaburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan bahawa semua EFM sentiasa mematuhi garis panduan yang dikenakan ke atas mereka. Selain itu, EFM juga dikehendaki untuk mengisytiharkan secara bulanan bahawa parameter kehendak-kehendak pematuhan terkandung di dalam sistem yang berkaitan.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Dasar Tembok Penghalang

KWAP telah melaksanakan Dasar Tembok Penghalang sejak tahun 2014. Dasar Tembok Penghalang KWAP diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif dalam KWAP untuk mengurangkan risiko perdagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan. Ia juga untuk membantu dalam memastikan bahawa pemilikan maklumat bukan umum yang material dan maklumat yang sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja.

Senarai Semak Pematuhan Kendiri Automasi

KWAP telah melaksanakan senarai semak pematuhan kendiri secara automatik di mana semua proses pengesahan dilakukan menerusi satu sistem pematuhan. Sistem pematuhan ini merangkumi kehendak-kehendak kawal selia dan dalaman. Senarai semak pematuhan kendiri akan dilengkapkan oleh pegawai perhubungan pematuhan jabatan berkenaan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan mereka menerusi sistem tersebut. Pengesahan ini dilakukan secara dwi tahunan untuk semua jabatan-jabatan berkaitan pelaburan dan secara tahunan untuk jabatan-jabatan lain termasuk anak-anak syarikat KWAP.

Latihan Semakan Pematuhan

Bagi memastikan kami benar-benar yakin dengan proses pematuhan KWAP telah memulakan inisiatif yang dipanggil Semakan Pematuhan, di mana latihan semakan berkala dijalankan ke atas jabatan dalam KWAP. Tujuan latihan ini adalah untuk memastikan kebenaran daripada senarai semak pematuhan diri yang diisyiharkan dan dikemukakan oleh jabatan masing-masing melalui sistem pematuhan. Latihan ini dijalankan dengan melaksanakan ujian sampel ke atas keperluan yang ditetapkan dalam senarai semak pematuhan kendiri.

Lawatan Pematuhan ke EFM

KWAP telah melawat EFM yang berkaitan sejak 2017 dan berjaya melengkapkan kitaran pertama lawatan ke EFM domestik pada 2020. Lawatan ini bertujuan memastikan bahawa aktiviti-aktiviti dan amalan-amalan EFM mematuhi mandat-mandat Pelaburan yang diluluskan selain memastikan bahawa kawalan risiko dalaman mereka adalah tersedia.

Depositori Pematuhan Kawal Selia

Pasukan Pematuhan telah mewujudkan Depositori Pematuhan Kawal Selia untuk KWAP dan anak-anak syarikatnya. Ia diterbitkan dalam Portal Intranet KWAP pada September 2022 dan merupakan depositori dalam talian yang membolehkan para pengguna membuat carian untuk kehendak-kehendak kawal selia yang berkaitan dengan semua jabatan dan anak-anak syarikat KWAP. Depositori ini merangkumi peraturan kawal selia, termasuk tapi tidak terhad kepada Akta Parliment, Keputusan-keputusan Kementerian Kewangan, Pekeliling Perkhidmatan serta kehendak-kehendak kawal selia yang dikeluarkan oleh badan-badan kawal selia.

Saringan Know Your Counterparty (KYC)

Pasukan pematuhan menjalankan saringan dan pemeriksaan KYC untuk rakan niaga KWAP. Latihan saringan ini adalah untuk mengenal pasti jenayah kewangan iaitu Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembentangan Keganasan (AML/CFT) risiko kawal selia dan risiko reputasi untuk rakan niaga yang mungkin berupaya meletakkan KWAP dalam kerumitan. Ini merupakan satu langkah yang diambil dengan pematuhan dalam memastikan pasukan mengenal pasti tanda bahaya dalam saringan KYC yang menyemak identiti atau latar belakang sebenar rakan niaga, mengesan potensi penipuan kewangan pendedahan politik atau rasuah, dan menghalang KWAP daripada dipergunakan untuk aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORM)

Risiko operasi adalah kerugian berpotensi akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, modal insan dan sistem atau peristiwa luaran. Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, kerosakan fizikal, gangguan kepada perniagaan, kegagalan transaksi, pelanggaran undang-undang dan kawal selia, risiko kesihatan dan keselamatan pekerja. Ia juga meliputi risiko reputasi berkaitan operasi atau tatalaku perniagaan KWAP.

Bagi menampung operasi perniagaan masa kini yang rumit, KWAP menggunakan pelaporan Kejadian Risiko Operasi (ORE) untuk bertindak balas dan mengurus potensi kerugian operasi berikutan kejadian sebenar secara lebih berkesan. Sekiranya pelaksanaan ORE ini berkesan, hasil positif ORE bukan sahaja memberi penambahbaikan tindak balas kepada kejadian risiko malah meningkatkan penambahbaikan kepada pengurusan risiko juga.

Pada tahun 2022, tiada kejadian risiko dengan impak negatif dilaporkan terhadap operasi kerana majoriti ORE telah diperbetulkan tepat pada masanya. ORE yang dilaporkan kebanyakannya di bawah kategori kejadian risiko berikut:

Langkah-langkah proaktif dalam menangani ORE yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i Penipuan Luar;
- ii Gangguan perniagaan dan kegagalan sistem; dan
- iii Pengurusan pelaksanaan, penyampaian dan proses.

- KWAP memudahkan carakan perbincangan dengan pihak lain untuk mengurangkan risiko dan mengelakkan kejadian sama berulang
- KWAP dan barisan pertahanan pertama telah menjalankan analisis punca masalah dan pengesahan proses-proses utama peristiwa-peristiwa risiko bagi mempertingkatkan kawalan risiko dan memastikan peranan-peranan dan tanggungjawab yang jelas tertakrif untuk pihak-pihak terbabit;
- KWAP membentangkan ORE yang dilaporkan dalam mesyuarat EXCO, RCC dan BRCC bagi memastikan semua isu ditangani dengan sewajarnya; dan
- KWAP menjelak dan memantau ORE yang belum ditangani dengan pihak-pihak berkaitan bagi memastikan tindakan-tindakan mitigasi tersedia bagi mengurangkan insiden berulang.

PROGRAM PENGURUSAN RISIKO PENIPUAN

Program Pengurusan Risiko Penipuan telah dijalankan sebagai komitmen Lembaga dan barisan pengurusan kanan terhadap integriti tinggi dan nilai etika dalam pengurusan risiko penipuan dan rasuah.

Program Pengurusan Risiko Penipuan KWAP terdiri daripada polisi-polisi dan garis panduan, latihan dan program kesedaran, serta penilaian risiko penipuan antara jabatan. Sejak dengan penubuhan Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) pada 2019, Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) diterapkan di dalam kerangka pengurusan risiko. Hasilnya, RMCD dan IGO bekerjasama dalam membuat penilaian risiko tematik untuk semua jabatan dan anak-anak syarikat KWAP.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Pada 2022, bengkel penilaian risiko rasuah dan penipuan telah dijalankan oleh RMCD dan IGO. RMCD dan IGO terus menerapkan kesedaran mengenai risiko penipuan dan rasuah semasa program latihan bersama semua jabatan.

Pada masa hadapan, KWAP akan terus:

- i. Mengukuhkan kerangka tadbir urus risiko penipuan di KWAP dengan menyemak polisi dan garis panduan pengurusan risiko penipuan secara berkala;
- ii. Mengadakan latihan dan program kesedaran secara berterusan untuk memupuk budaya anti-penipuan dan anti-rasuah yang kukuh dalam KWAP; dan
- iii. Menangani kerentanan KWAP secara aktif terhadap risiko penipuan dan rasuah dalaman serta luaran melalui penilaian risiko penipuan dan rasuah secara berkala untuk semua jabatan dan anak syarikat.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

BCM penting kepada KWAP dalam bertindak balas terhadap ancaman dalaman atau luaran kepada organisasi. Pada tahun 2022, selaras dengan pengembangan perniagaannya, KWAP telah menjalankan beberapa latihan dan program BCM:

- Latihan BCM yang melibatkan sistem kritikal dan fungsi perniagaan dalam persekitaran secara langsung dan bukan secara langsung;
- Latihan *Call Tree*;
- Menggerakkan kakitangan KWAP ke tapak alternatif untuk melaksanakan pemulihan sistem dan fungsi perniagaan kritikal; dan
- Pelaksanaan aturan pasukan kerja berbahagi berikutkan situasi COVID-19.

Objektif latihan dan program BCM adalah untuk:

- i. Membuat simulasi senario sebenar pengaktifan BCM untuk kakitangan KWAP;
- ii. Kesediaan Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) jabatan dalam bertindak balas apabila BCM diaktifkan;
- iii. Memastikan Analisis Impak Perniagaan (BIA) jabatan adalah relevan dan terkini;
- iv. Memastikan strategi pemulihan sistem sejajar dengan operasi KWAP;
- v. Kesediaan semua sistem di tapak alternatif (pejabat KWAP-Kuala Lumpur ke pejabat KWAP-Cyberjaya dan sebaliknya);
- vi. Memastikan infrastruktur asas seperti alatan perkakasan atau perisian IT, serta peranti berfungsi dengan baik di tapak alternatif;
- vii. Mengesahkan keupayaan sistem berdasarkan kebolehcapaian dan kefungsian;
- viii. Memastikan nombor telefon kakitangan adalah betul dan dikemas kini; dan
- ix. Mengukur keupayaan untuk menyambung semula operasi perniagaan dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan tahap kritikal fungsi perniagaan.

Latihan BCM telah berjaya dijalankan sepanjang tahun 2022 yang bukan sahaja menguji kesinambungan operasi KWAP melalui senario krisis, tetapi juga berjaya mengenal pasti kelemahan dan jurang yang dirumuskan melalui jalan penyelesaian serta penambahbaikan jangka panjang yang strategik.

TINJAUAN DAN HALA TUJU 2023

KWAP mengiktiraf kewujudan pelbagai risiko yang mungkin memberi impak kepada ekonomi global dan pasaran-pasaran kewangan pada tahun 2023 dan seterusnya. Walau bagaimanapun, untuk membuat ramalan trajektori risiko bagi sesuatu tahun secara tepat adalah mencabar dan rumit. Di sebalik kerumitan berikutnya tinjauan geopolitik ke atas ekonomi global ini, beberapa risiko berpotensi yang mungkin memberi impak pada 2023 dan tahun-tahun berikutnya termasuklah:

<p>Faktor dan ketidaktentuan ekonomi</p> <p>Ekonomi global kini beransur pulih daripada kesan pandemik COVID-19. Namun begitu, beberapa cabaran baharu telah muncul seperti tekanan inflasi, kenaikan kadar faedah, gangguan rantaian bekalan, turun naik pasaran saham, serta perubahan dalam polisi dagangan (seperti China dan Amerika Syarikat) yang berpotensi memberi impak besar ke atas tinjauan ekonomi pada 2023. Pandemik COVID-19 masih segar dalam ingatan dan kemunculan varian baharu mungkin mendatangkan risiko luar jangka kepada kesihatan awam serta pemulihan ekonomi.</p>	<p>Risiko iklim</p> <p>Perubahan iklim terus menjadi faktor risiko utama, dengan potensi memberi impak ke atas ekonomi, masyarakat, alam sekitar dan portfolio pelaburan KWAP. Perubahan cuaca melampau, peningkatan aras laut serta bencana alam berpotensi mengakibatkan gangguan ekonomi dan sosial yang signifikan. Kita sudah menyaksikan impak migrasi besar-besaran apabila manusia berpindah randah disebabkan bencana alam, perperangan, dan kebuluran.</p>
<p>Risiko geopolitik</p> <p>Ketegangan yang semakin memuncak di antara kuasa-kuasa besar global seperti Amerika Syarikat, China dan Russia telah menyebabkan peningkatan dalam risiko geopolitik, dan impak jangka panjang ketegangan ini akan berlanjut melangkaui 2023. Konflik serantau (MENA dan Afrika) atau bencana alam yang semakin buruk juga memberi impak ke atas kestabilan ekonomi global.</p>	<p>Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, KWAP akan terus menangani risiko dan membina daya tahan menerusi pelaburan berterusan dalam teknologi dan infrastruktur risiko, keselamatan siber, kemampunan, dan perancangan di luar jangka dalam tahun 2023. KWAP akan terus memperkuuhkan kerjasama dan komunikasi dalam organisasi bagi memastikan ketangkasan dan mempunyai daya tindak balas terhadap perubahan keadaan pasaran.</p> <p>KWAP menjangkakan transformasi digital yang berterusan secara dalaman dan seluruh organisasi, penerapan amalan-amalan mampan yang dipercepatkan menerusi penubuhan Kerangka Kerja dan Polisi, Risiko Mampan, dan tumpuan yang lebih tinggi dalam tanggungjawab terhadap sosial dan alam sekitar.</p> <p>Sejajar dengan Piawaian Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan ISO 31000, KWAP akan terus melakukan inovasi ke atas Infrastruktur Risiko menerusi pengenalan langkah-langkah mitigasi risiko yang baharu serta rombakan ke atas tadbir urus risiko bagi memastikan semua risiko diuruskan dengan wajar dan segera.</p> <p>Kesimpulannya, masa hadapan dan sebarang peristiwa yang tidak dijangka boleh memberi impak ke atas tinjauan risiko dan hala tuju pada tahun 2023. KWAP akan terus bersedia dan beradaptasi dengan perubahan sekeliling serta membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat terkini dan nasihat daripada pakar.</p>
<p>Risiko keselamatan siber</p> <p>Kebergantungan yang semakin tinggi kepada teknologi dan infrastruktur digital telah meningkatkan risiko serangan siber. Dengan evolusi teknologi yang semakin canggih, risiko-risiko berkaitan keselamatan siber juga meningkat justeru mengakibatkan kerugian disebabkan kecurian atau keganasan siber termasuk penurunan produktiviti peningkatan jenayah siber.</p>	

PENYATA AUDIT DALAM

GAMBARAN KESELURUHAN

Jabatan Audit Dalam menyediakan perkhidmatan perunding secara bebas, dengan objektif yang terjamin untuk menambah nilai dan menambah baik operasi KWAP. Misi audit dalaman adalah untuk meningkatkan dan melindungi nilai organisasi dengan memberi jaminan objektif dan berdasarkan risiko, nasihat dan wawasan. Fungsi audit dalaman membantu mencapai objektif dengan membawa kaedah berdisiplin dan sistematik untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

KEBEBAAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Audit Dalam melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) dan pentadbirannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aturan pelaporan semasa bagi Audit Dalam membolehkan tanggungjawab aktiviti audit dalam dipenuhi dan tidak mengganggu tanggungjawab hakiki Ketua Audit Dalam kepada BAC.

Status bebas Audit Dalam tidak dipertikai dan tiada sekatan terhadap skop kerja, sumber dan akses Audit Dalam sepanjang tahun-tahun lepas.

Ketua Audit Dalam menyedari bahawa sekiranya sekatan besar terhadap skop fungsi audit dalam berlaku, ia akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit.

SKOP KERJA

Skop fungsi audit dalam termasuk, tetapi tidak terhad, kepada pemeriksaan objektif ke atas bukti untuk tujuan memberi penilaian bebas kepada BAC, barisan pengurusan dan pihak luar tentang kelengkapan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalam KWAP.

Skop kerja sekunder Jabatan Audit Dalam merangkumi perkara berikut:

- i. Menjalankan penyiasatan khas; dan
- ii. Bertindak sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih yang diwujudkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penyertaan sedemikian adalah terhad kepada memberi nasihat dalam hal-hal kawalan dan tidak menghalang Audit Dalam daripada mengaudit sistem atau proses tersebut.

Audit Dalam terus mengamalkan pendekatan perancangan audit berdasarkan risiko dan mengutamakan fungsi-fungsi audit dalam mengikut peringkat risiko audit. Sejumlah 12 laporan audit diterbitkan pada 2022 berbanding 13 laporan audit pada 2021. Jumlah laporan audit yang diterbitkan pada 2021 merangkumi tiga audit yang dibawa ke hadapan dari Pelan Audit 2020. Status isu-isu audit tertunggak dilaporkan kepada pihak pengurusan pada setiap bulan dan kepada BAC pada setiap suku tahun. Jabatan Audit Dalam terus memantau pelaksanaan pelan tindakan sebagaimana dipersetujui oleh pihak pengurusan. Bagi tahun 2022 dan 2021, tiada pelan tindakan tertunggak dilaporkan kepada BAC.

PENCAPAIAN 2022

Pencapaian terbaik Audit Dalam pada 2022 adalah pembangunan Pelan Strategik Audit Dalam yang akan memacu nilai dan status Audit Dalam di KWAP ke tahap lebih tinggi. Selain itu, Jabatan Audit Dalam juga telah membangunkan matriks dalam kriteria penilaian risiko yang baharu sebagai alat tambahan bagi menentukan pendedahan risiko untuk setiap pemerhatian audit, serta berjaya melaksanakan Program Juruaudit Jemputan yang bertindak sebagai program latihan kepimpinan untuk pemimpin masa hadapan KWAP. Sejumlah 11 program kesedaran mengenai amalan-amalan tadbir urus yang baik telah dilaksanakan untuk semua kakitangan KWAP bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan amalan tadbir urus yang baik di KWAP. Jabatan Audit Dalam telah melengkapkan semua tugas audit di mana laporan-laporannya diterbitkan pada tahun yang sama.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

KWAP mendukung integriti sebagai sebahagian daripada nilai-nilainya. Kami melaksanakan kawalan dan langkah-langkah yang relevan dan terus menerapkan budaya integriti dalam kalangan kakitangan bagi memastikan amalan tadbir urus yang baik dan pemahaman yang tinggi mengenai pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah di dalam KWAP.

LATIHAN DAN PROGRAM KESEDARAN BERKAITAN INTEGRITI, TADBIR URUS DAN PENCEGAHAN RASUAH

Pejabat Integriti dan Tadbir Urus (IGO) KWAP melaksanakan pelbagai program latihan dan kesedaran bagi memastikan warga kerja sentiasa berhati-hati dan mempunyai pengetahuan dalam mengenal pasti dan mengelakkan rasuah. 10 program seumpamanya telah dijalankan pada 2022.

Tahun 2022 ini menyaksikan manifestasi pendirian organisasi terhadap pencegahan rasuah menerusi pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti. Peningkatan kesedaran dalam kalangan kakitangan mengenai polisi-polisi KWAP dan isu-isu berkaitan integriti dan rasuah dinyatakan melalui ucapan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, taklimat mengenai polisi, ceramah integriti, e-buletin bulanan ‘INTEGRITY & U’, hebahan emel, terbitan korporat, serta sambutan hari integriti dan pencegahan rasuah peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Maklumat awam mengenai integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah juga diterbitkan dalam laman sesawang dan media sosial KWAP.

Berikut adalah tinjauan program-program yang dianjurkan pada 2022:

i. Program Integriti GLIC 2022

Program yang diadakan pada 9 November 2022 ini dianjurkan secara bersama dengan Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Permodalan Nasional Berhad sempena sambutan Hari Integriti Kebangsaan. Ketua Pejabat Integriti dan Tadbir Urus KWAP, Mohd Nasir Ab Hadi merupakan salah seorang penceramah dalam program tersebut yang dihadiri lebih daripada 150 pengamal integriti dari syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan serta syarikat-syarikat berkaitan atau syarikat penerima pelaburan masing-masing.

ii. Program Jangkauan Rakan Sekutu Perniagaan KWAP

Program ini diadakan pada 30 November 2022 dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran rakan-rakan sekutu perniagaan KWAP berkaitan rasuah dan pemahaman mereka mengenai kepentingan mematuhi dasar-dasar dan amalan-amalan pencegahan rasuah KWAP. Sesi tersebut dihadiri oleh lebih daripada 50 rakan-rakan sekutu perniagaan KWAP yang terdiri daripada broker, pengurus dana dan pembekal. Mereka diberi taklimat mengenai Dasar Pencegahan Rasuah dan Penyelewengan KWAP, diikuti ceramah bertajuk ‘*Breaking the Corruption Chain: A New Era of Corporate Governance*’ oleh Mohd Nur Lokman Samingan, yang merupakan Ketua Cawangan Sektor Swasta, Bahagian Pendidikan Komuniti dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

iii. Hari Integriti KWAP 2022

Hari Integriti KWAP diadakan pada 9 Disember 2022 bersempena Hari Pencegahan Rasuah Antarabangsa 2022. Agenda utama program ini adalah ceramah khas bertajuk ‘*Authority and Accountability: Reinforcing Integrity - Top Down and All Around*’ oleh Dato’ Muhammad Salim Sundar Abdullah, Pemegang Amanah Perdana International Anti-Corruption Champion Foundation. Selain itu, para pemenang SeniINTEGRITI yang merupakan pertandingan seni digital bertemakan integriti dan pencegahan rasuah, turut diraikan semasa majlis penyampaian hadiah.

iv. Ceramah Integriti

Ceramah integriti yang disampaikan oleh penceramah atau pakar motivasi luar:

- ‘*Strengthening Self-Integrity through Human Governance*’ oleh Dr Saiful Jalun dari Putra Business School, Universiti Putra Malaysia yang diadakan pada 28 Jun 2022
- ‘*Tanpa Integriti, Aib Menanti*’ oleh Syamsul Amri Ismail (Syamsul Debat) yang diadakan pada 23 September 2022

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

KWAP telah mewujudkan mekanisme Pengurusan Risiko Rasuah sejak Februari 2020. Sejak itu, semua jabatan dan anak-anak syarikat telah membangunkan Profil Risiko Penipuan dan Rasuah masing-masing di mana penilaian dan semakan dibuat secara tahunan. Penilaian penipuan dan rasuah 2022 yang merangkumi aktiviti-aktiviti berkaitan, dilaksanakan oleh 25 buah anak syarikat, jabatan dan bahagian bermula April sehingga pertengahan Oktober.

PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI KWAP

KWAP telah melancarkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi 2021 - 2025 (KWAP OACP) pada 24 Februari 2021. Ia merangkumi 57 inisiatif yang akan dilaksanakan atau disiapkan sepenuhnya dalam tempoh lima tahun. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan menangani isu-isu dan risiko-risiko integriti, tadbir urus, dan rasuah di dalam KWAP. Menjelang tahun kedua pelaksanaan dalam 2022, KWAP telah mencapai kadar penyiapan sebanyak 56%, yang merangkumi 32 daripada 57 inisiatif OACP.

SISTEM PENGURUSAN PENCEGAHAN RASUAH ISO 37001:2016

KWAP telah diiktiraf dengan pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah sejak 3 Disember 2021. Pengiktirafan ini membuktikan usaha berterusan kami dalam memastikan kecekapan operasi perniagaan menerusi pengurusan risiko rasuah dan penyelewengan. Pada 2022, KWAP telah melengkapkan audit pengawasan ABMS yang pertama dan melibatkan jabatan-jabatan KWAP yang beroperasi di pejabat Kuala Lumpur dan Cyberjaya serta anak-anak syarikat KWAP iaitu KWEST Sdn Bhd dan Prima Ekuiti (UK) Limited.



PENILAIAN INTEGRITI PERTAMA KWAP

KWAP telah menyiapkan penilaian integritinya yang pertama dalam seluruh organisasi menggunakan Instrumen Penilaian Integriti (IAT) yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). IAT merupakan instrumen penilaian kendiri yang membolehkan sesuatu organisasi menilai dan mengukur kemajuan mereka dalam menerapkan etika dan integriti di tempat kerja. Tinjauan atas talian IAT diedarkan kepada semua kakitangan KWAP bermula 22 Disember 2021 hingga 17 Januari 2022. Berdasarkan keputusan skor IIM, KWAP telah mencapai jumlah skor sebanyak 84.17% dalam tinjauan tersebut, menjadikannya sebuah organisasi dengan amalan terbaik dalam etika dan integriti pada tahap yang tinggi.


PEMBERI MAKLUMAT

Mekanisme pemberi maklumat telah diwujudkan di KWAP bagi mempromosikan amalan pemberi maklumat yang mantap di dalam organisasi dan anak-anak syarikat. Pengurusan akses kepada maklumat yang didedahkan, ditadbir dengan kerahsiaan yang ketat oleh IGO. Pemberi maklumat yang terdiri daripada kakitangan dan orang awam telah disediakan saluran yang sesuai dan selamat untuk melaporkan sebarang maklumat mengenai kesalahan tatalaku secara jujur tanpa rasa bimbang selepas membuat sebarang laporan.

Terdapat sedikit peningkatan kepada 16 laporan pemberian maklumat (*whistleblowing*) sepanjang tahun ini, berbanding 13 laporan yang diterima pada 2021, yang menunjukkan trend yang baik berikutnya peningkatan kewaspadaan dalam kalangan warga kerja.

Saluran pemberi maklumat KWAP adalah seperti berikut:

- e-Borang di laman sesawang KWAP dan platform dalamain lain
- Emel:
whistleblow@kwap.gov.my
chairman.bic@kwap.gov.my (untuk laporan mengenai kakitangan IGO)
- Temu janji dengan pegawai IGO
- Talian terus: 03-2174 8090
- Surat fizikal kepada IGO: Pejabat Integriti dan Tadbir Urus, Tingkat 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.



DEMI **PULANGAN** YANG LEBIH BAIK

Disediakan secara proaktif dengan strategi responsif bagi memastikan kesinambungan perniagaan dan pulangan mampan untuk semua pihak berkepentingan.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata-Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan dan Penyata-Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata-Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 158.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjelaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 SEPTEMBER 2023



**PENYATA PENGERUSI
DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA KUMPULAN WANG
PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**

Kami, **Datuk Johan bin Mahmood @ Johan Mahmood Merican** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Nama : **Datuk Johan bin Mahmood @ Johan Mahmood Merican**
 Jawatan : Pengurus Lembaga
 Tarikh : 11 September 2023
 Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,

Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**
 Jawatan : Ahli Lembaga
 Tarikh : 11 September 2023
 Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN

OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2022 KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2022
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**

Saya, **Nik Amlizan binti Mohamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sucihati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
..... WILAYAH PERSEKUTUAN)
pada 1.1.SEP.2023)

Di hadapan saya,



G1-G2 GROUND FLOOR, MENARA 1 DUTAMAS,
SOLIOS DUTAMAS, NO. 1, JALAN DUTAMAS 1
50480 KUALA LUMPUR

**PENYATA-PENYATA
PENDAPATAN KOMPREHENSIF**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2021 RM'000
Pendapatan Pelaburan Kasar	4	7,333,953	6,772,296	7,010,017	6,330,818
Pendapatan Dividen		2,654,698	2,789,509	2,654,698	2,789,509
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan		1,403,652	764,099	1,404,176	496,342
Pendapatan Faedah		2,697,905	2,416,514	2,699,226	2,432,047
Pendapatan Sewaan		445,214	473,135	-	-
Pendapatan Pelaburan Lain		132,484	329,039	251,917	612,920
(Perbelanjaan)/Pendapatan Bukan Pelaburan Lain	4	(580,549)	236,318	(538,086)	231,991
Perbelanjaan Operasi	5	(688,062)	(790,962)	(336,151)	(329,593)
Kos Urus Niaga		(31,172)	(27,328)	(31,172)	(27,328)
(Kerugian)/Keuntungan Tidak Nyata Bersih Daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		(5,550,296)	4,052,840	(5,550,296)	4,007,291
Peruntukan/(Pembalikan) Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Kewangan		79,773	(88,064)	73,329	(79,699)
Pembalikan Bagi Kerugian Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan		(166,496)	(199,975)	(364,669)	(141,799)
Keuntungan Sebelum Cukai		397,151	9,955,125	262,972	9,991,681
Kos Pembiayaan		(53,475)	(60,869)	-	-
Keuntungan Daripada Syarikat Bersekutu		102,279	78,962	-	-
Keuntungan Daripada Kepentingan Usaha Sama		1,915	2,490	-	-
Cukai	6	(2,677)	(6,952)	-	-
Keuntungan Selepas Cukai		445,193	9,968,756	262,972	9,991,681
Agihan Kepada:					
Pencarum KWAP		445,193	9,968,756	262,972	9,991,681
		445,193	9,968,756	262,972	9,991,681

**PENYATA-PENYATA
PENDAPATAN KOMPREHENSIF**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Nota	Kumpulan		KWAP	
	31 Disember 2022	31 Disember 2021	31 Disember 2022	31 Disember 2021
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan Komprehensif Lain				
Item Yang Tidak Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:				
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain	481,157	(725,459)	481,157	(725,459)
- Keuntungan/(Kerugian) Penilaian Semula - Kerugian Dari Jualan Tidak Dipindahkan Ke Perolehan Tertahan	(381,354)	(285,389)	(381,354)	(285,389)
Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:				
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	(77,637)	121,457	-	-
Bahagian (Kerugian)/Keuntungan Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama	(16,675)	4,475	-	-
Perubahan Nilai Saksama Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Rizab Pendapatan Komprehensif Lain	(867,932)	(1,767,274)	(867,932)	(1,767,274)
- (Kerugian) Penilaian Semula - Peruntukan Rugi Bagi Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	(60,745)	63,496	(60,745)	63,496
Jumlah Kerugian Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa	(923,186)	(2,588,694)	(828,874)	(2,714,626)
Jumlah Pendapatan Komprehensif	(477,993)	7,380,062	(565,902)	7,277,055
Agihan Kepada:				
Pencarum KWAP	(477,993)	7,380,062	(565,902)	7,277,055
Jumlah Pendapatan Komprehensif	(477,993)	7,380,062	(565,902)	7,277,055

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan
adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2022 RM'000	31 Disember 2021 RM'000
Aset Bukan Semasa					
Hartanah Dan Peralatan	7	15,484	20,658	12,791	17,193
Perisian Komputer	8	19,945	31,101	19,917	31,065
Pelaburan Hartanah	9	6,587,242	7,162,540	225,032	226,493
Tanah Dipegang Untuk Pembangunan					
Hartanah	9	761,972	731,018	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	10	-	-	6,279,964	6,445,638
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	11	1,135,412	1,007,442	831,930	786,820
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	12	2,756	841	-	-
Pinjaman Dan Belum Terima	13	434,136	1,005,068	687,954	1,319,024
Belum Terima Jangka Panjang	13	22,077	23,984	-	-
Instrumen Hutang Pada Kos Yang Dilunaskan	14	16,372,543	15,792,014	16,372,543	15,792,014
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama					
Melalui Penyata Untung Atau Rugi	15	580,340	604,916	552,139	576,387
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama					
Melalui Penyata Untung Atau Rugi	15	51,271,327	54,972,077	51,271,327	54,972,077
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	16	39,202,380	36,011,956	39,202,380	36,011,956
Instrumen Ekuiti Pada Nilai Saksama					
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	17	28,912,706	28,356,757	28,912,706	28,356,757
Aset Kewangan Derivatif	18	35,721	13,312	-	-
		145,354,041	145,733,684	144,368,683	144,535,424
Aset Semasa					
Pinjaman Dan Belum Terima	13	584,683	1,970,209	584,683	1,970,209
Instrumen Hutang Pada Nilai Saksama					
Melalui Penyata Untung Atau Rugi	15	258,566	364,373	465,848	573,040
Aset Kewangan Derivatif	18	469,389	135,295	416,590	127,479
Aset Sedia Dijual	9	-	453,559	-	-
Penghutang Runcit Dan Deposit	19	208,888	132,620	110,581	166,869
Penghutang Perniagaan	20	2,546,594	2,725,153	2,407,595	2,676,535
Deposit Dan Penempatan Dengan					
Institusi Kewangan	21	9,463,718	7,534,385	9,463,718	7,534,385
Baki Tunai Dan Bank	21	3,383,526	2,337,832	2,797,116	1,617,120
		16,915,364	15,653,426	16,246,131	14,665,637

**PENYATA-PENYATA
KEDUDUKAN KEWANGAN**
PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2022	31 Disember 2021 RM'000	31 Disember 2022	31 Disember 2021 RM'000
Liabiliti Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	-	7,879	-	-
Pemiutang Perniagaan	22	2,422,937	63,839	2,371,761	31,744
Pemiutang Dan Akruan Lain	23	310,558	305,203	137,346	133,133
Pendapatan Tertunda		50,635	46,721	-	-
Pinjaman	24	279,184	580,822	-	-
Liabiliti Pajakan	25	2,399	2,554	-	-
		3,065,713	1,007,018	2,509,107	164,877
Aset Semasa Bersih		13,849,651	14,646,408	13,737,024	14,500,760
		159,203,692	160,380,092	158,105,707	159,036,184
Dibiayai Oleh:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	26	28,001,944	27,501,944	28,001,944	27,501,944
Caruman Pencen	27	61,877,619	59,742,777	61,877,619	59,742,777
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	28	(17,500,000)	(14,500,000)	(17,500,000)	(14,500,000)
Perolehan Tertahan	29	92,791,732	92,346,539	92,747,131	92,484,159
Rizab Lain	30	(59,215)	(42,540)	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	30	(77,903)	(266)	-	-
Rizab Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	30	(7,025,999)	(6,197,125)	(7,025,999)	(6,197,125)
		158,008,178	158,851,329	158,100,695	159,031,755
Liabiliti Bukan Semasa					
Liabiliti Kewangan Derivatif	18	800	889	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	31	22	38	-	-
Manfaat Pekerja	32	5,012	4,429	5,012	4,429
Liabiliti Pajakan	25	110,139	117,274	-	-
Deposit Jangka Panjang		7,161	9,951	-	-
Pinjaman	24	1,072,380	1,396,182	-	-
		159,203,692	160,380,092	158,105,707	159,036,184

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan
adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Kumpulan	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 26)	Caruman Pencen (Nota 27)	Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan (Nota 28)	Tidak Boleh Diagih				Boleh Diagih	
				Rizab-rizab (Nota 30)	Rizab Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 30)	Pendapatan Kompre- hensif Lain (Nota 30)	Rizab Nilai Saksama Melalui	Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 29)	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2021	27,001,944	57,307,209	(9,500,000)	(46,642)	(121,723)	(3,482,499)	82,377,783	153,536,072	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	9,968,756	9,968,756
Keuntungan/(Kerugian) Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	4,102	121,457	(2,714,626)	-	(2,589,067)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(5,000,000)	-	-	-	-	-	(5,000,000)
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,435,568	-	-	-	-	-	-	2,435,568
Pada 31 Disember 2021	27,501,944	59,742,777	(14,500,000)	(42,540)	(266)	(6,197,125)	92,346,539	158,851,329	
Pada 1 Januari 2022	27,501,944	59,742,777	(14,500,000)	(42,540)	(266)	(6,197,125)	92,346,539	158,851,329	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	445,193	445,193
Kerugian Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	(16,675)	(77,637)	(828,874)	-	-	(923,186)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(3,000,000)	-	-	-	-	-	(3,000,000)
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,134,842	-	-	-	-	-	-	2,134,842
Pada 31 Disember 2022	28,001,944	61,877,619	(17,500,000)	(59,215)	(77,903)	(7,025,999)	92,791,732	158,008,178	

PENYATA-PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

KWAP	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 26) RM'000	Tidak Boleh Diagih						Boleh Diagih		
		Caruman Pencen (Nota 27) RM'000	Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan (Nota 28) RM'000	Rizab-rizab Lain (Nota 30) RM'000	Rizab	Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 30) RM'000	Pendapatan Kompre- hensif Lain (Nota 30) RM'000	Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 29) RM'000	Jumlah RM'000	
					Rizab Nilai Saksama Melalui					
Pada 1 Januari 2021	27,001,944	57,307,209	(9,500,000)	-	-	-	(3,482,499)	82,492,478	153,819,132	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	9,991,681	9,991,681	
Kerugian Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	-	(2,714,626)	-	(2,714,626)	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000	
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(5,000,000)	-	-	-	-	-	(5,000,000)	
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,435,568	-	-	-	-	-	-	2,435,568	
Pada 31 Disember 2021	27,501,944	59,742,777	(14,500,000)	-	-	(6,197,125)	92,484,159	159,031,755		
Pada 1 Januari 2022	27,501,944	59,742,777	(14,500,000)	-	-	(6,197,125)	92,484,159	159,031,755		
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	-	262,972	262,972	
Kerugian Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	-	-	(828,874)	-	(828,874)	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	-	-	-	-	-	-	-	500,000	
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	-	-	(3,000,000)	-	-	-	-	-	(3,000,000)	
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,134,842	-	-	-	-	-	-	2,134,842	
Pada 31 Disember 2022	28,001,944	61,877,619	(17,500,000)	-	-	(7,025,999)	92,747,131	158,100,695		

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan
adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Kumpulan		KWAP	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Keuntungan Sebelum Cukai	397,151	9,955,125	262,972	9,991,681
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan Serta Pelaburan Hartanah	203,538	216,498	6,973	9,198
Pelarasan Pelaburan Hartanah Dan Peralatan Dan Pelaburan Hartanah	769	4,054	722	4,892
Pelunasan Perisian Komputer	13,177	8,127	13,155	8,106
Kerugian/(Keuntungan) Tidak Nyata Bersih				
Daripada Pelaburan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	5,550,296	(4,052,840)	5,550,296	(4,007,291)
Kerugian Belum Direalisasi Bersih				
Atas Nilai Saksama Derivatif	661,951	195,101	742,155	195,101
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan	(1,403,652)	(764,099)	(1,404,176)	(496,342)
Pendapatan Faedah	(2,697,905)	(2,416,514)	(2,699,226)	(2,432,047)
Pendapatan Dividen	(2,654,698)	(2,789,509)	(2,654,698)	(2,789,509)
Keuntungan Bersama Pelaburan Syarikat Berkelutu Dan Kepentingan Usaha Sama	(104,194)	(81,452)	-	-
Peruntukan Manfaat Pekerja	619	562	619	562
Rosot Nilai Aset Kewangan	(79,773)	88,064	(73,329)	79,699
Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan	166,496	199,975	364,669	141,799
Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	53,775	563,092	110,132	705,849
Perubahan Dalam Modal Kerja:				
Pengurangan/(Penambahan) Penghutang Perniagaan	178,559	(261,024)	268,940	(259,988)
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Runcit Dan Deposit	(74,362)	44,619	56,289	(48,680)
Penambahan/(Pengurangan) Pembiutang Perniagaan	2,375,280	(1,469,956)	2,340,015	(1,519,711)
Penambahan Pembiutang Dan Akruan Lain	6,700	112,005	4,213	6,470
Cukai Pendapatan Yang Dibayar	(3)	(7)	-	-
Wang Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/ (Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi	2,539,949	(1,011,271)	2,779,589	(1,116,060)

**PENYATA-PENYATA
ALIRAN TUNAI**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Kumpulan		KWAP	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Perolehan Daripada Jualan Instrumen Kewangan				
Pada Kos Terlunas	1,569,467	450,000	1,569,467	450,000
Pembelian Instrumen Kewangan				
Pada Kos Terlunas	(2,127,527)	(1,019,852)	(2,127,527)	(1,019,852)
Penerimaan Jualan Aset Kewangan				
Pada Nilai Saksama Melalui				
Untung Atau Rugi	12,710,024	11,560,070	12,710,024	11,560,070
Pembelian Aset Kewangan Pada Nilai				
Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(13,260,536)	(15,125,954)	(13,260,536)	(15,125,954)
Perolehan Daripada Jualan Instrumen FVOCI	5,637,046	4,691,542	5,637,046	4,691,542
Pembelian Aset Kewangan Pada FVOCI	(9,934,989)	(8,316,363)	(9,934,989)	(8,316,363)
Deposit Dan Penempatan Dengan				
Institusi Kewangan	(92,419)	168,542	(92,419)	168,542
Pembelian Hartanah Dan Peralatan	(4,074)	(8,003)	(3,510)	(7,562)
Pembelian Perisian Komputer	(343)	(1,274)	(329)	(1,274)
Pembelian Pelaburan Hartanah	(20,816)	(1,022,452)	-	-
Pemberian Pinjaman	-	-	(253,819)	-
Perolehan Daripada Jualan Aset Sedia Dijual	453,559	-	-	-
Perolehan Jualan Pelaburan Hartanah	-	482,301	-	-
Penerimaan Faedah	2,701,206	2,568,874	2,701,206	2,568,874
Penerimaan Dividen	2,654,698	2,789,509	2,654,698	2,789,509
(Peningkatan)/Pengurangan Derivatif	(1,026,422)	34,468	(1,031,266)	97,292
(Peningkatan)/Pengurangan Pelaburan Dalam				
Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu				
Dan Kepentingan Usaha Sama	(25,691)	52,749	(244,105)	(762,332)
Bayaran Manfaat	(36)	(8)	(36)	(8)
Bayaran Balik Pinjaman Dan Belum Terima	1,966,598	2,481,583	2,278,575	2,481,583
Pelaburan Dalam Tanah Dipegang Untuk				
Pembangunan Hartanah Manfaat Dibayar	(30,954)	(70,168)	-	-
Wang Tunai Bersih Dihasilkan Daripada/ (Digunakan Untuk) Aktiviti Pelaburan	1,168,791	(284,436)	602,480	(425,933)

**PENYATA-PENYATA
ALIRAN TUNAI**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Kumpulan		KWAP	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	500,000	500,000	500,000	500,000
Penerimaan Caruman Pencen	2,145,885	2,448,474	2,145,885	2,448,474
Bayaran Balik Caruman	(11,043)	(12,906)	(11,043)	(12,906)
Pengeluaran Oleh Kerajaan Persekutuan	(3,000,000)	(5,000,000)	(3,000,000)	(5,000,000)
Perubahan Dalam Rizab Lain	(16,675)	4,475	-	-
(Bayaran)/Penerimaan Liabiliti Pajakan	(7,290)	2,968	-	-
Wang Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(389,123)	(2,056,989)	(365,158)	(2,064,432)
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai				
Mata Wang Asing	3,319,617	(3,352,696)	3,016,911	(3,606,425)
Kesan Perubahan Dalam Pertukaran Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	9,832,333	13,234,992	9,111,620	12,718,045
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	12,714,941	9,832,333	12,128,531	9,111,620

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan
adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP adalah diperoleh dari peruntukan tahunan daripada Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada peruntukan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan agensi-agensi lain, serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang dicadangkan oleh pihak Panel Pelaburan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkuat kuasa dari 1 November 2015, KWAP secara rasminya telah dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan bagi pengurusan serta operasi pembayaran pencen secara keseluruhan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama diperjelaskan dalam Nota 10, Nota 11 dan Nota 12. Tiada perubahan signifikan dari segi sifat aktiviti utama Kumpulan dan KWAP sepanjang tahun kewangan.

KWAP adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah diterima dan diluluskan oleh pihak Lembaga KWAP pada 29 Ogos 2023.

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*, *International Financial Reporting Standards (IFRS)* dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007.

Penyata-penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya menerusi rumusan polisi perakauan penting.

Penyediaan Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan KWAP di mana semua nilai dibundarkan kepada ribuan ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

**NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Penyata Pematuhan

Polisi perakaunan yang digunakan oleh KWAP dan Kumpulan adalah konsisten dengan polisi perakaunan yang telah digunakan untuk penyata kewangan yang paling baharu untuk tahun berakhir 31 Disember 2021.

(a) Piawaian dan pindaan yang telah diterbit tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP adalah seperti yang dinyatakan dibawah. Kumpulan dan KWAP berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
MFRS 17, <i>Insurance Contracts</i>	1 Januari 2023
Amendments to MFRS 17, <i>Insurance Contracts – Initial application of MFRS 17 and MFRS 9 – Comparative Information</i>	1 Januari 2023
Amendments to MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements – Disclosures of Accounting Policies</i>	1 Januari 2023
Amendments to MFRS 108, <i>Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Accounting Estimates</i>	1 Januari 2023
Amendments to MFRS 112, <i>Income Taxes – Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction and International Reform – Pillar Two Model Rules</i>	1 Januari 2023
Amendment to MFRS 16, <i>Leases – Lease Liability in a Sale and Leaseback</i>	1 Januari 2024
Amendment to MFRS 101, <i>Presentation of Financial Statements – Non-current Liabilities with Covenants and Classification of Liabilities as Current or Non-current</i>	1 Januari 2024
Amendment to MFRS 107, <i>Statement of Cash Flows and MFRS 7, Financial Instruments: Disclosures – Supplier Finance Arrangements</i>	1 Januari 2024
Amendments to MFRS 10, <i>Consolidated Financial Statements and MFRS 128, Investments in Associates and Joint Ventures – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture</i>	Akan disahkan

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan Penyata Kewangan masa lalu bagi Kumpulan dan KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, ke atas pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan luput. Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amaun tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosot nilai bagi tahun berkenaan, sekiranya ada. Polisi yang berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti sedia ada yang tertunggak atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh penukaran, termasuk kos pengambilalihan secara langsung, sekiranya ada.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, sekiranya ada.

Perubahan kepentingan pemilikan dalam syarikat subsidiari tanpa perubahan kawalan

Transaksi dengan Kepentingan Tak Mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan dikira sebagai transaksi dengan pemilik ekuiti Kumpulan. Perubahan dalam kepentingan pemilikan akan mengakibatkan pelarasian antara nilai dibawa Kepentingan Mengawal dan Kepentingan Tak Mengawal untuk menunjukkan kepentingan relatif pemilik dalam syarikat subsidiari tersebut. Perbezaan di antara amaun pelarasian ke atas Kepentingan Tak Mengawal dan sebarang pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf dalam ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan, sekiranya ada.

Pelupusan subsidiari

Apabila syarikat subsidiari tidak lagi digabungkan disebabkan oleh kehilangan kawalan, kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksama di mana perubahan dalam nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini menjadi nilai awal yang dibawa bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan oleh Kumpulan.

Ini boleh menyebabkan reklassifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari juga merangkumi nilai dibawa muhibah yang berkaitan dengan syarikat subsidiari.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(b) Asas penyatuan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama.

Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa KWAP ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut memberi petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urus niaga luaran Kumpulan.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki defisit.

(c) Gabungan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah aggregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan aman Kepentingan Tak Mengawal dalam entiti, sekiranya ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi diktiraf sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 9 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti di mana pembayaran berikutnya, jika ada, adalah dinyatakan dalam ekuiti.

Sekiranya pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 9, pertimbangan tersebut akan diambil kira menggunakan piawaian MFRS yang sesuai.

**NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari Dan Asas Penyatuan (sambungan)

(c) Gabungan perniagaan (sambungan)

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan, amaun yang diiktiraf bagi Kepentingan Tak Mengawal dan nilai saksama kepentingan ekuiti terdahulu pada tarikh pengambilalihan ke atas lebihan aset yang diambil alih dan liabiliti yang ditanggung pada asalnya diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

(d) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun ter hutang daripada syarikat subsidiari di mana KWAP tidak menjangkakan pembayaran balik pada masa hadapan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan KWAP dalam syarikat subsidiari.

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tiada kawalan atau kawalan bersama, yang lazimnya mengiringi pegangan saham diantara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh signifikan ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Kewujudan dan kesan terhadap hak pengundian berpotensi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan adalah diambilkira dalam penilaian pengaruh signifikan Kumpulan terhadap entiti lain.

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dan kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Pengambilalihan berkala dalam syarikat bersekutu

Apabila Kumpulan meningkatkan kepentingannya dalam pelaburan sedia ada atau pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk kali pertama, Kumpulan akan menentukan kos pelaburan dalam penerima pelaburan yang dikenal pasti menggunakan perakaunan ekuiti sebagai jumlah nilai saksama kepentingan awal pada tarikh kepentingan signifikan diperoleh dan ditambah pertimbangan yang dibayar untuk sebarang penambahan kepentingan. Rizab terdahulu dalam *Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain* (FVOCI) akan dipindahkan ke Perolehan Tertahan atau kekal di dalam rizab FVOCI.

Peningkatan pegangan dalam syarikat bersekutu sedia ada dan pengekalan pengaruh penting

Kos pengambilalihan kepentingan tambahan dalam syarikat bersekutu ditambah kepada nilai dibawa syarikat bersekutu dan diakaukan mengikut kaedah ekuiti. Muhibah yang terhasil daripada pembelian pegangan tambahan ditentukan dengan menggunakan maklumat nilai saksama pada tarikh pembelian kepentingan tambahan. Tiada penilaian semula untuk kepentingan terdahulu yang dipegang dalam syarikat bersekutu tersebut.

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos, dan seterusnya dilaraskan untuk mengambil kira bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu atau usaha sama dalam untung atau rugi, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf sebagai pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sekiranya bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi kepentingan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara inti pati, merupakan bahagian Kumpulan dalam kepentingan pelaburan bersih syarikat bersekutu atau usaha sama), pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga huluan atau hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan digabungkan hanya tertakluk kepada pelaburan tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali jika transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosot nilai bagi aset yang telah dipindahkan.

Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan mengikut tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan. Pelarasian dibuat untuk menyeragamkan dasar perakaunan syarikat bersekutu dan usaha sama dengan dasar Kumpulan, jika perlu.

Selepas perlaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan piawaian MFRS 136: '*Impairment of Assets*' (MFRS 136) bagi menentukan keperluan pengiktirafan kerugian rosot nilai tambahan terhadap pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sekiranya ada. Keseluruhan nilai dibawa pelaburan diuji sebagai satu aset untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan piawaian MFRS 136 yang menggunakan perbandingan di antara nilai boleh pulih (yang lebih tinggi antara nilai dibawa dan nilai saksama setelah ditolak kos jualan) dan nilai dibawa, jika perlu. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Penyataan semula kerugian rosot nilai diiktiraf kepada tahap peningkatan nilai boleh pulih pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama

Apabila Kumpulan berhenti merekod syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama berdasarkan kaedah ekuiti disebabkan oleh kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti akan dinilai semula kepada nilai saksama di mana sebarang perubahan ke atas nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi, sekiranya ada. Nilai saksama ini akan menjadi nilai dibawa awal bagi tujuan perakaunan susulan kepentingan tertahan sebagai aset kewangan. Di samping itu, sebarang jumlah terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira sebagai pelupusan secara langsung bagi aset atau liabiliti yang berkaitan dengan Kumpulan. Ini boleh menyebabkan reklassifikasi amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain kepada untung atau rugi.

Sekiranya terdapat pengurangan ke atas kepentingan pemilikan dalam syarikat bersekutu ataupun usaha sama di mana pengaruh signifikan atau kawalan bersama adalah dikekalkan, hanya sebahagian daripada bahagian Kumpulan dalam amaun terdahulu yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain direklasifikasi kepada untung atau rugi, jika perlu.

Pencairan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dalam Penyata Kewangan yang berasingan

Dalam Penyata Kewangan berasingan KWAP, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Pada pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, perbezaan antara hasil pelupusan dan nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.5 Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Berikutnya pengiktirafan asal, aset tidak ketara dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak Kos Yang Dilunaskan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Jangka hayat aset tidak ketara sama ada terhad atau tidak terhad ditentukan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangka hayat ekonomi dan rosot nilai diambil kira apabila terdapat tanda rosot nilai, sekiranya perlu. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula pada setiap tarikh laporan.

Perubahan dalam jangka hayat atau corak penggunaan berkaitan dengan manfaat ekonomi masa hadapan aset diiktiraf melalui perubahan ke atas tempoh atau kaedah pelunasan, di mana bersesuaian, dan diambil kira sebagai perubahan dalam andaian perakaunan. Kos pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad direkodkan dalam untung atau rugi.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad atau belum bersedia untuk tujuan kegunaan disemak bagi tujuan rosot nilai setiap tahun, atau lebih kerap, apabila terdapat tanda bahawa nilai dibawa aset mungkin dirosot nilai sama ada secara individu atau pada peringkat Unit Penjana Tunai (CGU). Aset tidak ketara tersebut tidak tertakluk kepada pelunasan. Jangka hayat bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan kebolehlaksanaan penilaian jangka hayat. Sekiranya jangka hayat tersebut tidak boleh disokong, perubahan daripada jangka hayat tidak terhad kepada jangka hayat terhad dilaksanakan secara prospektif.

**NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.5 Aset Tidak Ketara (sambungan)

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara dinyatakan sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila penyahiktirafan dilaksanakan.

Susut nilai bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Perisian komputer dan lesen	33.33%
-----------------------------	--------

2.6 Hartanah Dan Peralatan

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos, setelah ditolak amaun cukai yang ditanggung, kecuali jika cukai tersebut tidak dapat diperoleh balik daripada kerajaan. Sekiranya cukai yang ditanggung tidak dapat diperoleh balik daripada kerajaan, cukai tersebut diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos perolehan hartaanah dan peralatan. Kos bagi sesuatu item hartaanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh Kumpulan dan KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin.

Selepas pengiktirafan asal, hartaanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, sekiranya ada. Kos asal sesuatu item hartaanah dan peralatan yang diiktiraf adalah termasuk harga beli dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung yang ditanggung untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkannya berfungsi mengikut cara yang ditetapkan oleh Kumpulan dan KWAP. Kos juga termasuk kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak.

Jika terdapat keperluan untuk menggantikan sebahagian besar daripada item hartaanah dan peralatan, bahagian tersebut diiktiraf sebagai aset individu dengan jangka hayat penggunaan serta susut nilai tersendiri. Begitu juga, sekiranya terdapat pemeriksaan utama, kos penggantian bagi item hartaanah atau peralatan diiktiraf dalam nilai dibawa item tersebut, tertakluk kepada kriteria pengiktirafan yang ditetapkan. Kos-kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Susut nilai bagi hartaanah dan peralatan diperuntukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kadar susut nilai yang berikut:

Renovasi Pejabat	16.67%
Komputer	20.00%
Lukisan	20.00%
Perabot dan Peralatan Pejabat	20.00%
Peralatan Gimnasium	20.00%
Kenderaan	20.00%
Peralatan Elektronik	33.33%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.6 Hartanah Dan Peralatan (sambungan)

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada, antara lain, kerja-kerja pengubahaian yang sedang dijalankan dan penambahbaikan atau penaiktarafan sistem maklumat yang sedang dijalankan. Kerja dalam kemajuan dan lukisan bukan berdasarkan lukisan air dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusut nilai sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan KWAP akan menilai sama ada terdapat tandatanda rosot nilai. Sekiranya ada, analisa dilaksanakan bagi menentukan sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, nilai aset akan dirosot nilai ke nilai boleh pulih. Dasar berkaitan dengan rosot nilai aset bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.18.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya perlu.

Item hartanah dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian aset selepas penyahiktirafan aset diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf, sekiranya ada.

2.7 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan asal

Aset kewangan diiktiraf apabila Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Instrumen kewangan pada asalnya diiktiraf oleh Kumpulan dan KWAP pada nilai saksama termasuk, bagi instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada Nilai Saksama Melalui Penyata Untung Atau Rugi (FVTPL), kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan perolehan instrumen kewangan atau liabiliti kewangan, sekiranya ada. Klasifikasi instrumen kewangan dan liabiliti kewangan adalah ditentukan pada pengiktirafan asal.

Belian dan jualan lazim aset kewangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian akaun. Kaedah ini diguna pakai secara konsisten bagi semua belian dan jualan aset kewangan di dalam kategori yang sama.

(b) Klasifikasi dan penilaian berikut

Kumpulan dan KWAP menggunakan MFRS 9 dan aset kewangan telah diklasifikasikan berdasarkan kepada kategori-kategori berikut- Kos Yang Dilunaskan, Nilai Saksaman Melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCL) dan FVTPL.

Jika tiada perbezaan ketara untuk terma, rundingan semula atau pengubahaian tidak akan mengakibatkan penyahiktirafan, dan Kumpulan dan KWAP mengira semula nilai dibawa kasar berdasarkan aliran tunai disemak bagi aset kewangan tersebut dan mengiktiraf keuntungan atau kerugian daripada pengukuran semula dalam penyata untung atau rugi. Nilai dibawa kasar baharu dikira semula dengan mendiskaunkan aliran tunai yang diubah suai pada kadar faedah efektif asal (atau kadar faedah efektif diselaraskan kredit untuk aset kewangan kredit terjejas dibeli atau asal (“POCI”).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutan (sambungan)

Klasifikasi bagi instrumen hutang dan ekuiti adalah mengikut keperluan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Instrumen hutang

Instrumen hutang adalah instrumen yang menepati definisi liabiliti kewangan dari perspektif penerbit. Klasifikasi dan penilaian instrumen hutang adalah bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan KWAP bagi pengurusan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Berdasarkan kepada faktor diatas, Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan instrumen hutang mengikut salah satu daripada tiga (3) kategori penilaian berikut:

Kos Yang Dilunaskan

Aset kewangan yang dipegang bagi kutipan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili *Pembayaran Semata-mata Pembayaran Principal dan Faedah (SPPI)*, dan bukan dikelaskan sebagai FVTPL, dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan berdasarkan kepada kaedah pulangan berkesan. Nilai dibawa aset diselaraskan dengan kerugian rosot nilai yang diiktiraf dan dinilai berdasarkan kepada model *Kerugian Kredit yang Dijangka* (ECL). Pendapatan faedah dari aset kewangan yang dinyatakan pada nilai Kos Yang Dilunaskan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Kerugian yang timbul dari rosot nilai aset kewangan selain daripada instrumen kewangan diiktiraf sebagai Peruntukan Rosot Nilai Aset Lain dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

FVOCI

Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan kutipan aliran tunai kontraktual dan jualan aset berikutnya di mana aliran tunai aset tersebut mewakili SPPI, dan bukan diklasifikasikan sebagai FVTPL, dinilai pada FVOCI. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali pengiktirafan kerugian rosot nilai dinyatakan berdasarkan model ECL, pendapatan faedah dan untung atau rugi kadar tukaran mata wang ke atas Kos Yang Dilunaskan bagi aset kewangan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apabila aset kewangan dinyaiktiraf, untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf terdahulu dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasikan semula sebagai untung atau rugi dalam Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan.

FVTPL

Aset kewangan yang tidak memenuhi syarat bagi Kos Yang Dilunaskan atau FVOCI, termasuklah aset kewangan Dipegang Untuk Dagangan (HFT) dan derivatif, dinilai pada FVTPL. Apabila aset kewangan dinyaiktiraf, keuntungan atau kerugian aset kewangan tersebut yang dinilai semula pada FVTPL dan tidak merupakan sebahagian daripada hubungan lindung nilai, diiktiraf sebagai Keuntungan dan Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah yang diperolehi semasa aset kewangan berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Faedah dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(b) Klasifikasi dan penilaian berikutnya (sambungan)

1. Instrumen hutang (sambungan)

Penilaian model perniagaan

Kumpulan dan KWAP menilai objektif model perniagaan aset kewangan yang dipegang pada tahap portfolio yang mencerminkan kaedah pengurusan dan laporan kepada pihak pengurusan yang terbaik. Faktor-faktor yang dipertimbangkan merangkumi polisi dan objektif portfolio dan amalan operasi polisi tersebut. Secara terperinci, samada strategi pihak pengurusan adalah bagi penjanaan pendapatan faedah kontrak, penyelenggaraan profil kadar faedah tertentu, padanan tempoh aset kewangan kepada tempoh liabiliti kewangan yang membiayai aset tersebut atau penjanaan aliran tunai melalui penjualan aset kewangan.

Faktor-faktor lain yang akan dipertimbangkan termasuk kekerapan, jumlah dan tempoh jualan terdahulu, penilaian prestasi aset kewangan dan laporan kepada pihak pengurusan utama serta penilaian dan pengurusan risiko.

Reklasifikasi instrumen hutang

Reklasifikasi instrumen hutang oleh Kumpulan dan KWAP dilaksanakan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

2. Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit; iaitu, instrumen yang tidak mempunyai obligasi kontrak untuk membayar dan membuktikan kepentingan residual dalam aset bersih penerbit.

Pada pengiktirafan asal, Kumpulan dan KWAP boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak dipegang untuk tujuan dagangan sebagai FVOCI tanpa pilihan untuk ditarik balik. Klasifikasi tersebut ditentukan atas dasar instrumen ke instrumen di mana nilai saksama untung atau rugi diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan tidak direklasifikasi ke untung atau rugi, termasuk juga semasa pelupusan. Dividen yang diperoleh ketika instrumen ekuiti berada dalam pegangan diiktiraf sebagai Pendapatan Dividen dalam Penyata Pendapatan Komprehensif setelah hak untuk menerima pembayaran ditentukan.

Keuntungan dan kerugian instrumen ekuiti pada FVTPL diiktiraf sebagai Keuntungan atau Kerugian Daripada Jualan Pelaburan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif selepas penyahiktirafan.

**NOTA-NOTA KEPADA
PENYATA KEWANGAN**
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(c) Reklasifikasi Aset Kewangan

Aset kewangan bukan derivatif boleh direklasifikasi oleh Kumpulan dan KWAP daripada kategori FVTPL (selain daripada instrumen ekuiti), dalam keadaan yang jarang berlaku, jika aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan jualan dan pembelian semula dalam tempoh masa yang terdekat. Justeru, aset kewangan yang memenuhi definisi Pinjaman dan Belum Terima boleh direklasifikasikan oleh Kumpulan dan KWAP daripada kategori FVTPL atau FVOCI sekiranya terdapat tujuan dan keupayaan oleh Kumpulan dan KWAP untuk memegang aset kewangan sehingga masa hadapan atau tempoh matang.

Instrumen hutang direklasifikasikan oleh Kumpulan dan KWAP apabila, dan hanya apabila terdapat perubahan dalam model perniagaan yang menguruskan aset tersebut.

2.8 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan mengikut kandungan pengaturan kontrak yang dimeterai serta definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di bawah skop MFRS 9, diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Mulai 1 Januari 2018, Kumpulan dan KWAP mengklasifikasikan liabiliti kewangan mengikut kategori-kategori berikut – Kos Yang Dilunaskan atau FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan dan dinilai pada Kos Yang Dilunaskan, kecuali:

- (i) liabiliti kewangan pada FVTPL; dan
- (ii) jaminan kontrak kewangan dan komitmen pinjaman.

Kos Yang Dilunaskan

Liabiliti kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan KWAP diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada Kos Yang Dilunaskan, di mana hasil daripada kandungan pengaturan kontrak oleh Kumpulan dan KWAP melibatkan obligasi bagi Kumpulan dan KWAP untuk melaksanakan pemberian tunai atau aset kewangan yang lain kepada pemilik atau menepati obligasi selain daripada tukaran nilai tunai atau aset kewangan lain yang telah ditetapkan.

Liabiliti kewangan bukan derivatif pada asalnya diiktiraf pada nilai saksama pembayaran yang diterima setelah ditolak kos transaksi yang berkaitan, sekiranya ada. Selepas pengiktirafan asal, liabiliti kewangan bukan derivatif dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Kos Yang Dilunaskan dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium dari pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian besar daripada kaedah kadar faedah efektif. Liabiliti kewangan dinilai pada nilai Kos Yang Dilunaskan termasuk deposit dari pelanggan, deposit dari bank, perjanjian pembelian balik, sekuriti hutang yang dikeluarkan dan pinjaman dana lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.8 Liabiliti Kewangan (sambungan)

FVTPL

Liabiliti Kewangan pada FVTPL merangkumi derivatif kewangan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Derivatif kewangan dinyatakan pada nilai saksama, di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Perbezaan pertukaran mata wang adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bersih derivatif tersebut.

Liabiliti Kewangan Lain

Pinjaman dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, sekiranya ada, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Yuran yang dibayar atas penubuhan fasiliti pinjaman diiktiraf sebagai kos transaksi bagi pinjaman tersebut yang terhad kepada kebarangkalian besar sebahagian atau kesemua fasiliti tersebut akan digunakan. Dalam kes ini, yuran ditangguhkan sehingga berlakunya pengeluaran pinjaman. Sekiranya tiada bukti bahawa kebarangkalian besar atau kesemua fasiliti itu akan digunakan, yuran tersebut akan dipermodalkan sebagai pra-bayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh fasiliti tersebut.

2.9 Penyahiktirafan Aset Dan Liabiliti Kewangan

Kumpulan dan KWAP menyahiktiraf aset kewangan apabila aliran tunai kontrak aset kewangan tersebut tamat tempoh atau hak terimaan aliran tunai kontrak telah dipindahkan kepada pihak lain di dalam transaksi yang melibatkan pemindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Faedah hasil daripada pemindahan aset kewangan yang diwujudkan atau dikekalkan oleh Kumpulan dan KWAP diiktiraf sebagai aset atau liabiliti yang berasingan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf dari Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan KWAP setelah pelepasan, pembatalan atau tamat tempoh obligasi yang dinyatakan dalam kontrak.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara selepas ditolak overdraf bank. Kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang tidak kurang 90 hari dari tarikh pembelian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Sewaan

(i) Definisi sewaan

Sebuah kontrak adalah, atau mengandungi, sewaan sekiranya kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai gantian untuk pertimbangan. Untuk menilai sama ada sebuah kontrak memberi hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, Kumpulan menilai sama ada:

- kontrak melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini mungkin dinyatakan secara jelas ataupun tersirat, dan sepatutnya dapat dibezakan secara fizikal ataupun mewakili segala keupayaan sebuah aset yang berbeza secara fizikal dengan ketara. Sekiranya pembekal mempunyai hak penggantian substantif, aset tersebut tidak dikenal pasti;
- pelanggan mempunyai hak untuk memperoleh segala manfaat ekonomi yang diperoleh daripada penggunaan aset sepanjang tempoh penggunaan dengan ketara; dan
